

“DOKUMEN INI BELUM DISEMAK”

[Senarai Ahli Parlimen dilampirkan]

[Kandungan dilampirkan]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 28 Mac 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah jumlah pinjaman yang telah diluluskan oleh Bank Pertanian sejak tahun 1996 hingga sekarang bagi projek pertanian dan apakah masalah yang dihadapi oleh Bank Pertanian dalam usahanya menggalakkan perkembangan industri pertanian di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh 1996 sehingga 1999 Bank Pertanian Malaysia telah meluluskan pinjaman sebanyak RM2.209 bilion kepada 122,876 peminjam. Masalah utama yang dihadapi oleh Bank Pertanian Malaysia dalam usahanya menggalakkan perkembangan industri pertanian di negara ini khususnya dalam pembiayaan pertanian ialah kesukaran bank mendapatkan projek pertanian yang bersaiz sederhana dan besar disebabkan oleh keberatan pengusaha-pengusaha untuk menceburi kegiatan pertanian dan pengeluaran makanan memandangkan perusahaan sedemikian mempunyai risiko yang tinggi.

Masalah kedua yang kerap dihadapi oleh Bank Pertanian ialah ketidakupayaan pelanggan-pelanggan meyakinkan bank, 'bukan' jaminan pasaran terhadap keluaran walaupun projek mereka adalah baik dan menguntungkan. Pelanggan lebih mementingkan projek dan produk yang akan dihasilkan daripada keupayaan mereka mendapatkan sumber pasaran yang terjamin.

Ketiga, ialah masalah cagaran pinjaman bagi pinjaman kecil. Pada dasarnya semua peminjam harus mempunyai cagaran untuk memastikan setiap ringgit duit

simpanan pelanggan dan pinjaman-pinjaman kerajaan digunakan bagi menandakan pinjaman terjamin dan terlindung. Bank Pertanian tidak berupaya menyerap kerugian pinjaman yang banyak kerana ia tidak mempunyai rizab.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan industri penternak khinzir memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berkenaan dengan saiz sederhana dan besar, pasaran terjamin dan juga berpotensi untuk dapat keuntungan dan juga pertukaran asing. Mengapakah Bank Pertanian sehingga sekarang masih enggan memberi pinjaman kepada penternak-penternak industri ini?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan Tabung Untuk Makanan pinjaman untuk khinzir ini tidak dimasukkan.

[Soalan No. 2 – Y.B. Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab) tidak hadir]

3. **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk menurunkan umur kelayakan pendaftaran sebagai pengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun dan sama ada kerajaan bercadang untuk mengkaji semula sistem pendaftaran pengundi yang diamalkan sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang menurunkan umur kelayakan pendaftaran sebagai pengundi dari 21 tahun ke 18 tahun kerana kerajaan berpendapat had umur 21 tahun adalah bersesuaian untuk menunjukkan kematangan seseorang itu untuk membuat pilihan yang waras dan bertanggungjawab.

Tuan Chow Kon Yeow: Soalan tambahan. Saya rasa Yang Berhormat Menteri tidak menjawab bahagian kedua sama ada kerajaan bercadang untuk mengkaji semula sistem pendaftaran pengundi yang diamalkan sekarang, dan bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan setakat ini berapa peratus rakyat Malaysia yang layak telah didaftarkan sebagai pemilih pilihan raya dan sama ada kerajaan bercadang untuk mengambil langkah untuk mencapai pendaftaran sebanyak seratus peratus supaya semua warganegara dapat menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara memilih kerajaan.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan bahagian yang pertama itu, saya ingin mengumumkan Dewan ini bahawa saya

ingin menjelaskan dengan SPR dan saya akan membuat satu jawapan secara bertulis tentang angka berapakah pemilih-pemilih tidak mempunyai angka itu sekarang.

Untuk jawapan soalan bahagian kedua itu, dari masa ke semasa kerajaan memang mengkaji apa yang terbaik untuk negara kita ini, dan apa jua feedback input daripada sesiapa, iaitu Ahli-ahli Parlimen ataupun sesiapa juga akan diambil kira oleh kerajaan.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kerajaan memang akan mengkaji apa yang terbaik termasuk sistem pendaftaran pengundi. Tetapi apa yang saya bertanya di sini berkenaan dengan sistem perlantikan pegawai Suruhanjaya yang bertugas semasa hari mengundi. Mengikut amalan biasa di dalam pilihan raya-pilihan raya yang lepas bahawa pegawai-pegawai kerajaan seperti guru, kerani dan lain-lain pegawai dari jabatan kerajaan telah dilantik untuk menguruskan proses pengundian. Tetapi sebelum pilihan raya 1999 kita lihat bahawa perjalanan tugas yang dibuat oleh pegawai-pegawai kerajaan yang dilantik itu adalah baik dan licin. Tetapi dalam pilihan raya umum 1999 kita dapati bahawa banyak pegawai kerajaan yang dilantik sementara untuk menguruskan kerja-kerja pilihan raya pada hari pilihan raya itu terdapat mereka tidak menjalankan tugas sebenarnya, melainkan menjadi perayu undi kepada parti pembangkang, iaitu 'bulan bintang' dan 'Adil' dan mereka merayu supaya pengundi-pengundi ini pilih 'bulan bintang'. *[Ketawa]* Apa yang saya ingin mempersoalkan sama ada kerajaan bercadang ataupun ingin mengkaji berkaitan dengan perlantikan pegawai-pegawai ini supaya mereka ini mestilah pegawai yang bebas, yang bertanggungjawab, yang beretika.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof: Terima kasih.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, perlantikan pegawai yang berkhidmat di setiap pilihan raya ini adalah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Dan kerajaan sebagai satu kerajaan telah terlibat untuk memilih siapa dia yang akan dilantik oleh SPR untuk menjalankan tugas dalam pilihan raya. Saya akan kemukakan semua persoalan kepada SPR untuk mereka mengambil tindakan dalam pemilihan sampainya pilihan raya nanti.

[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian) tidak hadir]

5. **Tuan Ronald Kiandee [Beluran]** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah permit/lesen usahasama dengan negara asing untuk perikanan laut dalam bagi Sabah dan Sarawak yang sedang beroperasi sehingga akhir tahun 1999. Sepanjang lima tahun yang lalu berapakah jumlah pendaratan yang diperolehi hasil daripada usahasama ini di negeri-negeri berkenaan.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sehingga tahun 1999 sebanyak 29 lesen perikanan laut dalam secara charter dengan negara asing telah dikeluarkan untuk negeri Sarawak, manakala bagi negeri Sabah sebanyak lima lesen yang sama telah dikeluarkan tetapi vessel-vessel tersebut telah pun kembali ke negara asal.

Jumlah pendaratan ikan di Sarawak hasil daripada charter berkenaan sepanjang tahun 1999 ialah sebanyak 1,657 metrik tan, manakala di Sabah belum menunjukkan apa-apa hasil.

Tuan Ronald Kiandee: Soalan tambahan. Adakah kementerian bercadang untuk mengubahsuai konsep chartered ini kepada usahasama dalam masa-masa akan datang.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang menimbangkan untuk mengadakan, mengubah kepada cara usahasama sedang dipertimbangkan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah sebab kita melihat kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri menampakkan seolah kegagalan dalam usahasama ini, faktor-faktor menyebabkan kegagalan.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya tidak kata kegagalan dalam usahasama.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Seolah-olah dilihat bahawa – maknanya semua charter telah kembali ke negara asal, negara asing.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tidak. Yang di Sabah itu kita belum lagi bermula.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Soalan tadi adakah....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat, tak boleh macam itu.

[Soalan No. 6 – Y.B. Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka) tidak hadir]

7. **Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) berapakah bilangan tenaga mahir yang telah dilahirkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dari ILP, ADTEC dan CIAST dan adakah bilangan ini dapat memenuhi permintaan tenaga kerja mahir negara; dan
- (b) berapakah bilangan ILP dan pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan jumlah kos setiap satu dan sama ada perambahan bilangan pusat latihan ini akan memenuhi permintaan tenaga kerja mahir yang kian meningkat.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Buat masa ini Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Rakyat mempunyai 9 Institut Latihan Perindustrian (ILP), dan 1 Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) dan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) yang masih belum beroperasi dan dijangka beroperasi pada awal tahun 2001. Bilangan tenaga mahir yang telah dikeluarkan oleh institusi latihan ini di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh ialah ILP seramai 10,976 orang tenaga mahir dan CIAST – 85 orang tenaga di bawah Program Latihan Pengajar Kebangsaan dan 4,684 orang tenaga mahir di bawah kursus-kursus jangka pendek. Jumlah ini masih tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan tenaga mahir negara. Oleh itu, kementerian ini telah mengambil langkah untuk menambah 10 buah lagi institusi latihan dan menjelang akhir tahun 2000 dijangka kementerian akan mempunyai 20 buah institusi, iaitu 14 ILP, 4 ADTEC, sebuah CIAST dan sebuah lagi JMTI. Kapasiti latihan untuk keseluruhan institusi latihan dijangka meningkat daripada 4,000 orang kepada lebih 17,000 orang.

- (b) Dalam Rancangan Malaysia Kelapan kementerian ini telah merancang untuk menambah 16 buah Institut Latihan Perindustrian yang baru. Setiap buah institut latihan akan mempunyai kapasiti seramai 600 orang pelatih. Kos pembinaan untuk sebuah institut dijangka berjumlah RM200 juta. Dengan pembinaan institut-institut latihan perindustrian ini dijangkakan akan dapat memenuhi sebahagian besar dari permintaan tenaga kerja mahir negara.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan permintaan untuk tenaga mahir kebelakangan ini meningkatkan dan bilangan yang dilahirkan oleh ILP, CIAST dan ADTEC memang tidak mencukupi seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri. Saya ingin mengetahui sama ada apakah sambutan belia-belia terhadap kursus-kursus yang ditawarkan oleh ILP, CIAST dan ADTEC dan adakah kursus-kursus ini menarik dan apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh kementerian untuk meningkatkan bilangan pelatih-pelatih?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih sahabat saya bagi Bentong. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini sambutannya sebenarnya amat baik. Buat masa ini kapasiti untuk ILP lebih kurang 3,500 orang. Tetapi tiaptiap tahun bila kita mengadakan iklan-iklan di akhbar-akhbar tempatan, ada dua jenis pengambilan iaitu pada bulan Januari dan Julai didapati bilangan mereka yang begitu berminat untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang kemahiran adalah sepuluh kali ganda daripada tempat yang kita sediakan. Untuk menarik minat pelajar-pelajar lepasan SPM, kementerian mulai April ini akan mengadakan road show ke negeri-negeri seluruh Malaysia bagi menerangkan kepada mereka yang berminat khususnya mereka yang lepasan SPM untuk mengetahui kursus-kursus secara lebih mendalam dan kursus-kursus yang disediakan oleh ILP adalah kursus-kursus yang bermutu tinggi yang memang diperlukan dalam suasana industri yang berteknologi tinggi.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Saya hendak tahu kenapa kementerian memberi kebenaran yang begitu mudah kepada syarikat-syarikat asing yang membina kompleks-kompleks ataupun pembinaan industri-industri kompleks seperti logi penapisan, petrochemical plant dan sebagainya untuk membawa buruh-

buruh asing untuk bekerja dalam pembinaan kilang-kilang tersebut, sedangkan Kerajaan Malaysia banyak menubuhkan institut-institut seperti Institut Kemahiran MARA dan sebagainya untuk melatih welder, technician, electrician, instrument technician dan sebagainya dan ini tidak akan memberi ruang kepada syarikat-syarikat asing untuk membawa pekerja-pekerja daripada luar atas alasan bahawa kerja-kerja ini sophisticated, pekerja tempatan tidak ada kemahiran. Apabila pekerja-pekerja asing ini masuk maka orang-orang tempatan tidak mempunyai peluang untuk merasai ataupun mempunyai pengalaman dalam pembinaan loji-loji yang sophisticated ini. Apa tindakan Menteri Sumber Manusia supaya menyekat excuse yang diberikan oleh syarikat-syarikat asing bahawa kita tidak mempunyai tenaga-tenaga yang mahir dalam bidang-bidang seperti ini?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan daripada Yang Berhormat bagi Kemaman – Yang Berhormat bagi Kemaman memang mahir dalam bidang-bidang ini kerana Yang Berhormat memang pembekal kepada peralatan elektronik di industri-industri yang memerlukan kemahiran yang tinggi. Pihak kementerian sebenarnya tidak menafikan wujud insiden-insiden yang sebegini rupa. Tetapi Yang Berhormat perlu sedar bahawa dalam kita pergi ke arah teknologi tinggi negara kita baru dalam jangka 30 tahun sejarah perindustrian berbanding dengan negara-negara lain, negara Barat yang sejarah perindustrian menjangkau lebih daripada 200 tahun. Maka technology transfer, dengan izin, memerlukan masa yang lebih panjang bagi menjana pekerja-pekerja kita supaya lebih mahir, dan kebanyakan peralatan yang digunakan oleh pelabur-pelabur ini adalah peralatan-peralatan yang canggih, yang terbaru, justeru itu, pekerja-pekerja mahir kita belum lagi terdedah. Saya pasti dalam jangka masa yang terdekat kita tahu rakyat kita memang mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk menerima teknologi-teknologi mahir ini dengan kadar segera.

[Soalan No. 8 – Y.B. Dato' Shahnnon bin Haji Ahmad (Sik) tidak hadir]

9. **Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bagaimana Kerajaan Persekutuan dapat menawarkan bantuan kewangan kepada kerajaan negeri dan projek-projek perumahan yang terbengkalai.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan satu soalan lagi iaitu daripada Yang Berhormat bagi Jerlun, Tuan A. Bakar bin Haji Othman yang dijadual pada 29.3.2000 ini kerana dua soalan ini adalah sama dengan tajuk yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, semasa krisis ekonomi melanda negara pada tahun 1980-an, Kerajaan Persekutuan ada menubuhkan Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai di bawah Bank Negara Malaysia sebagai bantuan kewangan bagi membiayai pemulihan projek perumahan yang terbengkalai. Tabung ini ditawarkan terus kepada pihak yang menguruskan pemulihan projek berkenaan, bukan kepada kerajaan negeri. Tabung ini telah tamat pada tahun 1992. Sehingga kini belum ada satu tabung baru diwujudkan bagi menggantikan tabung berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 158 projek perumahan yang masih terbengkalai. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah</i>
Perlis	5
Kedah	5
Pulau Pinang	9
Perak	24
Selangor	29
Wilayah Persekutuan	7
Negeri Sembilan	17
Melaka	5
Johor	17
Kelantan	16
Terengganu	11
Pahang	13

Kementerian ini akan terus berusaha mendapatkan kerjasama pihak-pihak yang terlibat untuk memulihkan projek. Daripada 494 projek yang asalnya terbengkalai, 337 projek telah dapat dipulihkan setakat ini. Kementerian ini juga sedang mengkaji kemungkinan mengesyorkan kepada kerajaan untuk mengadakan

semula satu tabung kewangan untuk membantu memulihkan projek terbengkalai. Sekian.

Datuk Lau Ngan Siew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apakah tindakan yang perlu diambil untuk membantu pemaju-pemaju untuk kes tersebut? Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, pihak pemaju-pemaju yang menghadapi masalah seperti projek terbengkalai ini atau hampir terbengkalai ini, mereka dinasihatkan menghubungi pihak negeri, kalau di peringkat negeri kalau tidak itu boleh terus berhubung dengan kementerian saya supaya data-data mengenai projek berkenaan boleh dikumpul.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pihak kerajaan atau pihak kementerian saya memang ada maklumat-maklumat terperinci mengenai projek-projek yang disebutkan oleh saya tadi dalam jawapan asal iaitu projek yang bersifat terbengkalai yang perlu diberi bantuan daripada kementerian saya dari segi perbincangan dengan pembeli dan juga pihak pemaju supaya kedua-dua pihak itu boleh berusaha untuk memulihkan projek-projek yang disifatkan terbengkalai itu.

Tuan Haji Mohd. Yusof bin Mohd. Noor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Pemaju-pemaju projek perumahan ini biasanya apabila mereka hendak mendapatkan lesen, diminta supaya membuat wang pertaruhan dengan kementerian. Pada asalnya saya rasa, mengikut besar atau kecil projek yang hendak dimajukan. Kemudian ada perubahan iaitu pemaju diminta membayar sebanyak RM250 ribu tetapi bagi syarikat-syarikat yang mempunyai modal berbayar RM250 ribu tidak payah membuat wang pertaruhan. Di kebanyakan rumah-rumah, projek-projek terbengkalai ini ialah oleh kerana pemaju telah menggunakan wang yang dapat *progress payment* itu kepada projek-projek lain maka adakah kerajaan bercadang untuk menggunakan wang pertaruhan ini bagi memulihkan projek-projek yang terbengkalai itu.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, wang yang dikutip daripada pembeli ini tidak boleh digunakan untuk projek mana-mana selain daripada projek yang dimaksudkan di mana pembeli itu membayar harga rumah yang dibelinya. Ini bermaksud, setiap pemaju kena mengadakan satu akaun iaitu satu akaun di mana kita maksudkan *developers account*, akaun pemaju, di mana akaun pemaju itu diawasi dan juga dikawalrapi oleh pihak

bank dan juga pihak kementerian iaitu melalui *controller* akaun tersebut. Ini sudah memadai untuk mengelakkan usaha-usaha di mana pihak pemaju cuba menggunakan wang-wang itu untuk maksud yang lain seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi. Ini tidak akan berlakulah sebab setiap projek itu ada

Tuan Haji Mohd. Yusof bin Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya wang pertaruhan yang dibayar oleh pemaju kepada kerajaan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Saya akan jawab itu juga. Oleh sebab itu maka setiap akaun itu telah dikawal dengan rapi dan tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya. Dan mengenai wang deposit atau wang taruhan itu memang wang itu disimpan oleh kementerian dalam akaunnya dan wang ini tidak dapat digunakan oleh maksud-maksud yang lain selain daripada perbincangan kementerian iaitu melalui *controller* pemaju dengan pihak pemaju dan juga pihak pembeli apabila sesuatu projek menghadapi masalah kewangan itu. Itulah usaha-usaha yang sedang kita buat dan sebab itu juga saya rasa kita berjaya untuk menyelamatkan projek-projek yang sudah menghadapi masalah terbengkalai atau masalah kewangan itu.

10. **Tuan Goh Kheng Huat [Nibong Tebal]** minta Menteri Kewangan menyatakan tarikh pemansuhan dasar penetapan nilai Ringgit Malaysia dengan Dolar Amerika Syarikat. Adakah pihak kementerian sudah bersiap sedia menghadapi implikasi negatif selepas pemansuhan dasar ini dan apakah tindakan yang bakal diambil oleh pihak kementerian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Nibong Tebal yang dijadualkan untuk dijawab pada hari ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat bagi Rasah yang dijadualkan untuk dijawab pada 13 April 2000 memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kawalan peruntukan asing terpilih tidak menjejaskan keyakinan pelabur sebaliknya pelabur-pelabur jangka pendek dan jangka panjang terus mempunyai keyakinan terhadap ekonomi negara. Ini terbukti dengan aliran masuk bersih modal portfolio asing sejak 5 Januari 2000 hingga 15 Mac 2000 sebanyak RM8.5 bilion, yang mana telah menyumbang kepada

peningkatan indeks komposit BSKL yang telah meningkat melebihi 1000 mata baru-baru ini. Sungguhpun indeks komposit BSKL ditutup pada 970.27 mata pada Jumaat yang lalu – semalam saya tidak sempat *check* – ianya masih 269% lebih tinggi berbanding dengan 262.7 mata pada 1 September 1998.

Bagi pelaburan jangka panjang langsung asing pula, jumlah bagi seluruh tahun 1999 adalah RM21.4 bilion berbanding dengan RM20.7 bilion bagi tahun 1998. Kawalan pertukaran asing terpilih termasuk penetapan nilai kadar pertukaran ringgit telah memanfaatkan ekonomi negara dan antara manfaat yang diperolehi adalah seperti berikut:

- (i) eksport negara telah berkembang pesat hingga membolehkan negara mencatat lebih dagangan yang terbesar pada tahun 1999, iaitu RM72.3 bilion atau USD19.0 bilion;
- (ii) rizab luar negara telah meningkat dari RM57.9 bilion atau USD20.2 bilion pada akhir bulan Ogos tahun 1998 kepada RM130.8 bilion atau USD34.4 bilion pada 15 Mac tahun 2000; dan
- (iii) kadar inflasi terus rendah iaitu pada kadar purata 2.8% pada tahun 1999 berbanding 5.3% pada tahun 1998 malah kadar inflasi tahunan bagi dua bulan pertama tahun 2000 ini adalah 1.6% sahaja.

Pendek kata kadar pertukaran ringgit sekarang telah membantu persaingan eksport negara tanpa menjejaskan kestabilan paras harga dalam negara. Di samping itu penetapan nilai ringgit pada kadar semasa bersama-sama dengan kawalan pertukaran asing terpilih telah menstabilkan pasaran kewangan. Hakikat ini telah membantu meningkatkan keberkesanan langkah-langkah kerajaan pemulihkan ekonomi negara serta memperkukuhkan sistem kewangan melalui penstrukturan sektor perbankan dan korporat.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa kadar pertukaran ringgit sekarang akan terus dikekalkan memandangkan ianya adalah selaras dengan asas-asas ekonomi negara dalam keadaan semasa dan banyak memberi faedah kepada pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara kita. Namun begitu, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia akan terus memantau perkembangan-

perkembangan domestik dan luar negara yang mungkin mempunyai implikasi ke atas kadar pertukaran ringgit dan jika perlu akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan kadar pertukaran ringgit adalah terus selaras dengan asas-asas ekonomi negara. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hai! Sudah balik daripada Sanggang. *[Ketawa]* Terima kasih sate malam tadi. Saya minta peti undi Tuan Yang di-Pertua - PAS ini bukan main sekarang, buat sate, sembelih lembu, sembelih kerbau, tengok dia punya ini *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila bertanya Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Soalan tambahan saya. Ini kata tidak menggunakan wang. Ini saya syabas kepada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang usaha kita, kejayaan kita dalam memulihkan ekonomi, menyelamatkan ekonomi kita melalui penggunaan pertukaran asing secara terpilih. Dan pada ketika um um mengetahui banyak tekanan daripada Barat, IMF, daripada negara-negara Eropah terutama Amerikalah yang menekan kepada kita. Sekarang ini bagaimana? Adakah mereka ini sudah menerima kenyataannya bahawa cara kita memulihkan ekonomi negara kita cara yang terbaik kalau dibandingkan cara-cara IMF. So, persoalan saya, adakah mereka menerima fomula kita dan adakah masih mereka terus tidak menerima dan memberikan tekanan kepada kita tentang dasar ini. Dan mahukan kita memberhentikan dasar ini iaitu dasar pertukaran asing secara terpilih.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat sahabat saya, Rompin. Memang benar di peringkat awal dasar ini diperkenalkan, kita banyak menerima tekanan daripada pihak-pihak asing yang mengatakan ini merupakan satu langkah kebelakang dan sebagainya. Tetapi kini nampaknya semua pihak memuji-muji tindakan kita.... *[Disampuk]* Melainkan saudara-saudara kita yang masih lagi enggan ataupun... *[Disampuk]* Itu terlalu keras juga – tetapi saya rasa... *[Ketawa]* Masih enggan menerima kenyataan dan hakikat ini. *[Ketawa]*

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tindakan tegas dan berani Malaysia ini iaitu dengan kawalan terpilih dan menetapkan RM3.80 pada USD1 bererti Malaysia telah mengemukakan satu alternatif, satu model kepada negara-negara Asia yang lain. Iaitu satu dasar yang selain dari dasar IMF yang ortodoks dengan dasar fiskalnya dan dasar

kewangan yang ketat tetapi kita telah mengemukakan satu model atau dasar yang baru untuk menjadi pilihan di negara-negara Asia. Dengan sebab itu dalam persidangan UNTEC baru-baru ini, ketua pembangunan dasar UNTEC iaitu Dr. Yilmuz Akyuz, beliau mengatakan *Malaysia did Asia a favour* dengan pengenalan dasar ini, Dr. Yilmuz Akyuz mengatakan *Malaysia did Asia a favour* ertinya kita bukan sahaja memberikan satu *breathing space* kepada Malaysia tetapi juga kepada negara-negara Asia dan ini telah membolehkan kita membuat satu pengstrukturian baru dalam masalah ekonomi negara kita dan juga telah menjadikan kegawatan yang kita hadapi bermula dari Julai 1997 itu tidak menjadi seteruk ataupun seburuk jikalau kita meneruskan.....

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Nor: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Dia belum habis lagi Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ismail: Jikalau kita tidak menjalankan dasar ini. Jadi, saya rasa, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Rompin bahawa akhir-akhir ini kesemua pihak sama ada IMF malah Michel Camdessus juga, telah mengatakan bahawa dasar yang kita jalankan adalah praktikal, pragmatik dan sesuai untuk suasana yang ada sekarang dan kita telah mengambil satu langkah cukup wajar, cukup bijak dan cukup baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pendang.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jeli. [*Ketawa*] [*Disampuk*]

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Nor: Saya hendak dapat penjelasan daripada kerajaan. Pihak kerajaan selalu menyebutkan tentang formula Malaysia ini mendapat pujian, saya ingin tahu adakah terdapat di antara negara-negara Asean atau mana-mana negara di Asia yang mengambil formula Malaysia untuk menyelesaikan masalah ekonomi negara mereka. [*Disampuk*]

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, Malaysia dengan langkahnya ini telah memberikan satu model baru kepada negara Asia oleh kerana itu maka pihak-pihak yang selama ini menekan negara-negara Asia mengambil satu langkah yang fleksibel terhadap kita, terhadap negara-negara Asia yang lain seluruhnya. Kerana *flexibility* itu maka tidak perlu negara-negara Asia yang lain mengikuti langkah yang kita ambil. Kerana kita yang memulakan satu langkah supaya Barat tidak begitu 'rigid' terhadap kita.

Dan saya hendak beri satu contoh, bahawa Bank Negara Filipina, baru-baru ini telah mengeluarkan satu arahan seperti yang kita ada di sini - dasar kita iaitu mereka mengeluarkan arahan supaya portfolio asing yang datang ke Filipina mesti kekal untuk tempoh tertentu kerana ini satu dasar yang mereka ikuti daripada kita, Bank Negara Filipina. Kalau saya hendak..., Yang Berhormat boleh tengok laporan pada *Business News* pada 26 Januari 2000 iaitu Bank Negara Filipina juga ikuti contoh yang kita lakukan di sini. *[Disampuk]* Terima kasih.

[Soalan No. 11 – Y.B Song Swee Guan (Bandar Kuching) tidak hadir]-

Tuan Lim Hock Seng : Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching tidak pernah datang ke Parlimen, saya ingin mengambil soalan ini. *[Disampuk]*

12. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauhmana usaha telah dijalankan untuk menebat banjir di Kuala Lumpur meskipun projek telah dimulakan lebih dari satu dekad dan bagaimanakah kesalahan pemaju-pemaju tanah yang engkar peraturan kerja-kerja tanah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, - rancangan tebatan banjir Kuala Lumpur dimulakan pada tahun 1973 ekoran banjir besar pada tahun 1971 yang anggaran kos sebanyak RM130 juta. Pada tahun 1999, kerja-kerja pembaikan sungai diperluaskan untuk meliputi keseluruhan Lembah Sungai Klang dan kos projek ditingkatkan kepada RM800 juta untuk rancangan tebatan banjir di Lembah Sungai Klang.

Memandangkan pembangunan yang pesat di Lembah Sungai Klang dalam beberapa tahun kebelakangan ini skop kerja sungai telah diperluaskan bagi menampung air larian yang meningkat kos kepada RM1,277 juta dan dijadualkan siap pada tahun 2005. Kemajuan projek Tebatan Banjir di Lembah Sungai Klang sehingga kini ialah 50% siap. Masalah mendapan sungai-sungai dalam sistem saliran adalah akibat kekurangan kawalan kerja tanah di tapak pembangunan. Walaupun kemudahan untuk mencegah kelodak seperti perangkap kelodak disediakan tetapi kurang berfungsi kerana masalah penyelenggaraan.

Bagi pemaju-pemaju yang engkar peraturan kerja tanah, tindakan akan diambil oleh pihak penguasa tempatan. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Rizab sungai boleh dikorek bagi tujuan melebarkan dan mendalamkan dasar sungai supaya muatan air dapat ditampung lebih banyak.

Soalan saya ialah bagaimanakah projek tebatan banjir Sungai Klang dan sungai lain dilakukan, berapa luas rizab sungai yang telah diambil dan dikorek setakat ini? Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, kos struktur bagi melebarkan dan mendalamkan lembah Sungai Klang yang meliputi kebanyakan Sungai Klang dan sebelah sungai terutama ialah lebih kurang RM1.3 bilion. Banyak kemudahan yang didapati dan saya akan beri jawapan secara bertulis kalau hendakkan secara detail kerana saya pun tidak tahu. Terima kasih.

Tuan Mah Siew Keong: Soalan tambahan. Oleh kerana masalah banjir berlaku di seluruh negara dan bertambah serius di beberapa tempat, adakah kementerian bercadang mewujudkan satu task force banjir yang mengandungi pakar-pakar untuk menumpu lebih perhatian dan resources mengatasi masalah ini kerana saya berpendapat task force ini dapat pergi dari satu negeri ke satu negeri untuk mendapat *on the ground observation* di tempat yang serius dan dapat memberi cadangan dan kepakaran mereka menolong pihak JBS negeri. Adakah kementerian bercadang mewujudkan task force ini secepat mungkin? Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang ada yang dikatakan committee ataupun jawatankuasa yang meliputi JPS, pihak kerajaan tempatan dan juga kerajaan negeri dan perkara ini selalu dibincangkan oleh pihak mereka dan perkara ini saya ingat akan diteruskan lagi. Saya percaya di Teluk Intan kita sedang mengadakan satu projek tebatan banjir yang khas untuk Teluk Intan dan saya percaya pihak konsultan dan juga pihak JPS atau juga kerajaan negeri akan terus memberi keutamaan kepada keadaan banjir di kawasan Teluk Intan. Terima kasih.

13. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Kesihatan menyatakan peratusan rakyat di negara ini yang dijangkiti virus penyakit berjangkit dari tahun 1995-1999. Nyatakan juga langkah-langkah pencegahan yang telah serta akan diambil oleh pihaknya.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya agak panjang sedikit, saya mohon menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat minta buat apa?

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Jawapan agak panjang sedikit tetapi saya mohon menjawab ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya tetapi tidak bolehkah pendekkan sedikit?

[Ketawa]

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila sila.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Maklumat kejadian penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus adalah seperti berikut:

Daripada tahun 1995 hingga 1999:

- **HIV:**
 - 4,431 orang pada tahun 1995;
 - 4,944 orang pada tahun 1996;
 - 4,492 orang pada tahun 1997;
 - 5,499 orang pada tahun 1998;
 - 4,821 orang pada tahun 1999.
- **Demam Denggi**
 - 6,156 orang pada tahun 1995;
 - 13,723 orang pada tahun 1996;
 - 18,642 orang pada tahun 1997;
 - 26,240 orang pada tahun 1998;
 - 8,281 orang pada tahun 1999.
- **Denggi Berdarah :**
 - 387 orang pada tahun 1995;
 - 532 orang pada tahun 1996;
 - 787 orang pada tahun 1997;
 - 1,133 orang pada tahun 1998;
 - 492 orang pada tahun 1999.
- **Poliomyelitis Acute :**
 - tidak ada sepanjang tahun 1995 sampai 1999.
- **Rabies:**
 - 6 orang pada tahun 1996;

- 7 orang pada tahun 1997;
- 1 orang pada tahun 1998; dan
- tidak ada pada tahun lalu.
- **Viral Encephalitis:**
 - 7 orang pada tahun 1995;
 - 18 orang pada tahun 1996;
 - 12 orang pada tahun 1997;
 - 64 orang pada tahun 1998; dan
 - 161 orang pada tahun 1999.
- **Viral Hepatitis:**
 - 1,078 orang pada tahun 1995;
 - 1,581 orang pada tahun 1996;
 - 714 orang pada tahun 1997;
 - 5,410 orang pada tahun 1998; dan
 - 3,291 orang pada tahun lalu.
- **Yellow Fever dan Ebola:**
 - tidak ada sepanjang tahun 1995 hingga tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, kawalan pencegahan penyakit-penyakit ini adalah saya ringkaskan seperti berikut:

- **HIV**

Terdapat program khas yang menelan belanja RM10.17 juta. Ini termasuk segala aktiviti pengesanan seluruh negara terutama di golongan risiko tinggi.
- **Demam Denggi dan Denggi Berdarah**

Kempen Anti Nyamuk diadakan bersama dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Tempatan dan kawalan penyakit ini juga melalui beberapa program kawalan di bawah vendor di samping rawatan-rawatan kepada pesakit yang diberikan sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, kawalan poliomyelitis ini diadakan pelalian sebanyak tiga dos yang diberikan secara percuma kepada semua bayi yang berumur antara tiga hingga lima bulan di klinik-klinik kerajaan:

- **Rabies**
Aktiviti kawalan dilakukan bersama dengan kerjasama Jabatan Haiwan terutama yang berkaitan dengan haiwan.
- **Viral Encephalitis**
Buat masa ini pelalian Japanese Encephalitis diberi secara percuma oleh Kementerian Kesihatan kepada penduduk yang berisiko tinggi.
- **Viral Hepatitis**
Bagi pencegahan jangkitan penyakit Hepatitis B, pelalian secara rutin diberi kepada semua bayi baru dengan percuma.
- **Yellow Fever**
Kawalan dan pencegahan kemasukan jangkitan penyakit ini dibuat melalui Penguatkuasaan Undang-undang Kesihatan Antarabangsa 1969 di mana semua pelawat daripada negara Yellow Fever diwajibkan mengambil pelalian Yellow Fever ini.
- **Ebola**
Tuan Yang di-Pertua, kejadian penyakit ini belum pernah dilaporkan di negara ini. Pemantauan rapi dibuat melalui maklumat surveillance di seluruh negara dan sukalah saya nyatakan bahawa di samping aktiviti yang disebut kita juga telah membuat cadangan menubuhkan Pusat Penyakit Berjangkit dan memperkukuhkan Sistem Surveillance Penyakit Berjangkit di Kementerian Kesihatan.

Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya nampak Yang Berhormat cuba menjawab dengan sepenuh-penuhnya tetapi ada kelemahan-kelemahan yang saya nampak – jawapan itu tidak tepatlah. *[Disampuk]* Soalan memang banyak. Ini soalan kesihatan paling banyak.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan mengapa angka HIV itu begitu rendah dan daripada angka lebih 4,000 ini, apakah yang dianggarkan oleh Yang Berhormat keadaan yang sebenarnya di negara ini? Adakah faktor pendatang yang membawa virus kepada negara ini dan apakah tindakan untuk mempertingkatkan penyelarasan di antara kementerian dan Kementerian Pertanian khasnya Jabatan Veterinar?

Tuan Yang di-Pertua, kerana saya sebutkan virus ini berjangkit kebanyakan daripada haiwan sama ada haiwan yang dipelihara ataupun haiwan liar. Ini memang Yang Berhormat mungkin perlu mengambil perhatian yang lebih untuk memantau, mengawalseliakan kegiatan dan penyakit virus di kalangan haiwan liar dan yang dipelihara.

Bolehkah Yang Berhormat jawab dengan tepatlah, jangan 'merewel' sedikit.

[Ketawa]

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rendah sebab kita berjaya melalui sistem pencegahan yang kita buat, maka tidaklah merebak HIV di negara ini. Namun demikian, angkanya adalah 21.23 bagi setiap 100,000. Kita tidak nafikan memang pembawa penyakit ini ada juga datang daripada penghijrahan orang asing tetapi saya hendak beri keyakinan bahawa Yang Berhormat tidak usah risaulah semua di bawah kawalan yang cukup mantap.

Tuan Yang di-Pertua: Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan kes-kes demam denggi yang makin serius, saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, apakah langkah-langkah yang lebih berkesan supaya dapat mewujudkan kesan yang baik dengan source reduction untuk nyamuk-nyamuk supaya pihak Kementerian Kesihatan dengan kerjasama daripada pihak berkuasa tempatan untuk mengadakan lebih kempen pendidikan kesihatan dan dengan mengadakan penguatkuasaan undang-undang yang lebih berkesan.

Nampaknya, pihak kementerian dan Pihak Berkuasa Tempatan ada menjalankan pemeriksaan. Pada tahun 1999 sudah menjalankan pemeriksaan lebih kurang empat juta kali tetapi mengapa banyak pemeriksaan telah dibuat tetapi tidak datang kesan yang baik, apakah sebab? Oleh yang demikian, bolehkah Yang Berhormat beri penerangan apa tindakan yang berkesan boleh diamalkan untuk mengurangkan kes-kes denggi terutama kes-kes denggi yang berdarah. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ini menyangkut tabii manusia. Setakat kerajaan kerjasama dengan agensi kerajaan yang lain kita telah menjalankan kempen untuk menghapus sama sekali denggi ini. Apabila menyangkut tabii manusia, kekotoran, kebersihan, buang sampah dengan

tidak tentu tempat, maka penyakit ini sukar mendapat kawalan untuk membantu kerajaan.

[Soalan No. 14 - Y.B. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] tidak hadir]

15. **Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah jenis perkhidmatan sokongan hospital-hospital kerajaan yang telah dan akan diswastakan serta namakan syarikat-syarikat yang sudah memperolehi konsesi penswastaan termasuk nilainya sekali.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada 17 Februari kepada Yang Berhormat bagi Rompin, Yang Berhormat bagi Pendang pada 22 Februari 2000 dan hari ini Yang Berhormat bagi Kemaman. Seterusnya pada 29 Mac depan dan Yang Berhormat bagi Kerian pada 11 April.

Saya minta Tuan Yang di-Pertua, kerana sudah dijawab tiga kali apakah perlu saya menjawabkan?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak perlulah, terima kasih. Yang Berhormat Dr. Yee Moh Chai.

16. **Dr. Yee Moh Chai [Tanjong Aru]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan guru-guru di semua sekolah rendah dan menengah di Sabah; dan
- (b) apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan tempat tinggal guru-guru terutamanya di kawasan luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru di Sabah bagi sekolah rendah ialah seramai 17,695 orang dan bagi sekolah menengah ialah seramai 9,081 orang. Untuk mengatasi masalah tempat tinggal guru khususnya di kawasan luar bandar, Kementerian Pendidikan telah merancang untuk membina sebanyak 28,628 unit rumah guru di seluruh negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Daripada jumlah ini sebanyak 1,280 unit rumah guru daif dibina di bawah Program Ubahsuai dan Naik Taraf Bangunan menggantikan rumah guru yang sedia ada yang uzur.

Di negeri Sabah khususnya terdapat sebanyak 4,656 unit rumah guru sedia ada mana kala 702 unit sedang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya apakah kerajaan sedar tentang masalah yang dihadapi oleh guru-guru sandaran di negeri Sabah di mana mereka telah berkhidmat beberapa tahun dan selepas itu perkhidmatan mereka tidak diperbaharui dan mereka juga menghadapi kesukaran untuk memasuki maktab-maktab perguruan atas alasan bahawa mereka ini tidak berkelayakan, sedangkan mereka sudah berkhidmat beberapa tahun. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya pihak kementerian sekarang sedang meneliti mengenai perkara guru sandaran dan baru-baru ini telah pun saya bangkit dengan pihak pegawai-pegawai yang berkenaan.

Jadi, kita sedang mendapat segala macam maklumat dan data-data yang perlu daripada Sabah dan sesudah itu kita akan mengambil tindakan selanjutnya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Oleh kerana kerajaan sudah lama sedar tentang kekurangan tempat tinggal bagi guru-guru sama ada luar bandar dan juga dalam bandar, apakah kerajaan belum bercita-cita untuk mengadakan kompleks sekolah bersama-sama dengan kuarters guru, mungkin disediakan 80% daripada tenaga-tenaga guru secara integrated seterusnya. Tetapi saya tengok sekarang ini masih projek-projek baru Kementerian Pendidikan yang di bawah Tabung Bank Dunia masih lagi tidak diperuntukkan sejumlah yang munasabah kuarters guru-guru bersama-sama dengan bangunan sekolah tersebut. Bila agak-agaknya kementerian bercadang untuk buat integrated straight tidak timbul sudah soalan-soalan macam tadi? Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat. Segala pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat bagi Jeli tadi kita ambil perhatian khususnya. Sebenarnya, apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai kompleks sekolah secara integrated dengan rumah guru sebenarnya telah

ada tetapi apa yang berlaku sekarang ialah bagaimana kita hendak mempertingkatkan lagi kaedah itu.

Lagipun saya minta Yang Berhormat bersabarlah, sekarang ini kerajaan kita di bawah pimpinan Barisan Nasional kita tidak akan lari daripada segala apa janji dan juga rancangan yang telah kita adakan. Inilah apa kita panggil segala macam perancangan yang telah kita adakan, kita tetap laksanakan.

Begitu juga dengan segala apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai tabung bagi mempertingkat dan memperbanyakkan rumah guru, sekarang ini sudah berjalan. Malah, kita hendak cepat, kalau boleh kita hendak cepat, kita tidak hendak lengah-lengah lagi dan memang kalau boleh kita hendak selesaikan masalah rumah-rumah guru terutama sekali di luar bandar.

Sebagai maklumat pihak Yang Berhormat juga, kita juga membina rumah-rumah guru di kawasan bandar kerana kalau Yang Berhormat tahu kawasan-kawasan bandar juga sewa rumah begitu tinggi. Jadi, ini juga kita mengambil perhatian.

Akhir kata, saya boleh nyatakan di sini pihak Kementerian Pendidikan tetap beri perhatian dan begitu prihatin terhadap kebajikan guru-guru kita pada keseluruhannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 4, 6, 8, 11, 14 dan 17 hingga 23 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan Usul Anggaran Pembangunan 2000 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Keenam]*

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.22, B.23 dan B.24 [Jadual] –

Maksud P.22, P.23 dan P.24 [Anggaran Pembangunan 2000] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.22, B.23 dan B.24 dan Kepala Pembangunan P.22, P.23 dan P.24, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyambung ucapan.

11.06 pagi.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato’ Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Pengerusi, terima kasih, sambungan semalam berkaitan dengan perkara dan soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Lumut berkaitan dengan jeti di kampung baru dan juga tempat-tempat tarikan eco-tourism dan juga mempromosikan jambatan Sungai Dinding.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jeti di Kampung Baru Lumut, bukanlah satu projek kementerian, sebab itu ke kementerian tidak bertanggungjawab untuk menyelenggarakan jeti itu.

Mengenai promosi tempat-tempat tarikan eco-tourism seperti di Pulau Pangkor, kementerian saya sememangnya telah berusaha untuk mempromosikan ecotourism dan agrotourism sebagai salah satu produk pelancongan yang boleh dipromosikan. Oleh itu, kerjasama daripada Yang Berhormat amatlah dihargai bagi memastikan tempat-tempat ecotourism itu sentiasa dipelihara daripada pencemaran. Amatlah penting kesedaran awam dalam usaha untuk menjadikan ecotourism tumbuh secara berterusan.

Begitu juga dengan aktiviti-aktiviti di Tentera Laut Malaysia. Kerjasama dari kerajaan negeri dalam memastikan aktiviti-aktiviti serta acara-acara yang difikirkan wajar untuk dimasukkan ke dalam calendar of events yang boleh diedarkan serta mempromosikan oleh kementerian. Jadi, kementerian adalah setiap tahun ada satu calendar of events dan kita edarkan ke seluruh negeri dan juga luar negeri.

Tuan Pengerusi, perkara-perkara dan soalan-soalan yang berkaitan yang ditimbulkan oleh Ahli Parlimen Kubang Kerian yang berkaitan dengan pantai-pantai yang cantik di mana terdapatnya pembangunan hotel-hotel pantai tersebut menjadi hak milik hotel dan dilarang daripada orang awam memasuki kawasan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun hotel-hotel dibina di tepi-tepi pantai, ini tidak maknanya kawasan pantai itu menjadi hak milik hotel. Malahan adalah hak milik kerajaan negeri dan di bawah bidang kuasa kerajaan tempatan. Oleh itu, orang awam adalah bebas untuk memasuki kawasan tersebut. Pernah berlaku di mana Hotel Mutiara di Pulau Pinang pada satu ketika tidak membenarkan orang awam memasuki kawasan pantai tetapi ianya telah diarahkan dibuka oleh kerajaan negeri.

Lagipun Ahli Parlimen Kubang Kerian mencadangkan supaya menaikkan taraf pintu masuk lapangan terbang Kota Bharu. Pada masa sekarang, lapangan terbang di Kuantan telah memadai untuk menjadi had bagi pintu masuk ke timur.

Berkaitan dengan memperkenalkan pemuliharaan tapak-tapak bersejarah dan monumen Makam Tok Janggut, Kelantan. Tok Janggut adalah lambang perjuangan orang Melayu menentang penjajah Inggeris di negeri Kelantan dan sewajarnya makam beliau dijadikan sebagai tapak bersejarah dan monumen. Jabatan Muzium dan Antikuiti telah mengambil tindakan untuk mengekalkan dan memelihara makam Tok Janggut sejak tahun 70-an. Jabatan Muzium juga telah membina pagar dan struktur di sekeliling makam tersebut. Selain daripada makam tersebut, jabatan ini juga telah menjaga dan memelihara tempat-tempat sejarah lain seperti Makam Diraja di Kota Kubang Labu dan bangunan bersejarah seperti Masjid Kampung Laut. Jabatan Muzium dan Antikuiti sentiasa bekerjasama dengan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam memelihara tapak-tapak sejarah dan monumen lama.

Berkaitan dengan aktiviti-aktiviti berkenaan dengan ekskavasi di Kelantan. Negeri Kelantan adalah sebuah negeri yang mempunyai peninggalan sejarah yang unggul sejak beribu tahun dahulu. Jabatan Muzium dan Antikuiti telah melaksanakan kerja-kerja ekskavasi di seluruh negeri Kelantan. Tapak-tapak yang diselidiki ialah Kota Kubang Labu yang tadi saya telah sebutkan, yang telah menghasilkan pelbagai bukit dan artifak yang diduduki di kota tersebut adalah pusat perdagangan yang maju pada abad ke-17 dan ke-18. Jabatan Muzium telah membuat kajian di Hulu Kelantan

seperti di Gua Musang, Pulai, Gua Char dan lain-lain lagi yang telah menghasilkan bukti bahawa manusia telah mendiami kawasan tersebut sejak 12,000 tahun lalu.

Yang pentingnya ialah terdapat bukti tentang wujudnya sebuah pusat kerajaan Sri Vijaya selaras dengan apa yang diceritakan oleh ahli pelayaran China yang melawat kawasan itu pada abad ke-13, yang bernama Chee Tu, mendapatkan bukti yang kukuh.

Kajian-kajian lain di Hulu Kelantan akan diteruskan untuk mendapatkan bukti yang lebih konkrit tentang prasejarah Malaysia amnya dan negeri Kelantan khususnya.

Tuan Pengerusi, Ahli Parlimen bagi Kubang Kerian mencadangkan menubuh Muzium Islam dengan menekankan konsep pameran kepada perspektif kejadian manusia, sejarah nabi-nabi dan peradaban Islam. Kerajaan Malaysia sedar tentang pentingnya menubuhkan sebuah Muzium Islam memandangkan Islam adalah agama negara kita.

Berhubung dengan itu, JAKIM telah mengorak langkah dengan wujudnya Galeri di bawahnya iaitu di Pusat Islam atas kesedaran tentang peranan Islam dalam membina tamadun manusia.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju membina sebuah muzium yang dinamakan Muzium Kesenian Islam di atas tapak bangunan Pusat Islam yang lama. Penubuhan muzium ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan Bokhari. Muzium Kesenian Islam ini memaparkan tentang kehebatan pemikiran dan ketinggian seni Islam seluruh dunia. Muzium ini telah dibuka dan telah menjadi daya tarikan ibu negara khususnya.

Selain dari Muzium Kesenian Islam, terdapat juga Muzium Islam di Sarawak yang juga mempamerkan bahan-bahan tokoh-tokoh Islam, seni bina negeri-negeri lain juga sedang mengambil langkah untuk menubuhkan Muzium Islam seperti di Melaka dan di Sabah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bertanya, apakah tindakan ke atas usaha anak Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Pada masa sekarang, Arkib Negara Malaysia ada mewujudkan Tabung Projek Peringatan P. Ramlee yang berfungsi untuk mengenang kembali jasa-jasa Allahyarham P. Ramlee tetapi tabung

tersebut tidak ada peruntukan untuk membiayai perusahaan anak-anak keluarga Tan Sri P. Ramlee. Kementerian juga ada mendirikan tempat peringatan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee, Pustaka Peringatan dan juga rumah kelahiran Tan Sri P. Ramlee di Pulau Pinang.

Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ada bertanya mengapakah peruntukan disediakan pada tahun 2000, sedangkan projek Panggung Negara yang telah siap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungguhpun projek Panggung Negara telah siap, kementerian masih lagi di dalam peringkat menyelesaikan bayaran akhir kepada kontraktor termasuk peruntukan perubahan kerja VO dan tuntutan loss and expenses, dengan izin, yang mana sedang diteliti oleh perunding-perunding bagi dikemukakan untuk kelulusan kementerian. Bayaran akhir kepada perunding-perunding pula akan hanya dijelaskan selepas akaun muktamad projek itu diselesaikan.

Tuan Pengerusi, menjawab soalan mengapa jumlah kajian sebanyak RM1 juta adalah begitu kecil untuk kajian produk pelancongan. Keprihatinan Yang Berhormat kepada peruntukan ini sangatlah dihargai. Walau bagaimanapun, RM1 juta ini adalah untuk membuat kajian-kajian tertentu yang dibuat oleh konsultan-konsultan dari Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Utara Malaysia, seperti kajian semula Dasar Pelancongan Negara yang dibuat oleh Universiti Utara Malaysia dengan kajian domestik tourism dan kajian membangunkan produk-produk pelancongan yang sedang dibuat oleh konsultan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tuan Pengerusi, mengenai impak cuti Sabtu, yang disoalkan oleh Ahli Parlimen Kubang Kerian. Konsep cuti Sabtu minggu pertama setiap bulan yang bermula pada awal tahun 1999, sememangnya telah berjaya memajukan sektor pelancongan domestik. Ini telah terbukti melalui suatu kajian dikenali sebagai Kajian Cuti Sabtu yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dari bulan April 1999 hingga bulan September 1999 di dua lokasi, kawasan rehat dan rawat Lebuhraya Utara-Selatan iaitu di Tapah dan Air Keroh serta beberapa pejabat kerajaan dan swasta terpilih di sekitar Kuala Lumpur.

Dari seramai 2,380 respondent yang telah ditemuduga bagi kajian itu, iaitu 47.7% kakitangan awam dan 52.3% kakitangan swasta, hasil kajian telah menunjukkan bahawa cuti Sabtu minggu pertama setiap bulan telah menggalakkan

90.5% respondent untuk melakukan lawatan domestik. Dari kajian itu juga telah dianggarkan bahawa dengan adanya cuti Sabtu ini, jumlah perjalanan pelancong domestik sepanjang tahun 1999 ialah sebanyak 15.8 juta iaitu 90% lebih banyak dari jumlah yang dianggarkan jika tidak ada cuti Sabtu.

Tuan Pengerusi, berkenaan website yang dicadangkan

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Pokok Sena berdiri.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa cuti Sabtu awal bulan itu telah memberikan ruang penggalakan kepada pelancongan dalam negeri secara tidak langsung. Adakah kementerian berhasrat untuk memohon daripada Kabinet, dari kerajaan sendiri untuk mencadangkan supaya setiap Sabtu maknanya diberikan cuti untuk semua sektor supaya memberikan galakan lagi untuk pelancongan dalam negeri.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Pengerusi, kementerian saya akan mengambil cadangan itu, tetapi kita mesti melihat promosikan step by step, dengan izin. Pertama, satu hari cuti satu bulan, selepas itu dua kali satu bulan, lihat macam mana. Jikalau lepas dua minggu ada menggalakkan, jadi kita boleh kaji pula. Jangan terus habis semua empat hari Sabtu, lepas itu pembangkang kata kita beri cuti-cuti sahaja, tak kerja sahaja. Jadi, kita mestilah balancing act itu mustahak.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pula, website dengan e-commerce. Website tourism Malaysia diwujudkan untuk mempromosi Malaysia dan memberi kemudahan berkunjung, berinteraksi dengan pegawai-pegawai di tourism Malaysia. Ciri-ciri e-commerce tidak ada di website. Kementerian menggalakkan penggunaan e-commerce oleh agensi pelancongan yang lain untuk menembusi pasaran global. Pada masa yang sama, kementerian dan Tourism Malaysia sedang ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Pendang berdiri, Yang Berhormat. Ya, sila.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Pengerusi, terima kasih dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai dengan program menarik pelancong-pelancong luar datang ke Malaysia bukan sahaja melalui rombongan-rombongan

tetapi juga melalui penggunaan Internet. Dan adakah kerajaan bersetuju ataupun Timbalan Menteri berkenaan bersetuju bahawa di antara faktor yang dapat merangsang keinginan pelancong-pelancong luar datang ke negara kita ialah untuk melihat kemurnian, budi bahasa, tingkah laku dan tata susila rakyat negara ini kerana orang-orang di Barat, mereka hampir ketandusan aspek-aspek ini.

Tidakkah kerajaan menyedari bahawa dengan tindakan dan perbuatan Menteri Besar Pahang yang menunjukkan sikap tidak berakhlaknya apabila dia menunjukkan isyarat lucuh pada hari penamaan calon di Sanggang dan telah pun disiarkan dalam Internet gambar itu dan sewaktu saya berada di Johor dua hari sudah, saya telah ditunjukkan keratan akhbar *Berita Harian* Singapura yang menyiarkan dan juga membuat sedikit ulasan tentang gambar itu dan tidakkah ini telah menjejaskan moral dan juga imej Malaysia kepada negara-negara asing dan sekali gus akan menyebabkan minat para pelancong untuk melihat kemurnian budaya dan ketinggian adab sopan negara kita telah terjejas dengan perbuatan itu. Dan tidakkah wajar pada pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa pengundi-pengundi di Sanggang menolak Barisan Nasional. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Yang hujung itu tak payah jawab, jawab yang pangkal sahaja. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Pengerusi, itulah memang jikalau Yang Berhormat nampak tahun 1998, kita punya imej Malaysia telah menurun sebab media-media negatif yang dibuat oleh orang kita sendiri di Malaysia di luar negara. Jadi, memang kita semua Malaysian mestilah menjaga imej kita. Jadi, apa yang berlaku di Sanggang, itu bukan satu produk pelancongan! Mengapa dibuat di website untuk semua negara, itu kita punya hal rumah kita, siapa yang bawa kepada seluruh negara, di seluruh global?

Jadi, jikalau kita melihat di Parlimen adakah Ahli-ahli Parlimen yang begitu, dengan izin, fears, dengan lawannya. Jadi, Tuan Pengerusi, janganlah kacau saya lagi, sebab jawapan saya di sini memang panjang, dekat dua jam ya.

Tuan Pengerusi, ..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Dekat dua jam.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Janganlah panjang sangat.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Dari Ahli Parlimen Bandau, website ini dah...okay...habis. Ahli Parlimen Bandau – diatasi accessibility ke Sabah dan Sarawak. Pada ketika ini terdapat 32 penerbangan antarabangsa seminggu ke Sarawak dan 57 penerbangan antarabangsa ke Sabah. Bilangan seat capacity pula ialah sebanyak 4,268 tempat duduk seminggu bagi Sarawak dan 9,434 tempat duduk seminggu bagi Sabah. Bagi tahun 1999, Sabah telah menerima seramai 264,000 orang pelancong antarabangsa bertambah sebanyak 35.5% berbanding jumlah 195,000 orang bagi tahun 1998. Sabah pula telah menerima seramai 142,000 orang pelancong antarabangsa iaitu bertambah 34.3% berbanding 106,000 orang pada tahun 1998.

Pada cadangan untuk mengadakan semula perkhidmatan feri antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, adalah difikirkan sebagai tidak feasible pada masa ini. Faktor utama yang meyebabkan demikian ialah jauh perjalanan antara 18 sampai 20 jam dari Semenanjung Malaysia ke Sarawak. Ke Sabah akan mengambil masa lebih lama lagi. Faktor kedua, ialah faktor musim tengkujuh di mana Laut China Selatan amat bergelora dan feri dijangkakan tidak boleh beroperasi lima bulan dalam satu tahun. Berbanding dengan North Sea tidak boleh dibuat kerana Laut China Selatan adalah lebih bergelora lagi. Faktor ketiga ialah kos, dengan disadvantage lamanya perjalanan dan faktor connection time, dengan izin, berapakah harga berpatutan yang boleh dikenakan kepada penumpang. Ia mestilah murah semura-murahnya. Jika tidak, ia mempunyai demand. Walau bagaimanapun, jika terlalu murah tidak akan menguntungkan pula.

Tuan Pengerusi, dalam pada ini, dengan gesaan daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, syarikat-syarikat penerbangan kini telah mula memperkenalkan pakej-pakej menarik bagi percutian domestik ke Sabah dan Sarawak. Pakej-pakej ini adalah pakej oleh MAS dan juga syarikat-syarikat penerbangan Transmile dan Air Asia.

Tuan Pengerusi, Ahli Parlimen Bandau pun juga ada tanya mengapa peruntukan yang disediakan bagi projek ecotourism terlalu kecil. Peruntukan yang disediakan adalah bagi melaksanakan dan menyiapkan beberapa projek perintis ecotourism seperti Taman Negeri Wang Kelian di Perlis, Tasek Bera di Pahang dan Santuari Hidupan Liar Hulu Kinabatangan di Sabah. Di bawah Rancangan Malaysia

Kelapan kementerian bercadang akan memohon peruntukan yang lebih besar bagi melaksanakan projek-projek ecotourism bagi kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti di dalam laporan Pelan Induk Eco-Pelancongan Negara.

Yang Berhormat bagi Bandau juga ada bertanyakan mengapa kekurangan maklumat pelancongan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebanyak 7.3 juta naskhah risalah dan bahan seranta telah diterbitkan sepanjang tahun 1998. Daripada jumlah itu sebanyak 6.6 juta naskhah telah diedarkan melalui pejabat-pejabat di dalam dan di luar negeri. Untuk tahun 1999, sebanyak 7.5 juta telah diterbitkan dan diedarkan untuk pelancong domestik dan di luar negeri.

Ahli Yang Berhormat bagi Hulu Rajang yang membangkitkan pemuliharaan dan pemeliharaan tinggalan warisan penguat kuasa undang-undang. Pada masa sekarang jabatan kerajaan sentiasa mengambil berat tentang pentingnya warisan sejarah dipelihara dan dijaga sebagai bukti tamadun bangsa untuk bangsa dan akan datang. Kementerian ini melalui Jabatan Muzium dan Antikuiti telah diamanahkan untuk melaksanakan kerja-kerja ini dan membekalkan sebuah undang-undang iaitu Akta Benda Purba 1976. Akta ini memberi kuasa kepada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk mewartakan mana-mana bangunan dan tapak tanah bersejarah sebagai warisan negara. Maka, tiada sesiapa boleh meroboh dan menambah, merosakkan ke atas bangunan tersebut tanpa mendapat kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti. Ketua Pengarah Jabatan Muzium sendiri diberi kuasa untuk menguatkuasakan akta itu. Akta ini juga menyediakan peruntukan bukan sahaja bangunan yang sepatutnya dipelihara tetapi juga memastikan bahawa warisan budaya yang lain seperti artifak tidak boleh dibawa keluar tanpa mendapat permit daripada Ketua Pengarah.

Tuan Pengerusi, lagi pun dari Ahli Parlimen Hulu Rajang mempersoalkan adakah berbagai bahasa untuk caption di Muzium. Jabatan Muzium sedang mengambil langkah untuk menyediakan teks pameran dalam berbagai bahasa. Memang sekarang ini hanya dalam bahasa Malaysia dan English. Namunnya kementerian telah mengarahkan supaya bahasa lain dimasukkan seperti bahasa Cina. Dan juga berkait dengan papan tanda yang kurang jelas, kementerian memang sedar tentang terdapatnya masalah berhubung dengan papan tanda yang tidak jelas di tapak-tapak sejarah dan lain-lain. Kementerian sedang membuat penyediaan perancangan

agar setiap tempat-tempat pelancongan sama ada ecotourism dan tempat-tempat sejarah yang lain akan disediakan papan tanda yang jelas.

Tuan Pengerusi, saya akan mengambil makluman ke atas pandangan dan saranan daripada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mengenai promosi pelancongan Malaysia dan juga berkaitan dengan pengiklanan dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Pelancongan di Malaysia masuk alaf ke-21 dengan lebih selesa setelah melalui pahit getir krisis ekonomi yang turut menjejaskan industri pelancongan di antara tahun 1997 dan 1998. Dilatari pelbagai peristiwa seperti jerebu, wabak penyakit, kekacauan politik dan berita-berita negatif, yang tadi Yang Berhormat yang berkaitan, tahun 1999 merupakan titik-tolak kebangkitan semula industri pelancongan di Malaysia. Pelbagai langkah telah diambil termasuk menilai semula pelan dan strategi pemasaran untuk memberi nafas baru kepada industri pelancongan. Untuk menghadapi cabaran semasa, satu perancangan pemasaran merangkumi program pengiklanan, promosi untuk tempoh tiga tahun telah dibentuk untuk:

- (i) mengadakan imej, master brand yang jelas bagi Malaysia. Malaysia tidak boleh macam Thailand, Malaysia tidak boleh macam Bali, Malaysia tidak boleh macam Singapura, Malaysia mesti Malaysia, master brand Malaysia;
- (ii) mencapai syor pasaran yang seimbang dan menaik taraf acara-acara tempatan home-grown events, dengan izin, ke taraf antarabangsa;
- (iii) menjadikan Malaysia sebagai pusat konvensyen, pameran dan lawatan insentif yang utama di rantau ini;
- (iv) menerapkan penggunaan teknologi maklumat dalam pemasaran;
- (v) meningkatkan penerimaan industri pelancongan di kalangan rakyat;
- (vi) memupuk budaya bercuti secara terancang di dalam negeri.

Strategi yang dilaksanakan adalah melalui pendekatan mempelbagaikan pasaran tumpuan bagi mengurangkan penggantungan terhadap sebilangan kecil pasaran tradisi. Memperkenalkan dan membangunkan imej Malaysia melalui master brand iaitu 'Malaysia truly Asia' dan menyokong KLIA sebagai pintu masuk utama

penerbangan di rantau antarabangsa di samping meningkatkan kemudahan lapangan terbang secondary di seluruh Malaysia. Dan juga mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat dalam promosi pelancongan seiring dengan perubahan cara perniagaan, memberi perhatian kepada usaha pemuliharaan alam semula jadi dan mempertingkatkan pakatan strategi dan jalinan rangkaian antara pengusaha dalam industri pelancongan bagi memaksimumkan faedah yang boleh diperolehi dan mempertingkatkan promosi pelancongan domestik dengan menekankan percutian sebagai gaya hidup dan akhirnya melipat-gandakan usaha untuk mendapatkan leads bagi menarik konvensyen, pameran dan lawatan insentif antarabangsa.

Pengiklanan sebagai saluran komunikasi untuk memperkenalkan, mempertingkatkan pengetahuan dan menjual Malaysia kepada pasaran sasaran melalui media cetak, elektronik, media luaran dan Internet. Untuk memastikan kelebihan dan kelainan, Malaysia telah *direposition* sebagai top of the mind destination, dengan izin, dengan melancarkan kempen penggunaan master brand “Malaysia Truly Asia” di peringkat antarabangsa. Iklan bertema pantai, beaches, nature dan city sky line digunakan untuk menggambarkan variasi produk yang ditawarkan di Malaysia. Lima gadis yang mewakili pelbagai kaum dijadikan icon untuk memperkuatkan lagi dakwaan Malaysia sebagai, dengan izin, a distinctive multi-racial society, beside the indigenous groups immigrants from other parts of the world have all contributed to the multi-racial favorite of Malaysia dan juga, dengan izin, Malaysia as a cultural integration point, sport and amalgamation of three distinctive great civilizations of the world, the Malay, the Chinese and the Indian civilization. Sementara kempen pengiklanan domestik dilancarkan dengan penggunaan tack line – ‘Cuti-cuti Malaysia’ bertujuan untuk menerapkan budaya bercuti sebagai cara hidup rakyat Malaysia, percutian terancang, bercuti di luar musim puncak.

Jadi, tunggulah Ahli-ahli Parlimen, tunggu bulan April, Mei, semua Ahli Parlimen akan nampak begitu banyak promosi akan berjalan di Malaysia kita. Bagi tujuan promosi....

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat...

Dato' Dr. Ng Yen Yen:untuk tahun 2000.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuala Terengganu.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Hulu Terengganu.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Biar saya habis dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh, Hulu Terengganu, maaf.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Biar saya habis, saya bagi banyak dah answer.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Pandangan sahaja, sedikit pandangan.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Pandangan? Okay, pandangan.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Okay terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang diberitahu tadi bagaimana kerajaan telah mencetak banyak risalah, sebanyak 7.3 juta risalah pada tahun 1999 dan strategi yang telah dirancang termasuk memperhebatkan promosi. Apa yang saya lihat dari segi promosi ini kadangkala promosi dibuat tetapi tanpa satu perancangan, strategi yang tepat dan berkesan. Saya mengambil contoh misalnya, kita menggalakkan makan buah tempatan, misalnya sebagai satu cara untuk menarik pelancongan tetapi promosi yang dibuat itu agak mendatar. Kadangkala kita letakkan dalam risalah kita tetapi kita tidak *stress* kan apabila sampai masanya.

Misalnya, saya ambil contoh duku Terengganu atau duku langsung, misalnya. Dia ada tempoh masanya, dalam masa dua bulan buah ini begitu banyak sekali di Terengganu tetapi pelancong-pelancong tidak tahu bila masanya. Begitu juga musim durian di Parit Perak misalnya, saya selalu berjalan ke Singapura juga dan selalu ditanya oleh pelancong-pelancong sana, musim apa sekarang di Terengganu, musim apa sekarang ini di Malaysia. Ini menunjukkan mereka tidak mempunyai maklumat yang tepat. Saya suka mencadangkan kepada kementerian supaya apabila tiba musim sesuatu buah-buahan, sesuatu perayaan atau apa, kita highlight dalam media elektronik kita, dalam media massa kita kerana media elektronik kita juga boleh dilihat di Singapura, Brunei, Indonesia dan negara jiran kita. Oleh sebab itu kita harap benar kalau boleh benda ini dapat diberi highlight pada masa dan ketika yang sesuai supaya walaupun bukan musim cuti sekolah tetapi musim itu menjadi musim pelancongan iaitu musim buah-buahan dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Pengerusi, terima kasih dengan cadangan itu. Dengan itu saya harap setiap negeri yang ada musim buah-buahan macam duku dari

Terengganu tolonglah beri maklumat kepada kementerian saya. Memang kita tidak di Terengganu tidak tahulah. Jadi, tahun 1999 pun saya tidak makan sebiji lagi. Jadi, pun tak bagi saya, ya. Jadi, jika boleh beri maklumat kita boleh masuk E-Commerce kita. Memang macam ini, jikalau kita masuk itu hari sahaja, itu bulan sahaja. Jadi, orang tidak boleh plan, jadi mesti awal satu tahun. Macam itu kita punya event 2000 kita sudah siap dah tahun dulu. Jadi, mesti beri kita awal, macam musim duku, durian, musim rambutan kena masuk itu untuk event 2001. Jadi, saya tunggulah maklumat dari Terengganu, dari Kelantan juga ya.

Tuan Pengerusi, bersambung...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sambung, sambung.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Bagi tujuan untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi top of the mind untuk tahun 2000, tourism Malaysia telah memperuntukkan sejumlah RM77 juta dari peruntukan keseluruhan tourism Malaysia diperuntukkan untuk program pengiklanan, di mana RM66 juta untuk pengiklanan antarabangsa, manakala bakinya RM11 juta untuk pengiklanan domestik. Saya di sini hendak membawakan maklumat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, jika kita berbanding promotion budget dengan negara-negara jiran kita, di Thailand, pada tahun 1997 peruntukan mereka untuk promosi ialah RM226 juta, untuk Malaysia pada tahun itu kita sahaja guna, sahaja ada peruntukan RM82 juta....sorry.... Thailand RM226 juta, Malaysia RM82 juta. Pada tahun 1998, Thailand gunakan RM232 juta, Malaysia RM80 juta. Jadi, untuk tahun 1999 kita hanya lagi turun RM52 juta untuk promosi. Jadi, di sini I ucap terima kasih kepada semua Ahli Parlimen yang pada Dewan yang bersidang dahulu yang meluluskan peruntukan kita untuk promosikan Malaysia.

Pihak kementerian sentiasa memastikan agensi-agensi pengiklanan yang dilantik di dalam melaksanakan program pengiklanan mempunyai rangkaian cawangan atau rakan sekutu di seluruh dunia bagi memberi input mengenai kehendak pasaran-pasaran di situ. Di samping itu, input dari pejabat luar negeri tourism Malaysia diambil kira di dalam melaksanakan penggunaan pengiklanan antarabangsa. Pejabat-pejabat tourism Malaysia di luar negeri selalu beri kita intelligent report on tourism...

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong berdiri, dia hendak jalankah?

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Dia hendak jalanlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, saya ingat dia hendak keluar, sila.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Dia hendak balik Sanggankah?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong berdiri ya.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Saya tidak beri Tuan Pengerusi, sebab saya setengah ini, nanti....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Pengerusi, bagi tujuan melengkap kepada usaha pemasaran untuk menunjukkan impact untuk tahun 2000 sahaja, tourism Malaysia telah dan akan menyertai 255 promosi di pasaran utama luar negara menerangkan kategori promosi tempatan. Di samping itu bagi memantapkan lagi imej Malaysia di pasaran sasaran, penggunaan lawatan suakenal 2000 dirancang sepanjang tahun di mana kira-kira 6,000 ejen pelancongan dan penulis kembara diberi peluang untuk menyaksikan sendiri kepelbagaian budaya dan keindahan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Anugerah pengiklanan turut diperkenalkan bagi menghargai sumbangan untuk individu atau syarikat dalam memasarkan Malaysia.

Tuan Pengerusi, perkara-perkara dan soalan-soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Yang Berhormat telah membangkitkan perkara mengenai ecotourism yang memberi pengertian ecotourism adalah satu 'culture', budaya yang mana membangkitkan apakah proses pemindahan budaya asing kepada negara kita akan memberi kesan kepada masyarakat setempat. Untuk makluman Yang Berhormat ecotourism dalam pengertian atau konsep yang sebenarnya bukanlah semata-mata merupakan satu 'culture', tetapi ecotourism yang dimaksudkan oleh pakar perunding World Wild Life Foundation Malaysia (WWF) ialah satu perjalanan dan lawatan yang bertanggungjawab terhadap sekitar kepada kawasan semula jadi untuk menikmati dan menyedari akan sifat-sifat semula jadi termasuk sifat-sifat kebudayaan kini dan lalu yang menggalakkan pemuliharaan alam sekitar membawa

kesan yang rendah serta membolehkan penglibatan masyarakat tempatan di dalam aktiviti-aktiviti sosial ekonomi yang positif.

Untuk makluman Yang Berhormat juga Pelan Eko-Pelancongan Kebangsaan Malaysia telah menggariskan 25 garis panduan sebagai panduan kepada perkembangan ekopelancongan yang perlu dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam pembangunan ekopelancongan. Di antara garis panduan tersebut ialah panduan mengenai peranan dan tanggungjawab para pelawat dan kod-kod etika dalam bidang ekopelancongan. Di bawah ekopelancongan di antara program yang diperkenalkan yang melibatkan masyarakat tempatan khususnya luar bandar ialah program 'homestay'. Melalui program ini pelancong-pelancong berpeluang tinggal bersama keluarga di luar bandar untuk mengetahui adat resam Malaysia di samping mengikut aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh masyarakat luar bandar seperti aktiviti-aktiviti menoreh getah. Dahulu kita menoreh getah kita dapat hasil, sekarang kita beri orang menoreh getah, kita caj mereka lagi, RM2 satu kali menoreh getah, itu 'smart partnership', dengan izin, mereka ada mengembara dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelancong-pelancong asing bukan sahaja dapat mempelajari adat resam kita manakala mereka sangat suka memakai pakaian Melayu serta mengikut adat perkahwinan orang-orang tempatan. Pada tahun 1999 kita ada beberapa orang Jepun yang berkahwin di Malaysia dan dia guna adat-adat Malaysia juga dan kita mesti ada....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut berdiri.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, saya tertarik dengan jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, dia sebut berhubung dengan perkahwinan ini sama ada perkahwinan ini, pertama adalah olok-olok ataupun yang benar-benar ataupun ia melibatkan dengan perkahwinan mengikut secara budaya kita dan lebih-lebih lagi yang melibatkan perempuan-perempuan terutamanya, orang-orang yang beragama Islam.

Jadi saya minta penjelasanlah kerana kalau perkara perkahwinan ini tidak boleh main-main. Tadi Yang Berhormat sebut pakaian, adakah pakaian seperti baju kurung, baju kebaya, saya tengok hari ini pun ramai sudah tertarik, tidak kiralah sama

ada mereka yang beragama Islam contohnya, memakai pakaian yang menutup aurat, yang tidak menjolok mata, ia lebih baiklah skaf macam Yang Berhormat kadang-kadang saya lihat begitu. Jadi minta penjelasan sedikitlah.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Pengerusi, memang jikalau perkahwinan itu mesti di registred, legally mesti diregisted di Jepun, tidak boleh registred di Malaysia tetapi dia ikut adat, begitu menarik hati mereka tengok warna -warni adat itu, jadi dia ikutlah, dia hendak buat macam style orang Melayu. Jadi saya sendiri, minta maaflah tidak boleh kata pakar adat-adat Melayu atau Islam tetapi saya ingat jikalau gaya cara perkahwinan 'on the dyes' dan guna telur-telur, bunga-bunga, itu bukan silap apa-apa. Kita patut rasa sangat bangga, kita punya budaya lain orang suka, lain orang masuk, in fact untuk makluman pelancong honeymooners is on thing di seluruh negara. Menarik honeymooners datang ke sesebuah negara.

Jadi berkaitan dengan pakaian, jadi pakaian di sini, sebagai seorang pemimpin wanita, saya ingat kita tidak boleh selalu kata jikalau pakai pakaian yang tunjuk tangan sikit, kaki sikit mesti 'called for trouble', itu tidak patut. Sepatutnya beri kita satu suasana yang selamat, bukan tutup sini, tutup situ semualah, sebagai seorang pemimpin wanita. Baliklah ke topik pelancongan, nanti saya lari pula ke hal wanita-wanita.

Jadi masa mereka datang pakai baju kurung, kebaya, Tuan Pengerusi, itulah memang kita punya budaya bagi orang luar tengok. Apa yang kita takut orang datang tidak mahu, tidak suka, macam 'not global'. Okay balik, Tuan Pengerusi, balik kepada soalan Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Cukup-cukuplah. Okay untuk makluman Yang Berhormat.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Kejaplah, nanti saya, hal-hal lain pula. Banyak lagi ini dekat pukul 12.00.

Tuan Pengerusi, jawapan dari - banyak lagi, Pokok Sena ada membangkit banyak perkara. Untuk perkara berkaitan dengan pemandu-pemandu pelancong diberi penerangan mengenai ecctourism. Untuk makluman Yang Berhormat kementerian dengan kerjasama Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan telah membangunkan

standard kemahiran kebangsaan dalam bidang 'nature guide' dengan tujuan untuk melahirkan pemandu pelancong alam semula jadi yang berkemahiran dalam bidang tersebut. Di samping itu kementerian juga sedang membangunkan program kursus untuk 'front liners' di kawasan-kawasan ecotourism yang dikenali dengan 'eco-host' dengan kerjasama Yayasan Pendidikan Mara.

Perhatian Yang Berhormat dalam perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih dengan saya jemputlah Yang Berhormat bagi Pokok Sena pergilah buat satu pelancongan di Sabah dan buatlah sedikit scuba-diving, sebab memang you tahu pemandu-pemandu pelancong Malaysia amat-amat sangat-sangat baik. Ada pernah buat scuba-diving? Tidak pernah ya. Offer boleh bila-bila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Nanti saya pergi kawasan Semporna.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Jemputan tetapi tidak boleh beri penjelasan. Tuan Pengerusi, lagi bagi Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena bahawa hotel-hotel yang dibangunkan oleh pengusaha-pengusaha dengan menggunakan bahan-bahan daripada luar negeri boleh menyebabkan pengaliran wang keluar. Pandangan Yang Berhormat itu tidaklah dapat dinafikan. Walau bagaimanapun pembangunan hotel-hotel yang menggunakan bahan-bahan daripada luar negara hanya terbatas kepada hotel-hotel yang bertaraf lima bintang sahaja itu pun biasa-biasa bahan macam 'chandelier', tetapi yang lain punya furniture, perabot itu semua di Malaysia.

Manakala kebanyakan hotel-hotel yang dibina adalah menggunakan bahan-bahan tempatan kerana kosnya adalah lebih murah dan sesuai serta menjimatkan kos perbelanjaan. Sebagai contoh pembangunan hotel-hotel di kawasan ecotourism seperti hutan bakau, berhadapan dengan laut dan sebagainya yang mana rekabentuk dan bahan yang digunakan adalah sesuai dengan alam sekitar kita.

Yang Berhormat pun membangkitkan isu mengenai pelancongan yang berasaskan padang golf yang mana pembinaannya tidak menguntungkan, yang mana ianya boleh merugikan masyarakat kerana penggunaan tanah yang luas. Yang Berhormat juga telah menyatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meminta supaya memperbanyakkan pembinaan padang golf. Kenyataan Yang Berhormat mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya memperbanyakkan padang golf adalah tidak betul. Apa yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat ialah supaya menggunakan padang-padang golf yang sedia ada

dengan sewajarnya untuk menjadikan permainan golf ini satu aktiviti yang boleh menarik pelancong.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sedikit. Saya hendak bertanya berhubung dengan ecotourism yang disebutkan di hutan bakau tadi Yang Berhormat, saya hendak tanya di Port Weld ada satu kawasan.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri tidak, Timbalan Menteri?

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Pengerusi, kali ini saya tidak berilah, saya beri balance sedikit ya, sebab tadi tidak beri Pokok Sena nanti dia marah saya.

Untuk makluman Yang Berhormat, golf adalah merupakan salah satu daripada produk pelancongan yang mencirikan sukan yang mana ianya boleh dipromosikan dengan jayanya. Sebagai contoh kejayaan Malaysia dalam menganjurkan pertandingan golf antarabangsa yang diadakan di Mines Resort pada tahun 1999 telah berjaya memperkenalkan Malaysia di mata dunia. Di samping itu ianya juga boleh menarik pelancong-pelancong asing yang berminat dalam bidang sukan golf ini bermain di Malaysia kerana harganya lebih murah daripada negara luar.

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai isu pencemaran terhadap pelancongan khususnya mengenai kehidupan masyarakat dengan adanya kedai-kedai bebas.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sarawak kena beri sekalilah. Saya tahu Yang Berhormat tidak payah beri PAS, tetapi PBB yang boleh bagi. Terima kasihlah menarik cerita Yang Berhormat itu, memang panjang lebar dengan cukup lengkap sekali.

Jadi sebenarnya persoalan tidak payah bangkitlah, tetapi saya ada persoalan juga, yang kita promosikan golf dan orang daripada luar negara datang bermain golf di negara kita ini, tetapi ada satu lagi Yang Berhormat, adakah kita jemput pihak macam Astro kerana dalam Astro itu ada tunjukkan permainan golf antarabangsa yang mana pihak-pihak pemain dari luar negara bermain di sana dan ditunjukkan. Jadi orang ini nanti akan menonton di seluruh dunia akan menonton program yang sama, jadi ini adalah satu promosi. Adakah kementerian mempunyai satu

perancangan supaya pertandingan golf ini ditunjuk dalam siri Astro sedemikian supaya benda ini boleh jadi satu promosi secondary dibuat oleh kementerian. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Tuan Pengerusi, memang itu cadangan yang sangat baik, saya akan bawa balik kepada kementerian.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh saya tanya sedikit, tadi sudah beri kepada Batang Lupar, saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat tadi berhubungan dengan ecotourism hutan bakau. Di sebelah Port Weld dahulu terkenal dengan sejarah ataupun lagenda cerita Raja Laut. Di kawasan hutan bakau di Port Weld ini cukup baik. Jadi kalau bolehlah saya minta kementerian, kalau boleh dibuat promosi bagaimana kita boleh menarik pelancong-pelancong supaya di kawasan ini kita tahu dahulu ada cerita Raja Laut yang termasyhur di negara kita dan di sini ada kawasan hutan bakau yang cukup menarik.

Jadi saya mintalah bersempena dengan lawatan melawat Perak pada bulan 'sepuluh' ini supaya ianya dapat dikembangkan lagi kawasan hutan bakau di Port Weld, kawasan Matang. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih Tuan Pengerusi, di sini saya hendak lagi satu kali ucap, apa yang kementerian buat, kita boleh buat promosi tetapi pakej itu mesti dibuat oleh negeri-negeri sendiri atau Majlis Tempatan. Jadi jikalau kita buat promosi tetapi pergi itu tidak ada orang yang beri mereka pakej itu, itu yang dikatakan frustration kementerian kita.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sekarang saya buat promosilah, saya minta masukkan.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tetapi pakej, dua malam satu hari.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kita mula pada hari ini buat satu pakej.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Jadi bawa pakej kepada kita, kita promosikan. Okay Tuan Pengerusi, - mana kita ini Yang Berhormat bagi Pokok Sena, habis tak ucap dia? [Disampuk] Tak payah? Okay sekarang soalan dari Yang Berhormat bagi Kepong.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Ya. Okaylah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bekenaan dengan soal pembangunan padang golf iaitu pelancongan berasas padang golf. Saya bimbang bahawa bila sudah

menjadi satu polisi dasar yang disebut oleh Perdana Menteri bahawa untuk memajukan industri pelancongan berasaskan padang golf, ini akan menyebabkan satu peruntukan kewangan yang lebih besar yang akan digunakan walaupun Yang Berhormat menyebut tadi bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak bermaksud untuk membina padang golf baru tetapi kita akan *spend* duit yang begitu besar sedangkan wang tersebut adalah lebih baik, bermanfaat untuk kepentingan masyarakat dan rakyat dalam negara kita sebab bukan rakyat kampung daripada Larut, orang Larut tak boleh main golf, orang Batang Lupar pun mungkin Yang Berhormat sorang sahaja yang boleh main golf, orang Semporna pun tidak datang main golf.

Jadi, oleh sebab itu saya kira bahawa perlu dikaji semula untuk kita membangunkan industri ini sebab umpamanya seperti yang saya sebut semalam, Yang Berhormat belum jawab lagi, tentang soal pembangunan pusat-pusat pelancongan yang akhirnya memberikan kesan sampingan yang tidak begitu baik kepada masyarakat tempatan. Umpamanya, pembangunan di Pedu Lake di negeri Kedah dalam kawasan Padang Terap. Ia ternyata mendatangkan masalah kepada orang ramai khususnya kepada pesawah atau penanam-penanam padi di kawasan tersebut akibat apabila kita terlalu hendak menjaga kawasan padang golf di situ daripada ditenggelami oleh air, akhirnya menyebabkan kawasan-kawasan sawah di situ terpaksa ditenggelami oleh air.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih. Tuan Pengerusi, memang saya ingat tidak adalah satu dasar yang hendak membina *golf course* lagi di Malaysia sebab Malaysia kita sekarang pun ramai orang tahu, *golf course* itu yang terbaik. *It is enough*. Jadi, terima kasih dan diatasi berkaitan dengan soalan yang kedua, kita akan ambil perhatian.

Soalan dari Yang Berhormat bagi Kepong meminta KKKP berhubung dengan imigresen untuk memaklumkan kepentingan layanan yang mesra kepada pelancong-pelancong. Untuk makluman Yang Berhormat, tugas dan tanggungjawab Jabatan Imigresen serta motto yang diperkenalkan ialah memastikan perkhidmatan mesra dan cekap. Kementerian sememangnya bekerjasama dengan Jabatan Imigresen dalam memastikan perkhidmatan kepada pelancong diberikan keutamaan serta layanan yang mesra. Kursus-kursus *front liners* seperti *Malaysia Host* telah diberikan kepada pegawai-pegawai imigresen dan kastam sejak tahun 1998 hingga sekarang di seluruh

negara. Menteri-menteri dan saya sendiri pun ada berdialog dengan pegawai-pegawai imigrasi di KLIA dan di Johor punya *cross way* berkaitan dengan perkara ini.

Soalan yang kedua, cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Kepong supaya menubuhkan satu badan untuk semua negeri supaya satu penyelarasan mengenai program-program pelancongan dapat dilaksanakan dengan baik. Kementerian mengucapkan terima kasih di atas cadangan dan sememangnya dalam cadangan kementerian untuk menubuhkan satu badan pelancongan di setiap negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, usaha-usaha kementerian dalam memastikan semua program dan aktiviti-aktiviti pelancongan dapat dilaksanakan dengan jayanya, pada masa ini dilaksanakan....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri, Kepong bangun.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Biarlah saya habis.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan ya.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Biarlah saya habiskan soalan dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya saya ingin hendak makluman Yang Berhormat sudah berucap lebih daripada satu jam.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Ada banyak mana masa lagi? Dekat setengah jam lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lagi setengah jam.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Ya, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya kita....

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Jadi, haraplah Yang Berhormat duduk dulu, bagi saya habis

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenarnya kita telah ketinggalan masalah. Jadi, kalau boleh ringkaskan supaya kita boleh masuk kepada kementerian lain.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Jadi, sebab itulah tidak bagi penjelasanlah ya, Tuan Pengerusi. Silalahlah Kepong bagi habis sebab banyak soalan yang saya nak jawab. Nanti I tak jawab, you susah pula di Sanggang

Seorang Ahli: Tak usah jawablah.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Pengerusi, where am I? Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kepong, usaha-usaha kementerian dalam memastikan semua program dan aktiviti pelancongan dapat dilaksanakan dengan jayanya, pada masa dilaksanakan kerjasama dengan semua kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Penyelarasan, Penggalakan Pelancongan Kebangsaan. Mesyuarat ini dihadiri oleh semua ahli Exco negeri termasuk ahli Exco Trengganu, ahli Exco Kelantan, agensi-agensi kerajaan yang berkaitan pihak swasta dan NGO.

Selain daripada itu, kerjasama juga dilaksanakan melalui berbagai jawatankuasa sama ada di peringkat kementerian ataupun di peringkat negeri. Jadi, Yang Berhormat bagi Kepong ada tanya pembelian rekod Malaysia yang begitu RM1 juta. Yang dimaksudkan pembelian rekod Malaysia ialah pembelian yang meliputi dokumen, gambar, negatif, microfilm, peta dan sebagainya mengenai Malaysia sama ada dari dalam atau dari luar negeri yang tidak ada dalam simpanan Arkib Negara Malaysia untuk tujuan rujukan, kajian atau penyelidikan.

Bahan-bahan yang dibeli dari luar negeri seperti dokumen dari negeri China mengenai hubungan negeri-negeri Melayu dengan China dan *public records office* di London. Bahan-bahan yang dibeli dari dalam negeri seperti dokumen mengenai salasilah keturunan Sultan-sultan Melayu dan gambar-gambar tempatan semasa pemerintahan British. Sumbangan Yang Berhormat mengenai dokumen-dokumen parti DAP, khasnya dari parti-parti pembangkang yang lain amnya adalah dialu-alukan untuk simpanan Arkib Negara sebagai bahan untuk rujukan dengan percuma – saya haraplah. Arkib Negara telah meminta tetapi tiada tindakan. Yang Berhormat bagi Kepong silalah ambil tindakan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kepong ada tanya apa itu Galleria Perdana Kuala Lumpur.

Dr. Tan Seng Giaw: [Kepong]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Yang dimaksudkan dengan Galleria Perdana..... tidaklah sebab Tuan Pengerusi nak saya pendekkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak bagi sumbangan.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Okay, baik.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak [Disampuk] Tidak

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Saya harap boleh....

Dr. Tan Seng Giaw:tidak akan mempertikaikan semua itu.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Saya harap boleh....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya pendekkan penjelasan saya. Tuan Pengerusi, yang pertamanya jawapan rasmi mengenai sikap sesetengah pegawai imigrasi itu memang jawapan itu rasmi sahaja tetapi pada hakikatnya ada juga yang tidak kena, yang pertama.

Yang keduanya, mengenai promosi dan penyelarasan di antara negeri. Tuan Pengerusi, saya bagi satu contoh mengenai *Tourist Promotion Board*. Sekurang-kurangnya ada enam pejabat di seluruh negara. Ada 13 pusat di seluruh negara, pusat penerangan dan juga di 15 buah negara di seluruh dunia. Tetapi saya nampak *Tourist Promotion Board* kita ini mungkin tidak begitu profesional lagi. Saya nampak tidak melibatkan orang-orang yang benar-benar di dalam bidang pelancongan.

Mungkin Yang Berhormat boleh memperhatikan apakah kecacatan – mengapa orang-orang profesional tidak dimasukkan. Saya nampak tidak..., mungkin tidak cukuplah orang profesional di dalam *Tourist Promotion Board*. Ini satu cadangan yang baik. Bukan hendak mempertikaikan semua.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, okaylah. Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih, terima kasih. Pulang balik Galeri Perdana. Yang dimaksudkan dengan Galeri Perdana ialah satu projek yang diwujudkan bagi mengenang jasa Yang Amat Berhormat Perdana-Perdana Menteri dan Ketua -ketua Eksekutif Negara untuk mewujudkan satu tempat lawatan pelancong dan sebagai tempat menjalankan penyelidikan mengenai tokoh-tokoh berkenaan dan institusi Perdana Menteri.

Projek ini dicadang dilaksanakan di Pejabat Perdana Menteri di Kompleks JPM, Jalan Dato' Onn. Galeri Perdana merangkumi komponen-komponen meliputi projek Monumen Ketua Eksekutif Negara, projek Pustaka Institusi Perdana Menteri, projek Pusat Sumber, Perpustakaan Perkhidmatan Awam, projek Penubuhan Galeri Perdana Menteri di Sri Perdana Kuala Lumpur.

Lagi Yang Berhormat bagi Kepong ada tanya apa itu Gedung Rekod Persekutuan. Yang dimaksudkan dengan Gedung Rekod Persekutuan ialah sebuah gedung atau *intermediate repository*, dengan izin, bagi menempatkan rekod-rekod

separa aktif, *semi active*, dengan izin, dari jabatan-jabatan kerajaan sebelum diasingkan rekod-rekod yang bernilai sejarah untuk simpanan kekal di Arkib Negara dan dimusnahkan. *Intermediate repository* atau juga dikenali 'limbo' ini adalah mengikut konsep *Haze Repository, Public Record Office* di London. Projek ini dicadang dilaksanakan di tapak Arkib Negara, Jalan Duta Kuala Lumpur.

Jadi, berkaitan dengan apa itu memorial-memorial. Yang Berhormat bagi Kepong pun ada tanya hubungan dengan pemimpin-pemimpin akibat kejatuhan bilangan pelancong dari Singapura.

Sukacita dimaklumkan bahawa hubungan pelancongan antara kedua-dua negara, Singapura dan Malaysia adalah pada tahap yang terbaik sekali. Kerjasama ini telah pun lama diwujudkan dalam dua peringkat:

- (i) hubungan dua hala di mana kita mempunyai Jawatankuasa Bersama Penggalakan Pelancongan Malaysia-Singapura atau Malaysia-Singapore Joint Tourist Council (MSTC); dan
- (ii) di peringkat ASEAN. Dan juga Datuk Menteri, kementerian dan saya sendiri pun ada beberapa kali pergi Singapura dan ada bertemu dan berjumpa dengan pengusaha-pengusaha pelancongan di Singapura dan pemimpin-pemimpin kerajaan untuk berbincang perkara kedua-dua negara punya pelancongan.

Dengan adanya kerjasama erat, bukan sahaja kita telah berjaya mempromosikan Malaysia dan Singapura secara bersama tetapi kita telah berjaya menarik lebih ramai rakyat Singapura ke Malaysia untuk melancong. Pada tahun 1999, seramai 4.9 juta penduduk Singapura telah melancong ke negara kita, meningkat 62.9% jumlah seramai tiga juta bagi tahun 1998.

Lagipun, meminta kementerian supaya memastikan travel agent mencapai satu tahap yang tinggi dan Yang Berhormat menyatakan bahawa MATA tidak cukup professional dalam melaksanakan tugas berbanding dengan travel agent di negara-negara luar. Pandangan Yang Berhormat diucapkan ribuan terima kasih dan kementerian akan memastikan supaya semua travel agent melalui Persekutuan Pengembaraan MATA dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih cekap dan professional.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, MATA pada masa ini sedang menyusun semula struktur organisasi bagi tujuan untuk mengukuhkan persekutuan yang ada. Di samping itu, MATA juga mempunyai *Code of Ethic* dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Di samping itu, kementerian juga telah bekerjasama dengan MATA untuk menganjurkan kursus *front liners* dalam bidang pelancongan dan pengembaraan di mana kementerian telah melatih beberapa pegawai MATA sebagai trainer kepada program *hospitality* Malaysia.

Tuan Pengerusi, dengan itu, akhir kata saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah turut serta dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di Dewan yang mulia ini. Segala cadangan dan pandangan yang telah dibangkitkan itu akan diberi perhatian oleh kementerian saya dalam perancangan masa depan terutamanya dalam mempromosikan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang menjadi pilihan utama para pelancong untuk menjadikan sektor industri pelancongan sebagai penyumbang utama kepada pendapatan negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM202,699,400 untuk Maksud B.22; RM14,851,400 untuk Maksud B.23; RM6,128,700 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM202,699,400 untuk Maksud B.22; RM14,851,400 untuk Maksud B.23; RM6,128,700 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM129,471,030 untuk Maksud P.22; RM12,570,000 untuk Maksud P.23; RM18,000,000 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM129,471,030 untuk Maksud P.22; RM12,570,000 untuk Maksud P.23; RM18,000,000 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

**Maksud B.25 [Jadual]-
Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan 2000] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Beka lan B.25 dan Kepala Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Wangsa Maju.

12.17 tgh.

Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih kerana memberi peluang untuk turut membahaskan Belanjawan di bawah Maksud Kementerian Pertahanan B.25 memperuntukkan RM6,041,602,890 di dalam Butiran 010000 Pentadbiran Pertahanan dan Butiran 050000 Pertahanan Ruang Udara.

Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan semasa menjawab soalan-soalan berkaitan dengan Angkatan Tentera dalam sesi Belanjawan tahun 2000 menyatakan persetujuan mengiktirafkan Angkatan Tentera atau Armed Forces, dengan izinnya, supaya satu perkhidmatan istimewa selaras dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Artikel 132 (1) (A).

Peruntukan ini atau, dengan izin, allocation ini memanglah wajar diberikan kepada anggota tentera mahupun kepada bekas anggota tentera. Segala kemudahan dan keistimewaan yang diperolehi oleh mereka hendaklah dijaga dan dipertingkatkan jauh sekali dari dianaktirikan. Sebarang perkara berbangkit yang menyentuh ketidakpuasan hati mereka hendaklah diambil kira, janganlah diketepikan begitu saja.

Saya ingin mengetengahkan kepada Dewan yang mulia ini mengenai kemudahan yang sedia ada dalam institusi-institusi perniagaan di dalam Angkatan Tentera ini. Sebagai contoh, PERNAMA ataupun Warga Perwira Niaga Angkatan Tentera Malaysia merupakan sebuah anak syarikat yang berada di bawah LTAT iaitu Lembaga Tabung Angkatan Tentera haruslah berperanan untuk memberikan

kemudahan dan juga keistimewaan kepada semua anggota tentera dan juga bekas anggota tentera.

PERNAMA yang memperolehi modal yang kukuh hasil dari caruman anggota tentera dalam LTAT haruslah menimba balik keuntungan kepada pencarum atau dengan izin, *shareholdernya*. Kadar harga yang lebih tinggi daripada pasar raya biasa menyebabkan PERNAMA sudah tidak lagi kelihatan sinonim lagi dengan kemudahan serta keistimewaan NAAFI di kalangan warga tentera. Warga tentera sudah tidak menikmati lagi harga potongan atau diskaun sebagai suatu keistimewaan. Kadar keuntungan bebas cukai di antara 5% hingga 10% untuk 110 barangan di pasar raya PERNAMA tidak dinikmati oleh pelanggan-pelanggan dari Angkatan Tentera. Kini konsep pasar raya PERNAMA kelihatan lebih mengutamakan konsep keuntungan berganda atau dengan izin, *maximizing profit* daripada konsep kebajikan. Kini konsep PERNAMA sudah jauh lari dari konsep NAAFI pada asalnya sebagai 'verner' yang telah dinikmati semasa zaman British suatu ketika dulu.

NAAFI atau dengan izin, Navy Army Air Force Institution, diwujudkan sebagai sebuah institusi yang berteraskan kebajikan dan juga *privileges*, dengan izin. Konsep NAAFI inilah yang perlu ada di dalam PERNAMA pada hari ini. Adalah tidak wajar PERNAMA yang menerima suntikan modal daripada caruman wang ringgit Angkatan Tentera tetapi dalam waktu yang sama membuat keuntungan sebagai sebuah pusat perniagaan yang bersaing dengan pasar raya yang lain. Pada pandangan saya, konsep ini perlu dirombak dan diubahsuai semula. Saya juga tidak bersetuju jika ada perancangan untuk dikorporasikan PERNAMA ini.

Tuan Pengerusi, dalam era alaf baru ini dunia semakin rancak dengan segala elemen persaingannya. Bermacam slogan dicanangkan untuk menyatakan kepada seluruh dunia tentang era pasca modenisasi, cabaran globalisasi yang sedang dicanangkan oleh pihak Barat untuk kita supaya kita lebih bersedia untuk melengkapkan pertahanan negara kita dari mudah ditembusi oleh musuh.

Malaysia yang sedang pesat merangkakan agenda pembangunannya haruslah tidak menge tepikan aspek pembangunan pertahanan nasional. Teknologi canggih mesti dilengkapi dengan prasarana persenjataan dan juga logistik dalam ATM. Dalam isu kedua ini saya ingin membangkitkan perkara yang melibatkan kerugian peluang kepada negara sekiranya kelengkapan serta pembelian persenjataan di dalam ATM yang tidak setara dengan pembangunan negara di alaf baru ini.

Seringkali ATM terutamanya TUDM (Tentera Udara Diraja Malaysia) merupakan sebuah institusi pengguna teknologi tertinggi negara dan sering kali dituduh mengamalkan budaya senggaraan buruk atau dengan izin, *poor maintenance culture*, yang mengakibatkan kejatuhan beberapa buah pesawat mereka. Di sini ingin saya bangun untuk menyatakan pembelaan terhadap nasib malang yang dilemparkan kepada ATM khususnya TUDM yang telah menjadi darah daging saya selama 12 tahun. Seharusnya ATM ditonjolkan sebagai pengguna utama kepada segala teknologi yang sedang dikejar oleh negara. Di dalam hasrat kita, Tuan Pengerusi, untuk meningkatkan pengetahuan teknologi untuk seluruh anggota masyarakat negara ini, seharusnya ATM dijadikan institusi utama untuk mempelopori semua bentuk teknologi yang canggih ini. Malangnya di era yang penuh mencabar ini, lebih-lebih lagi dari segi perdagangan dunia yang kini telah mengambil bentuk dengan izin, *merger the conglomerate*, memaksimumkan keuntungan atau dengan izin, *maximizing profits* telah mendahului hasrat syarikat-syarikat dan firma awam untuk menimbakan teknologi baru.

Sebagai seorang bekas jurulatih dan juruterbang TUDM, saya sangat terkilan mendengar segala lemparan yang menghina TUDM padahal TUDM harus dipuji kerana mampu mendukung kelengkapan yang lama atau dengan izin, *'obsolescent'* atau *'near obsolete'*. Di sini ingin saya menyarankan supaya sekiranya kerajaan berhasrat benar untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang celik teknologi maka ATM haruslah dijadikan model sebagai sebuah kilang mengeluarkan tenaga kerja yang berteknologi tinggi dan patutlah diberi keutamaan dan juga keistimewaan dengan pembelian peralatan serta persenjataan yang berteknologi tinggi lagi canggih.

Saya bersetuju dengan dasar Kementerian Pertahanan membangunkan perkembangan industri pertahanan melalui pemindahan teknologi supaya kita menuju kepada tahap *self-reliance*. Tetapi janganlah pula oleh sebab harganya murah kita membeli teknologi yang telah ketinggalan zaman walaupun saya percaya boleh dipakai seterusnya mengubahsuai untuk meningkatkan tahap teknologi tersebut dengan hasrat untuk mencapai satu kejayaan *learning curve*, dengan izin. Apabila kita mengubahsuai sesuatu teknologi, jumlah harga pembelian tambah harga ubahsuai selalunya lebih mahal daripada membeli teknologi yang zaman semasa.

Sukalah saya nyata di sini bahawa ATM khususnya TUDM kini mencapai tahap teknologi era 90-an dengan kepandaian di dalam dukungan pesawat era 60-an

seperti Allowette, Nuri, Caribou dan lain-lain dibeli 30 tahun dahulu. Tidak segan juga dinyatakan di sini bahawa pengetahuan dan pengalaman untuk menimba teknologi memakan masa yang amat panjang lebih-lebih lagi untuk menjadi seorang pakar di dalam sesuatu bidang teknologi.

Tuan Pengerusi, saya juga yakin ATM dan khususnya TUDM telah mencapai kepakaran yang agak tinggi di dalam bidang kerja menyelenggarakan pesawat terbang. Asas yang telah tercapai bukan lagi diperingkat dengan izin, zero base, malah kita mungkin di peringkat beberapa tahap di atas zero base. Dengan kebolehan kita menyelenggara pesawat seperti Michoyan, MiG-29, Werner Douglas, FG-18. Pembelian peralatan yang murah dan teknologi rendah hanya akan menyekat perkembangan kepandaian kita semata-mata merupakan penghalang besar kepada kesinambungan proses teknologi baru. Seandainya ada teknologi yang belum diketahui atau belum dipelajari, sekiranya kita belum berhasrat untuk mencapai kecemerlangan dalam teknologi tersebut, saya ingin mencadang supaya kita membelinya terus dari pembekal yang benar-benar dapat memenuhi aspirasi negara ke arah memantapkan teknologi untuk pertahanan nasional.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Wangsa Maju boleh gulung, masa sudah suntuk.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Kita ada kemudahan-kemudahan asas yang sedang kukuh, oleh sebab itu saya cadangkan *we buy tomorrow's technology today*, dengan izin, kita hanya membeli, dengan izin, *yesterday's technology* apabila kita hendak dengan izin, *jump start* sebuah bidang sahaja. Maka dengan itu, saya berharap agar pertahanan negara kita di bawah panji-panji Angkatan Tentera Malaysia akan terus padu dan negara akan terus dilindungi keselamatan demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau.

12.25 tgh

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin untuk bersama mengambil bahagian untuk membahaskan Kementerian Pertahanan di bawah B.25, 010000, 010100, 061700,050000 dan juga 00100. Ada dua perkara yang ingin saya bangkitkan.

Yang pertama, saya hendak tahu sedikit perjanjian pertahanan dengan Kerajaan Singapura berhubung dengan keselamatan sama ada udara, laut dan

sebagainya kerana saya dapati Kerajaan Singapura ini sentiasa mengadakan latihan. Boleh dikatakan tiap-tiap minggu, ada saja iklan latihan di pulau-pulau dengan peluru yang betul dan sebagainya pada hal negeri dia tidaklah besar sangat tapi latihan tentera dibanyakkan di negeri tersebut.

Jadi, saya ingin hendak tahu daripada Kementerian Pertahanan, adakah Kementerian ini juga membuat latihan yang sama yang berhampiran dengan Singapura seperti di Johor Bahru, di PULADA atau di mana tempat supaya kita juga dapat melihat kekuatan tentera kita dan juga kalau berlaku sesuatu perkara dan masalah yang timbul serta-erta, maka kita sudah bersiap sedia dalam mengatasi masalah ini.

Saya katakan tadi Tuan Pengerusi, saya hairan dalam masalah ini, laluan udara pun bebas sangat nampaknya walaupun kita ada perjanjian di antara Kerajaan Singapura dengan Malaysia berhubung dengan keselamatan dan juga penggunaan ruang udara tetapi kita kena awasi jugalah sejauh mana, selalunya dia tidak ada kawalan, kalau dia lintas itu, sekejap saja, kita pun ingat kawasan dia, rupanya kawasan kita. Jadi saya ingat Kementerian Pertahanan perlu juga sentiasa berwaspada dalam masalah ini. Saya hendak cadangkan supaya tentera Wataniah ini kita perkuatkan lagi, Tuan Pengerusi, kerana tentera Wataniah adalah satu badan sukarela yang boleh membantu kerajaan dalam setiap masalah pertahanan sekiranya berlaku secara mengejut.

Di Singapura, dia ada latihan wajib, jadi dia sentiasa dilatih dalam Angkatan Tentera, dia wajib dan hari-hari dia panggilan mengejut, hendak tengok berapa cekap panggilan dibuat kepada sukarelawan dia hadir. Kalau bahagian kenderaan - kenderaanlah, kalau bahagian tentera darat - tentera daratlah, jadi kita apa salahnya Kementerian Pertahanan cuba menggunakan askar Wataniah ini, kita kasi kod dia, kita besarkan lagi supaya kita cuba panggil pula di negara kita, kalau ada satu masa luang, kita cuba panggil hendak tengok macam mana kecergasan dan boleh ambil tindakan segera askar-askar Wataniah kita. I

Ini bukanlah bertujuan untuk apa tetapi kata orang kita kena bersiap sedia kerana saya ingat dunia hari ini semua menunjukkan kekuatan tentera yang memainkan peranan utama boleh menggertak sesuatu negara, boleh menggugat sesuatu negara, boleh buat apa suka kiranya kekuatan tentera itu kuat di negara mereka itu. Jadi, sudah sewajarnya dalam perkara ini saya ingat kerajaan Malaysia

kena ambil perhatian dan saya ingat kalau askar Wataniah diberi elaun yang lebih tinggi sedikit, dinaikkan lagi maka sudah tentulah semangat pun ada juga. Jadi perlulah askar Wataniah kita ini diperkuatkan lagi.

Tuan Pengerusi, seterusnya berhubung dengan kes di kawasan saya, berhubung dengan tanah kepunyaan Kementerian Pertahanan di Desa Perwira dan saya pun telah bertemu dengan Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk menyelesaikan kes penduduk-penduduk yang kesemuanya adalah bekas tentera yang telah berkhidmat begitu lama, banyak jasa kepada negara dan mereka ini merayu supaya dapat dipertimbangkan kawasan mereka itu dikekalkan dan seterusnya dikurniakan kepada bekas-bekas tentera yang telah berkhidmat begitu lama yang duduk di kawasan tersebut. Jadi, untuk itu saya mohon pertimbangan daripada Kementerian Pertahanan dalam perkara ini.

Jadi itulah tiga, empat perkara saya..[*Beberapa Ahli bangun*] Nantilah, saya belum habis, duduk kejang boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Bintang.

12.32 tgh.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk Butiran 010000 - Pentadbiran Pertahanan. Emolumen sebanyak RM40,387,620.00 diperuntukkan bagi tahun 2000.

Tuan Pengerusi, anggota tentera adalah komponen terpenting dalam angkatan tentera. DAP menyanjung tinggi tugas dan peranan yang dimainkan oleh anggota-anggota tentera selama dalam mempertahankan tanah air. Tanpa pengorbanan mereka, kita tidak tahu apa akan terjadi kepada Malaysia tetapi mengapa skim gaji anggota tentera masih rendah? Pangkat prebet masih menerima gaji di bawah RM500 sahaja sebulan. Masih ramai yang tidak mempunyai rumah sendiri terpaksa menyewa jika tidak mendapat rumah kuarters dalam kem anggota tentera yang makan nasi dan ikan kering kerana gaji tidak cukup untuk menampung perbelanjaan keluarga. Itu sebab, tidak hairan ada anggota tentera terpaksa membuat kerja luar, berniaga kecil atau menjaja, menjadi pengedar jualan langsung, ejen insurans dan tidak hairan juga ada yang menjadi perompak. Mereka tidak boleh dipersalahkan jika berlaku hal-hal sedemikian.

Tuan Pengerusi, selepas lebih 40 tahun negara merdeka, nasib anggota tentera belum banyak berubah. Selain anggota berpangkat amat jarang anggota bawahan mempunyai kenderaan sendiri kecuali motorsikal. Saya tidak menafikan terdapat kemudahan lain disediakan tetapi jika dibandingkan kos sara hidup yang tinggi masa kini terutama di bandar-bandar besar ramai anggota merasa tertekan dalam tugas. Dalam perkhidmatan pun susah, bila bersara pun susah.

Tuan Pengerusi, anggota tentera tidak boleh bekerja dengan semangat semata-mata. Taraf hidup mereka patutlah dinaikkan sebab mereka rakyat Malaysia enggan menceburi bidang ketenteraan kerana skim gaji yang rendah. Kita tidak boleh mempersalahkan mereka kerana terlalu memilih. Tetapi jika skim perkhidmatan tidak jauh berbeza dengan tempoh sebelum ini, apakah yang boleh kita buat untuk menarik lebih ramai menjadi anggota tentera? Kita takut pada suatu masa nanti kita terpaksa memakai tentera upahan untuk mempertahankan bumi Malaysia.

Tuan Pengerusi, oleh itu dalam usaha kerajaan hendak mengkaji semula SSB bagi perkhidmatan awam maka perkhidmatan ATM tidak dipinggirkan. Skim gaji pokok bagi anggota pangkat bawahan hendaklah dikaji semula untuk dinaikkan.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan silih berganti tetapi masalah gaji anggota tentera tidak juga selesai. Jika skim gaji ATM dapat ditingkatkan dan semua kemudahan perkhidmatan diperkemaskan, saya yakin ramai belia bukan Melayu sanggup menyertai perkhidmatan tentera. Negara perlu semua kaum terlibat dalam pasukan tentera tetapi jika mengambil hanya dihadkan dan tidak ada rancangan untuk menambah anggota secara serius dan skim perkhidmatan pula tidak menarik, kita khuatir perkhidmatan tentera tertinggal di belakang di zaman teknologi maklumat dan sains pertahanan.

Tuan Pengerusi, bukan tidak ada belia-belia bukan Melayu yang tidak berminat menceburi bidang ketenteraan tetapi laluan untuk mereka, perkhidmatan banyak halangan. Saya ada menerima aduan belia Cina yang berminat menyertai ATM tetapi semangatnya patah di tengah jalan kerana setiap pertanyaan kepada pihak yang berkenaan tidak diberi laluan. Sepatutnya pihak kementerian memberi laluan mudah untuk mengambil belia-belia berketurunan Cina menyertai ATM. Ini boleh dibuat menerusi satu skim khas pengambilan anggota pegawai rendah, rekrut dan pegawai profesional daripada belia-belia bukan Melayu.

Alaf baru memerlukan ATM bersiap sedia dalam menghadapi apa juga kemungkinan pencerobohan dan serangan luar walaupun negara aman dan tidak ada ancaman. Anggota tentera perlu dilatih selalu, bukan menyimpan anggota yang makan tidur sahaja. Sekali-sekala latihan perang hendaklah melibatkan orang awam supaya memberi pengalaman baru memperbaiki semangat mereka supaya cintakan negara, berdisiplin dan sedar akan kehidupan perang dan menjadikan anggota tentera itu lebih mencabar.

Tuan Pengerusi, mengenai pesara tentera pula, biasanya anggota tentera mula bersara pada umur 40 tahun. Pada umur ini sememangnya sukar untuk mencari pekerjaan bila menjalani kehidupan awam jika tidak mendapat pekerjaan di jabatan-jabatan kerajaan, mereka berkhidmat di dalam sektor swasta mengikut kelayakan, kemahiran dan keupayaan. Biasanya mereka berkhidmat menjadi pengawal keselamatan sama ada bersenjata atau tidak dan memandu kenderaan. Saya sedar bahawa kerajaan menyediakan latihan sebelum bersara untuk anggota yang akan bersara, memilih kursus yang mereka minati tetapi selepas bersara mereka membuat kerja lain daripada kursus yang diikuti. Antara sebab ialah tidak dapat pekerjaan yang sesuai, tidak dapat bertahan lama, mengalami kerugian bagi mereka yang menceburi diri dalam business. Rata-rata kita dapati semangat mereka tidak lagi semangat askar ketika berkhidmat dulu kerana bila sudah menjalani kehidupan awam, cabaran cukup banyak untuk tidak mengamalkan disiplin dalam tentera. Badan kurus dan tampan serta cergas, sudah bersara badan menjadi tembam dan gemuk. Ini contoh yang mudah.

Tuan Pengerusi, saya tidak nampak pihak ATM atau kementerian membuat susulan kerja kepada bekas-bekas tentera untuk mengetahui sejauh mana mereka berjaya menjalani hidup awam. Di sinilah bimbingan, dorongan semangat diperlukan untuk memulihkan keyakinan bekas-bekas tentera, membulatkan tekad mereka untuk menempuh hidup awam dengan semangat berjuang, sama ketika bertugas dahulu. Memang ada mereka yang berjaya dalam hidup[Disampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Fong Kui Lun: Saya akan gulung.dalam hidup tetapi berapa ramai lagi yang terpaksa mengharungi liku-liku hidup di kampung dan di bandar selepas bersara. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk memberikan permit

teks kepada bekas tentera untuk memudahkan mereka mencari kehidupan. Selain itu, peluang hendaklah dibuka seluas-luasnya kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Lupar. Yang Berhormat Batang Lupar, saya hendak mengingatkan masa berucap terhad, tidak lebih daripada 10 minit kerana beberapa hari saya tidak nampak Yang Berhormat di Dewan ini, jadi saya suka ingatkan.

12.40 tgh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Oleh kerana saya sudah 14 hari tidak ada, 14 hari itu saya ucap sekaligus kali inilah.

Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh juga persoalan yang dibangkitkan oleh kawan-kawan saya daripada Barisan Nasional tadi, yang amat peka dengan keadaan keselamatan di negara ini dan keadaan angkatan tentera kita. Saya bersetuju di negara Singapura umpamanya, orangnya diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga dan sebahagian daripada masyarakatnya adalah dalam *standby* - dalam masa 24 jam. Segelintir masyarakat yang dilatih dalam national service di Singapura dan mereka ini boleh digerak dalam masa beberapa minit sahaja. Boleh digerak dan lengkap dan sedia untuk menghadapi apa-apa masalah yang melanggar negara mereka.

Jadi, negara kita tidak mempunyai satu mentaliti yang "under siege" sedemikian, tetapi saya bersetuju bahawa pasukan angkatan tentera Wataniah kita sepatutnya diletakkan berjaga-jaga juga dan diberi latihan supaya boleh menghadapi masalah dalam seberapa cepat yang boleh. Saya baru balik daripada Indonesia dan ada mendengarkan Gus Dur menyebutkan kelengkapan di negara mereka semenjak tahun 50-an dahulu katanya, sepatutnya dipermodenkan. Jadi, saya dengan mengikut kata Gus Dur itu juga, janganlah gunakan perkakas-perkakas yang sudah lama untuk ATM kita. Bukan kita hendak berperang dengan orang lain tetapi sekurang-kurangnya kita mempermodenkan alat-alat tentera kita.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingin mengimbas kembali sejarah di bawah 010000 – Pentadbiran Pertahanan. Kalau kita lihat kerajaan memang mengambil berat kepada ahli-ahli angkatan tentera, pegawai atau anggota tetapi saya masih

mendesak supaya pihak kementerian menyelidik semula gaji-gaji pegawai-pegawai tentera, gaji-gaji anggota-anggota tentera supaya dipertingkatkan.

Tuan Pengerusi, saya mempunyai pengalaman peribadi mengenai dengan tentera ini. Semasa emergency dahulu kita duduk di hutan tidak kurang daripada sembilan bulan dalam setahun, sementara yang lain boleh tidur dengan anak isterinya di rumah. Angkatan tentera duduk dalam hutan bersama dengan ular dan benda-benda yang boleh menggigit dan membunuh kita dalam hutan itu. Jadi, sepatutnya mereka ini semasa kita membincangkan persoalan bekerja tidak boleh lebih daripada beberapa jam satu minggu. Angkatan tentera yang bekerja di hutan dan di rimba belantara itu menjaga negara ini, ia bekerja sepenuh masa, 24 jam sehari, tujuh hari seminggu. Jadi, mereka ini mesti dinilai daripada segi itu walaupun tidak ada peperangan, tidak ada pertembakan, tidak ada pembunuhan, mereka ini mesti diberi pertimbangan khusus mengenai soalan gaji dan pegawai-pegawai lain tidak boleh membuat bandingan di antara pegawai tentera ataupun angkatan tentera ini dengan pegawai-pegawai kerajaan yang lain kerana syarat perkhidmatan itu amat berlainan sekali walaupun kita dalam keadaan aman. Jadi, saya pernah melihat sendiri bagaimana sedih sekali. Kadang-kadang ada isteri yang bertanya, “bila saya hendak tidur dengan suami saya ini”? Jadi orang kata, hendak buat 70 juta rakyat, macam mana hendak buat 70 juta rakyat kalau suami tidak pernah jumpa dengan isteri. Jadi, begitu serius sekali keadaan tetapi oleh kerana tugas dengan negara, mereka berada di tempat mereka sendiri sama ada di hutan belantara ataupun di luar negara di mana sahaja.

Jadi, saya mintalah kepada Tuan Pengerusi - saya tahu Tuan Pengerusi amat peka dengan kebajikan angkatan tentera ini, tetapi saya menyebut semula.

Sebagaimana Yang Berhormat menyebutkan tentang Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia tadi, saya pernah bercakap dengan seorang Jeneral, anaknya seorang pilot. Dia kata tiap-tiap kali anaknya terbang ke udara, dia akan bertanya sama ada anaknya akan kembali walaupun tidak ada peperangan, kembali ke basenya dengan selamat oleh kerana kapal terbang itu mungkin akan terjatuh, terjunam dan hilang di mana-mana oleh kerana mungkin sudah lama ataupun tidak begitu selamat.

Jadi, saya berharaplah gaji dan perumahan mereka mesti diperbaiki. Kemudahan-kemudahan selepas bersara, Tuan Pengerusi, saya harap dilihat semula. Kadang-kadang kita buat *political lip service* sahaja. Ada syarikat ini hendak tolong,

syarikat itu hendak tolong, saya secara peribadi telah menolong ramai lepasan tentera ini. Bila ditanya dengan syarikat lepas menerima orientasi ini masuk ke civiy street, dengan izin, tetapi bila sudah masuk nanti orang tidak terima dia kerja kerana dia sudah tua sangat, tidak boleh masuk dalam *market force* lagi. Jadi, kalau ada latihan, kalau boleh diterima mesti syarikat-syarikat memberi kuota-kuota tertentu supaya orang yang menerima latihan daripada askar ini diberi pekerjaan.

Tuan Pengerusi, saya dengan cepat, saya melihat pengalaman ATM adalah selepas perang dunia yang kedua kita lihat adalah peperangan konvensional. Selepas peperangan dunia kedua, oleh kerana keadaan komunisme yang berlaku di seluruh South-East Asia, kita menukar minda.

Falsafah peperangan bukan lagi secara profesional, peperangan terbuka. Kita mengadakan latihan secara peperangan *guerilla warfare*. Ini pengalaman berlaku bukan sahaja di South East Asia tetapi juga di South Amerika di Lautan Caribbean yang dimajukan 'Che Guevera' dan Mao Tze Tung di South East Asia umpamanya. Dan falsafah-falsafah ini telah kita belajar dan kita terapi dalam ATM kita. Tetapi dalam keadaan sedemikian keadaan kesusahan komunis dan *guerilla warfare* bercorak komunis yang dulu sebagaimana diajar oleh Mao Tze Tung tidak lagi kita – sudahkah ATM sepatutnya berubah minda. Mengubahkan falsafah cara peperangan kita. Kalau peperangan berlaku pada masa sekarang ialah peperangan secara mana Falklands berlawan dengan British yang mana dalam masa 24 jam sampai 30 kapal terbang udara, kapal terbang Argentina boleh jatuh ditembak oleh pihak Britain. Kita lihat di 'Gulf War' macam mana canggihnya yang mana Amerika itu kalau dia sudah kena pun kena pin semasa menjahit sahaja kerana peluru yang dihantar itu sampai seribu kilometer yang membinasakan rakyat atau senjata-senjata pihak lawan. Jadi dengan keadaan sedemikian kita terpaksa berubah minda askar kita mesti diubahkan pemikirannya, bukan askar anggota dia tetapi angkatan tentera itu sendiri mestilah berubah minda.

Dan saya ingin bertanya kepada pihak kementerian soalan mobility kita.

Kalau kita lihat daripada cara geografi Malaysia adalah satu negara yang susah sekali dipertahankan. Dalam apa-apa serangan sekalipun. Semenanjung Malaysia umpamanya berapa ribu kilometer kita punya sea coast, coastline. Dan di Sarawak dan Sabah berapa panjang kita punya coastline. Ini mempertahankan coastline yang begitu panjang sekali memang susah. Jadi soalan yang utama adakah

angkatan kita begitu mobile untuk mempertahankan coastline kita yang begitu panjang. Begitu kita kena bertanya antara angkatan laut kita, angkatan darat kita dan angkatan tentera kita. Apabila berlaku di mana-mana sahaja umpamanya kalau di Sarawak daripada Kuching untuk sampai ke Tebedu ataupun Antikong dan sebagainya berapa cepat kita boleh datangkan angkatan kita. Saya tidak nampak yang itu kalau perkara-perkara berlaku ada tempat-tempat yang tertentu di mana askar kita boleh diangkat daripada Kuching dan dihantar ke satu-satu tempat selain daripada menggunakan perjalanan darat. Kalau perjalanan darat sahajalah kita gunakan maknanya satu jam setengah baru sampai. Itu kalau orang tidak bom jalan dulu. Kalau orang orang bom jalan dulu kita tidak boleh sampai. Maknanya sebahagian daripada tempat kita sudah diambil alih oleh orang sebelum kita sampai

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi Datuk minta yang 13 hari sedikit sahaja. Mobiliti laut dan udara kita mesti dilihat semula dan mesti dipercepatkan supaya kita tidak terkilan pada satu ketika nanti.

Dan yang kedua yang saya ingin sebutkan juga permodenan kelengkapan. Kelengkapan sekarang kita tidak boleh melihat menggunakan kelengkapan pada tahun 1970-an dan 1980-an lagi. Bahkan kita kena permodenkan walaupun kecil walaupun ringkas walaupun itu, latihan kita mesti bagus, mobiliti kita mesti bagus dan angkatan kita mesti siapkan perkakas-perkakas yang canggih dan boleh digunakan. Dengan keadaan yang sedemikian kita insya-Allah boleh mengatasi masalah-masalah kita dan tujuan kita Datuk bukan untuk berperang tetapi untuk mempertahankan maruah dan martabat negara kita ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lumut.

12.48 tgh.

Tuan Kong Cho Ha [Lumut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah maksud bekalan B.25 Kementerian Pertahanan saya ingin sentuh tentang butiran 010000, hingga 070000. Terlebih dahulu saya menyampaikan penghargaan saya terhadap peranan yang dimainkan oleh Angkatan Tentera Malaysia dalam usaha memelihara keselamatan dan kedaulatan negara kita. Bagi pihak para penduduk kawasan Lumut saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Tentera Laut Diraja Malaysia kerana selalu membantu dan menolong rakyat khususnya pada masa-masa kecemasan, mercy flight, dengan izin. Helikopter yang menghantar pesakit tenat dan

serius dari Hospital Manjung ke Hospital Ipoh dan Kuala Lumpur. Dan dengan peralatan yang canggih dan moden bomba Tentera Laut Diraja Malaysia selalu menolong bila kejadian kebakaran. Dan hospital tentera TLDM dengan peralatan perubatan yang moden dan pakar-pakar perubatan yang mencukupi selalu membantu dalam kes-kes yang tertentu.

Tuan Pengerusi, dalam butiran 030000, 040000 dan 050000 iaitu Pertahanan Darat Maritim Dan Ruang Udara. Perbezaan belanjawan antara ketiga-tiga jenis pertahanan itu begitu ketara sekali. Dengan pembubaran CPM ancaman keselamatan darat telah dikurangkan walaupun pertahanan dan rondaan sempadan darat masih penting dan perlu. Pada masa sekarang dan dijangka pada masa yang akan datang peranan yang dimainkan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia akan menambah kepentingannya atas sebab-sebab yang berikut yang dikatakan oleh Batang Lular tadi:

- (i) Negara kita mempunyai pantai begitu panjang untuk dipertahankan dan dilindungi.
- (ii) Di Lautan China Selatan, zon ekonomi yang dituntut oleh negara kita sangat luas dan permukaan air yang perlu dironda dan dipertahankan itu amat besar sekali.
- (iii) Usaha mempertahankan pelantar-pelantar minyak dan gas di kawasan zon ekonomi negara kita.
- (iv) Kepulauan Spratly yang dituntut oleh beberapa negara yang lain selain daripada negara kita kemungkinan menjejaskan kedaulatan negara kita dan berpotensi menjadi titik panas, hot spot dengan izin. Kalau tuntutan itu tidak diselesaikan dengan segera.
- (v) Peranan Tentera Laut Diraja Malaysia sebagai pencegah untuk bot-bot nelayan dan kapal-kapal perdagangan dari ancaman dan serangan lanun dan Tentera Laut Diraja Malaysia memerlukan kapal-kapal pertahanan yang canggih dan berkesan di era senjata elektronik ini.

Tuan Pengerusi, atas alasan yang tersebut adakah belanjawan yang diperuntukkan untuk pertahanan darat, pertahanan maritim dan pertahanan ruang udara itu seimbang dengan peranan dan tanggungjawab yang dipikul oleh masing-masing. Kita bandingkan belanjawan. Pertahanan darat tahun 1999, RM1,831 juta

tahun 2000, RM1,841 juta – tambah RM10 juta. Pertahanan ruang udara RM734 juta untuk tahun 1999 dan tahun 2000, RM695 juta sahaja – turun. Dan untuk pertahanan maritim tahun 1999, RM566 juta dan tahun 2000, RM531 juta sahaja. Jadi bolehkah kementerian beri penjelasan untuk perbezaan yang begitu besar sekali dan adakah perlu diseimbangkan peruntukan itu pada masa hadapan. Sekian sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jeli

12.55 tgh

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan ahli-ahli Dewan sekalian. Oleh kerana kita membicarakan Kementerian Pertahanan maka saya ingin merujuk kepada firman Allah swt yang berbunyi, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. “*Bersiap siagalah dengan segala kekuatan yang ada pada kamu*”.

Butiran 020000 – Bantuan Bersama. Mengikut buku Program dan Prestasi 2000 dalam bantuan bersama aktivitinya ialah mengendalikan latihan bersama oleh angkatan tentera Malaysia dengan negara-negara sahabat dalam kawasan ASEAN seperti program FPDA, MAJDP, MAP, dan BITACG, setiap tahun. Jadi kita ingin bertanya apakah tidak berlaku kemungkinan semasa melakukan latihan secara bersama ini banyak rahsia-rahsia ketenteraan negara terdedah kepada pihak asing yakni negara luar. Malah ATM pernah menyediakan latihan secara bersama dengan Australia di mana kita bimbang sekarang ini Australia cuba menjadi negara polis di rantau Asia Pasifik bagi pihak Amerika Syarikat. Selain itu hubungan Malaysia dengan Australia adalah tidak sebaik atau tidak boleh dipanggil negara sahabat. Jadi saya bimbang melalui latihan bersama ini akan membuka peluang yang lebih luas kepada negara-negara seperti Amerika Syarikat malah Australia untuk mengetahui hal-hal strategik negara kita. Dengan ini memberi peluang dengan mudah untuk mereka menekan negara kita apabila sampai waktu yang terbaik untuk mereka lakukan seperti mereka lakukan terhadap Indonesia dalam kes Timor Timur.

Selain itu Singapura adalah dikira negara sahabat dalam ASEAN tetapi telah beberapa kali pesawat-pesawat terbang canggih mereka menceroboh ruang udara Malaysia di kawasan Johor. Ingat, mereka mempunyai bilangan pesawat terbang yang lebih banyak daripada Malaysia dan pesawat terbang mereka lebih canggih

daripada pesawat terbang Malaysia, di samping mereka mempunyai juruterbang pesawat terbang yang lebih cekap daripada juruterbang pesawat terbang negara kita. Kita jarang dengar pesawat terbang mereka terhempas tetapi pesawat terbang kita, kapal terbang pengangkut kita dan helikopter kita sering terhempas. Selain itu ramai juruterbang-juruterbang TUDM apabila mereka telah sampai kepada tempoh perkhidmatan tertentu mereka akan tinggal jawatan sebagai juruterbang pesawat TUDM tetapi berpindah menjadi dengan izin pilot syarikat penerbangan swasta termasuk MAS, Air Asia, Syarikat Penerbangan Sabah, Berjaya Air dan lain-lain. Jadi apakah langkah-langkah yang lebih berkesan yang akan diambil oleh pihak kementerian dengan usaha sama kementerian luar untuk mengelakkan daripada kes-kes pencerobohan ruang udara di Malaysia berulang lagi kerana setakat ini nampaknya langkah yang diambil kerajaan belum begitu berkesan.

Butiran 040000 – Pertahanan Maritim. Saya mendapat faham sebanyak pada asalnya RM8 billion tetapi telah dikurangkan kepada RM6 billion untuk menyediakan pelabuhan bersepadu TLDM di Lumut yang diberikan kepada syarikat kroni UMNO yang bernama Penang Shipyard Corporation milik Amin Syah pada tahun 1998 untuk disiapkan dalam tempoh lebih kurang lapan tahun tanpa tender terbuka. Dewan perlu tahu atas asas apakah maka projek ini diberikan kepada PSC dengan izin apakah pengalaman syarikat ini dalam bidang pelabuhan ketenteraan sehingga tidak ada syarikat yang lain yang dibenarkan masuk untuk tender projek ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading bangun.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya sepuluh minit tidak cukup. Kalau Datuk Speaker beri 20 minit insya -Allah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Setengah minit sahaja.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Minta maaf, minta maaf, banyak lagi hendak bercakap ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hendak tanya tentang kroni ini.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Lewat sudah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Dewan perlu tahu atas asas apakah projek ini diberikan kepada PSC. Apakah pengalaman syarikat ini dalam bidang pelabuhan ketenteraan sehingga tidak ada syarikat yang lain yang dibenarkan

masuk untuk tender projek ini. Samalah seperti kerajaan UMNO menganugerahkan projek penswastan IPP kepada tapak yang terbaik tanpa kos infrastruktur yang tinggi kepada YTL Power di Stesen Janakuasa Paka dan Pasir Gudang walaupun syarikat ini belum pernah membina dan mengendalikan IPP yakni independent power plan. Ini lagi sebelum itu. Sambil itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri teknologi negara manakah model pembinaan pelabuhan baru ini dan peralatan ketenteraan laut yang akan diguna pakai di dalam kes pelabuhan di Lumut ini. Di samping itu kecekapan TLDM juga tidak boleh dipersoal. Bila mana rakyat-rakyat asing dengan menggunakan feri bot ikan dan bot laju dapat mendarat di perairan negara kita sama ada dari Indonesia di pantai-pantai di sepanjang pantai barat Semenanjung Malaysia dan dari Filipina di pantai-pantai di sepanjang pantai timur Sabah. Kegiatan ini secara berleluasa dan mereka dapat melepasi kawalan TLDM ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jeli boleh sambung pada petang ini.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Jeli, sila sambung.

2.31 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ahli-ahli Dewan sekalian. Sebelum itu izinkan – berapa minit lagi Tuan Pengerusi, saya ada.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada 6 minit lagi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Okay. Tuan Pengerusi dan ahli-ahli Dewan sekalian. Di samping itu, kecekapan TLDM juga agak boleh dipersoal, bila mana rakyat asing dengan menggunakan feri, bot ikan, bot laju dapat mendarat di perairan negara kita sama ada dari Indonesia di pantai-pantai di sepanjang pantai Barat Semenanjung Malaysia dan dari Filipina di pantai-pantai di sepanjang pantai-pantai Timur Sabah. Kegiatan ini secara berleluasa dan mereka dapat melepasi kawalan TLDM ini. Ini baru feri dan bot-bot ikan, bayangkan kalau musuh-musuh negara yang menggunakan bot-bot yang lebih canggih, saya kira dengan mudah mereka dapat melintasi sempadan laut negara kita.

Seterusnya Butiran 050000 – Pertahanan Ruang Udara. Di bawah butiran ini, sungguh menyedihkan saya kerana negara kita mempunyai pesawat-pesawat gempur yang modelnya adalah model lama. Beberapa tahun kebelakangan ini kita telah membeli pesawat gempur buatan Russia yang dikatakan teknologinya agak *obsolete*, dengan izin, di samping banyak berlaku pesawat gempur ini tidak seperti mana spesifikasi yang dijanjikan sehinggakan kerajaan tidak meneruskan rancangan untuk membeli bilangan pesawat gempur mengikut jumlah bilangan yang asal.

Saya ingin bertanya, kenapa ianya jadi begini. Apakah kita telah silap dinasihati sehingga membeli pesawat-pesawat gempur yang tidak mengikut, dengan izin, *trend* dan terkini? Siapakah penasihat-penasihat kita di dalam hal ini? Kita tidak mahu setelah beratus-ratus juta malah kadang-kadang melebihi ribuan juta dibelanjakan untuk membeli pesawat ini dengan menggunakan wang negara dan rakyat tetapi manfaatnya, hasilnya, jauh dari apa yang diharapkan oleh negara dan rakyat.

Seterusnya saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, bila lagi kerajaan ataupun pihak kementerian ingin menggantikan kapal terbang pengangkut jenis *Caribou*, yang telah berusia melebihi, rata-rata 25 tahun kerana ianya sudah kurang selamat untuk digunakan. Kita tidak mahu nanti berlaku kemalangan-kemalangan yang kita sudah menduga tetapi kerana kedegilan kita menyebabkan kita rela melihat rakyat negara kita yang telah lama terkorban untuk negara menjadi korban kerana kesilapan kita.

Di samping itu saya ingin bertanya kepada pihak-pihak kementerian, kenapakah 10 tahun kebelakangan ini, angkatan tentera Malaysia sudah tidak diminati oleh pemuda-pemuda di negara kita. Apakah kementerian sudah mengkaji faktor-

faktor yang menyebabkan anak-anak muda kita kurang berminat untuk menyertai angkatan tentera Malaysia. Bila kita bandingkan dengan pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi yang sebelum itu, ramai mereka yang suka menyertai angkatan tentera kerana dengan pakaian angkatan tenteralah mereka boleh bergaya.

Apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini? Kerana kita bimbang nanti sampai satu ketika, satu waktu yang menyertai pasukan angkatan tentera Malaysia ini adalah, dengan izin, *the reject group of society*, sedangkan alat-alat kelengkapan perang terkini, sistem-sistem, teknik-teknik, strategi-strategi perang semakin canggih tetapi yang masuk angkatan tentera Malaysia adalah di kalangan rakyat Malaysia yakni golongan yang terkebelakang dari kedudukan sosialnya.

Sehubungan dengan Butiran 040000 tadi di bawah Pertahanan Maritim, baru-baru ini terpampang di muka surat depan akhbar perdana negara tentang hasrat negara untuk membina pelabuhan TLDM di dalam gua di negeri Sabah. Di dalam akbar ini disediakan reka bentuk dan dimensi-dimensinya untuk tatapan umum. Saya rasa tindakan ini kurang cerdik kerana mendedahkan bakal-bakal rahsia negara. Lain kali janganlah iklankan lagi projek-projek dan perkara-perkara yang dianggap rahsia negara untuk hanya mendapat nama dan publisiti pada jangka masa yang pendek.

Pada masa yang sama, Tuan Pengerusi, izinkan saya bertanya kepada pihak kementerian, apakah pihak kementerian tidak berhasrat untuk menjadikan batalion-batalion yang bermula dengan Kepala 3, 301, 302, yang mana banyak angkatan-angkatan, anggota-anggota yang berada di dalam kem-kem 301, 302 ini yang bermula dengan Kepala 3 adalah pasukan-pasukan yang tidak dalam kategori pencen, sedangkan mereka telah berkhidmat begitu lama di dalam pasukan keselamatan tetapi mereka tidak dikategorikan dalam kalangan anggota tentera yang berpencen.

Saya mengharapkan supaya pihak kementerian mengambil tindakan yang sewajarnya semoga mereka ini tidak dinafikan untuk mendapat pencen selain dari imbuhan tempoh perkhidmatan. Di samping itu juga, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian, oleh kerana kita perhatikan bahawa bilangan rakyat terutama pemuda-pemudi yang akan menyertai pasukan angkatan tentera adalah kurang sekali, maka alangkah baiknya sekiranya negara kita mengikuti sebagaimana negara-negara Singapura, Amerika Syarikat dan lain-lain, di mana kita mewajibkan belia-belie kita ataupun hampir-hampir mewajibkan belia-belie kita selama 2 tahun

berkhidmat di dalam angkatan tentera untuk menyediakan mereka sebagai pasukan simpanan apa bila berlaku keadaan-keadaan yang terdesak.

Di samping itu apabila diwajibkan mereka ini menyertai pasukan angkatan keselamatan ataupun angkatan tentera Malaysia secara wajib selama 2 tahun boleh mendisiplinkan mereka, malah dengan mendisiplinkan mereka, mereka tidak akan terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak menguntungkan mereka dan pada masa yang sama tidak menguntungkan negara kita. Saya rasa sekiranya kerajaan berani mengambil tindakan mengikut seperti mana negara-negara yang telah saya sebutkan tadi maka kita akan lihat bahawa belia-belia kita yang terlibat dengan gejala-gejala sosial seperti dadah, seperti lepak dan sebagainya akan berkurangan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan ahli-ahli Dewan sekalian. Sekian, wassalamualaikum wr. wb.

Tuan Pengerusi: Ya Yang Berhormat, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyentuh beberapa perkara tentang Kementerian Pertahanan dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa iaitu tentang B.25 saya terus sahaja kepada perkara 020100, 030100, 060300. Tetapi sebelum itu saya ingin mengucapkan tahniah, syabas kepada pasukan angkatan tentera kita yang telah pun memberikan perkhidmatan yang baik kepada negara dan kita semua berhutang budi kepada angkatan tentera kita kerana jasa merekalah negara kita aman tenteram dan kita semua dapat melangsungkan kehidupan dengan keadaan yang begitu selesa dan bahagia.

Dan angkatan tentera kita juga menempa nama di peringkat antarabangsa kerana menjadi sebahagian daripada tentera yang terbaik di dunia, perkhidmatan yang telah pun mereka jalankan, kadar kecekapan dan juga disiplin yang mereka tunjukkan di peringkat antarabangsa terutama yang berkhidmat dengan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti mana yang mereka telah buktikan selama berpuluh-puluh tahun ini. Jadi tahniah kepada pihak anggota angkatan tentera kita baik darat, udara dan laut.

Dua, tiga perkara yang hendak saya sentuhkan ialah yang pertama saya sedar bahawa Kementerian Pertahanan atau MINDEF memang sentiasa mengkaji untuk memberikan segala kebaikan kepada anggotanya termasuk tentang menyamak semula tangga gaji, elaun-elaun yang sepatutnya kita berikan kepada anggota

angkatan tentera kita ini. Saya yakin dan percaya menteri baru, Menteri Pertahanan ini telah pun agaknya mencadangkan beberapa perkara berkaitan dengan tangga gaji dan juga elaun. Cuma saya hendak mencadangkan di sini, Tuan Pengerusi, elaun genderal ini kalau boleh dinaikkan teruslah, jangan dalam RM7, RM8 ribu saya baca dalam buku belanjawan ini, kita naikkan terus kepada RM12,000 hingga kepada RM15,000, sesuaiilah seorang yang berpangkat genderal yang begitu ramai anggota tentera di bawahnya.

Jadi kalau seorang jenderal gajinya pun lebih rendah daripada pengurus besar bank agaknya, jadi tidak berapa sesuai. Jadi naikkan terus gaji ini, ataupun dicadangkan perubahan gaji yang agak lebih lumayan, sesuai dengan jawatan pangkat yang disandang. Dan, ini akan menjadikan daya tarikan kepada rakyat kita untuk menceburkan diri dalam angkatan tentera. Di samping perubahan-perubahan gaji agak lebih ketara peningkatannya, berbanding dengan kerjaya-kerjaya yang lain. So saya berharap kita berikan keistimewaan kepada perkhidmatan ini kerana ianya satu perkhidmatan yang luarbiasa tidak boleh kita samakan dengan jawatan-jawatan yang lain, dengan tangga gaji yang lain. Jadi, kita berikan keistimewaan dengan satu penilai yang agak sesuai.

Begitu juga berkaitan dengan bersara. Tentera ini akan bersara 22 tahun, akan mendapat pencen. Saya cadangkan supaya kalau dia berkhidmat 22 tahun, dia bersara dengan pencen penuh, bersamaan dengan gaji yang diterima. Maksudnya dia bukan penuh dari segi ertikata yang sekarang ini ialah separuh, diberikan penuh terus. Kalau dia agaknya bulan terakhir dia menerima gaji RM1,500, pencennya pun RM1,500, apabila sudah berkhidmat 22 tahun, supaya menjadi penggalak kepada anggota tentera, dia terus berkhidmat selama 22 tahun, maksimum perkhidmatan. Ini untuk supaya tidaklah berlaku kadang-kadang tentera akan pencen, bersara apabila sudah berkhidmat 10 tahun atau 15 tahun.

Jadi, ini satu cara untuk kita menarik perhatian kepada generasi muda supaya masuk dalam perkhidmatan ini dan kalau dia berterusan berkhidmat 22 tahun, dia akan mendapat pencen yang bersamaan dengan gaji yang diterima, tidak ada potongan. Ini yang saya katakan tadi kita berikan sedikit keistimewaan yang agak berlainan dengan jawatan-jawatan yang lain ataupun perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Kalau mereka berkhidmat 15 tahun, itu kita berikan pencen separuh. Yang hari ini kalau berkhidmat walaupun 15 tahun, mereka tidak diberikan pencen.

Jadi, apabila dia tidak ada pencen, maka itulah menyebabkan kita lihat kebanyakan tentera yang tidak menamatkan perkhidmatan 22 tahun dalam umur yang begitu muda, dia telah pun menganggur, tidak ada kepakaran tentang bidang-bidang yang lain. Kehidupan mereka begitu ketara menjadi susah dan mencari kehidupan dengan pelbagai cara yang tidak menjamin diri dia dan keluarga dia. Jadi, 15 tahun berkhidmat kita berikan separuh daripada gaji yang mereka terima.

Selain daripada itu, ini soal rangsum tentera ini harus dikaji, rangsum basah saya difahamkan cuma RM2.10 bagi satu hari. Angka ini ataupun nilai ini dari zaman darurat dahulu lagi, saya tidak pasti tetapi tidak pernah berubah. Bayangkan seorang tentera yang dewasa, dia punya rangsum yang basah RM2.10 satu hari. Jadi, agak tidak munasabah. Jadi, ubahlah agaknya mungkin jadi RM8 sehari atau RM10 sehari, apa salahnya. Kita berikan anggota tentera ini satu keistimewaan yang agak munasabah dan agak bersesuaian dengan semasa. Maklum, harga hari ini pun kalau hendak beli ikan kembungkah, hendak beli sayurkah sudah jauh berbeza dengan harga dahulu. Tempe pun sudah tidak dapat lima sen, di kampung saya dahulu dapat lima sen, sekarang sudah 30 sen. Itu sudah tidak sama dah, sudah naik beberapa ratus kali ganda peratusnya.

Jadi, haraplah kementerian ataupun pihak Mindef mengkaji tentang rangsum ini dan juga saya difahamkan bahawa tidak ada elaun harian tentera. Misalan, Angkatan Tentera Laut kitalah, kalau dia pergi ke Singapura, dia turun ke Singapura itu tidak ada apa-apa elaun. Ini misalan atau dia pergi ke Thailand dia tidak ada elaun. Jadi, kalau hendak balik naik ke kapal, maka nlah resen, duit tidak ada. Saya difahamkan kapal Amerika yang singgah di Klang ini dia punya perbelanjaan RM22 juta, elaun ini, elaun [*Disampuk*] anggotanya. Tidak perlulah macam itu, tetapi agaknya diberikanlah elaun harian ataupun elaun hidup mereka supaya mereka dapat menikmati cara kehidupan yang agak munasabah....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikit lagi, ada dua, tiga perkara sahaja ini, Tuan Pengerusi.

Satu lagi elaun Wataniah, ini sibuk Wataniah orang tidak minat. Elaunnya yang menyebabkan orang tidak minat. RM2.50 satu jam, ini cerita apa ini, [*Disampuk*] rokok pun tidak lepas sekotak. Naikkanlah jadi agaknya RM8 kah satu jam, ini yang jadikan kadang-kadang budak-budak mahasiswa kita mungkin agak

berminat jadi anggota Wataniah dan juga pegawai-pegawai kita berminat kerana elaunnya dinaikkan. Jadi, saya harap dikaji semula.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, ini hospital tentera ini. Hospital tentera ini saya harap kaku boleh, menjadi sebahagian daripada hospital yang agak nya mutu perkhidmatannya ditingkatkan, diperluaskan, ditinggikan macam di Terendak Kem, Sungai Udang atau di kem-kem yang besar satu agaknya di utara, satu di tengah, satu di selatan dan hospital yang lengkap dengan kepakaran doktor dan peralatan yang canggih ini boleh digunakan oleh angkatan tentera dan juga tentera yang telah bersara di samping keluarga mereka dengan percuma. Ini sebagai satu keistimewaan.

Jadi, angkatan tentera yang bersara pun mendapat perkhidmatan kepada hospital-hospital yang tinggi mutu perkhidmatannya dan juga doktor, peralatan dan sebagainya. Cuba, kalau boleh dalam Rancangan Malaysia Kelapan agaknya Kementerian Pertahanan boleh mengkaji perkara ini. Pihak Mindef agaknya boleh mengkaji supaya angkatan tentera dan keluarganya dan juga mereka yang bersara, kalau mendapat sakit dan sebagainya ada tempat yang mereka boleh terus mendapat rawatan agak berbeza sedikit, tidak bercampur gaul dengan orang kebanyakan di hospital mereka.

Seperkara lagi Tuan Pengerusi, ialah berkaitan dengan tentera-tentera yang bersara ini kalau boleh kuota rumah murah diutamakan. Kuota agaknya ataupun pemberian tanah agak diutamakan. Ini kerajaan-kerajaan negerilah. Kemudian agaknya kuota untuk dapat peluang lesen permit teksi dan pelbagai kuota yang diberikan kepada orang kebanyakan diberikan kepada bekas-bekas tentera kita ini agar mereka dapat menyambung kehidupan mereka untuk menyara kehidupan keluarga mereka lebih terjamin. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, ya di belakang saya itu. *[Menunjuk ke arah Yang Berhormat bagi Mambong]*

Dr. James Dawos Mamit: Mambong?

Tuan Pengerusi: Ya, di belakang sana. Ya, di belakang sekali ya.

2.53 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.25 Butiran 030000 yang berkaitan dengan Latihan Pertahanan Darat.

Saya nampak latihan tentera darat lebih banyak menumpu kepada latihan taktik peperangan dan kawad. Bidang-bidang lain seperti pengetahuan penggunaan IT, pengurusan sumber manusia, business administration, dengan izin, dan sebagainya juga penting dan relevan di bidang ketenteraan.

Saya nampak di Tentera Darat, pengurusan sumber manusianya lebih banyak berasaskan kepada arahan perintah atau order, dengan izin. Arahan perintah ini boleh berkesan di kalangan anggota-anggota yang tinggi disiplinnya tetapi terdapat juga anggota-anggota yang kurang disiplin. Walau bagaimana tegasnya arahan perintah, kadangkala tidak dipedulikan oleh setengah-setengah anggota juga. Saya menyarankan supaya latihan tentera juga menekankan kepada bidang pengurusan sumber manusia mengikut prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah sains pengurusan moden. Saya juga mengesyorkan supaya anggota-anggota yang berkelayakan diberi latihan dalam bidang pengurusan IT sebab taktik peperangan moden banyak menggunakan IT.

Merujuk kepada Butiran 10000 yang berkaitan dengan Emolumen, saya nampak bahawa scale gaji tentera lebih rendah daripada scale gaji di perkhidmatan kerajaan yang lain. Umpamanya, kelulusan SPM di tentera scale gajinya ialah Gred Z14. Sementara Pembantu Tadbir (Perkeranian) kelulusan SPM di jabatan kerajaan, scale gajinya ialah N9. Pangkat Kapten biasanya ke lulusan akademik Ijazah Sarjana Muda atau B.A. atau B.S.C. Skil gajinya hanya Z5. Sementara di perkhidmatan kerajaan lain, scale gaji permulaan ialah N3. Oleh itu, ramai anggota-anggota tentera menceburkan diri dalam pekerjaan sampingan atau second job, dengan izin, bagi menampung kos sara hidup mereka. Kadangkala pernah juga berlaku ada anggota tentera terlibat dalam kegiatan haram seperti merompak. Pembabitan dalam pekerjaan sampingan ada kesan terhadap disiplin. Oleh itu, saya menyarankan agar scale gaji tentera dikaji semula dan diselarasakan dengan perkhidmatan kerajaan yang lain.

Tuan Pengerusi, menyentuh kepada Butiran 00200 yang berkaitan dengan Kelengkapan, saya berpendapat bahawa kelengkapan di Tentera Darat tidak mencukupi dan juga out of date, dengan izin. Umpamanya, saya nampak raifel M16 masih lagi model yang lama. Begitu juga dengan komputer di kem-kem tentera umpamanya di Kuching masih lagi menggunakan komputer yang berasaskan Mikro Processor 486, dengan izin.

Begitu juga dengan penggunaan kompas, masih digunakan oleh tentera darat walaupun penggunaan GPS atau Geographical Positioning System, dengan izin, lebih berkesan dan mudah lagi digunakan di masa kini. Memandangkan bahawa peruntukan bagi kelengkapan tentera darat agak tinggi tahun ini, saya menyarankan supaya alat-alat yang termoden dibekalkan di kem-kem tentera darat termasuk juga di Sarawak dan di Kem Askar Wataniah di Kuching.

Saya sedih kerana kenderaan yang digunakan oleh tentera bagi menghantar budak-budak sekolah ialah trak yang sama digunakan oleh anggota-anggota yang buat operasi di hutan. Saya ingin bertanya daripada pihak ATM, bolehkah ATM membeli bas yang sesuai untuk digunakan menghantar budak-budak sekolah. Saya menyentuh ini sebab tahun la lu, ada kemalangan na has, self accident, trak tentera yang membawa budak-budak sekolah di Kuching.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau supaya askar Wataniah diperkuatkan lagi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya adalah anggota askar Wataniah berpangkat Mejar di Rejimen 511 di Kuching. *[Tepuk]* Saya menyarankan agar ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat masuk askar Wataniah, jangan kirakan elaun sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, saya hendak beri seorang, sekali lagilah kerana sudah ada, sudah ramai berucap. Kita kebelakangan dua hari dah. Ya, Pendang ya Pendang. Seorang sahaja lagi saya hendak beri ya.

2.58 ptg.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat Sejahtera, Selamat Berbahagia Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 05000 – Pertahanan Ruang Udara mendapat peruntukan yang agak besar juga walaupun sedikit kurang daripada tahun 1999.

Apa yang ingin saya menarik perhatian sebagai tambahan kepada ucapan-ucapan yang dibuat oleh rakan-rakan saya tadi mengenai dengan kualiti pertahanan udara. Walaupun kita tidak berperang sekarang tetapi kita perlu memperkuatkan pertahanan kerana negara-negara lain juga memperkuatkan pertahanan negara dengan peralatan yang lebih canggih sesuai dengan perkembangan semasa kerana kita dapati kekuatan dan pertahanan udara kita sangat rapuh. Jet-jet tentera kita seringkali kita mendapat berita jatuh ketika membuat latihan, bukan ketika berperang, jatuh sebelum

berperang. Jadi, ini menunjukkan bagaimana rapuhnya kekuatan dan ketahanan udara dari aspek logistik ini. Walaupun peruntukan secara keseluruhan berkurangan berbanding dengan tahun 1999 tetapi dalam Butiran 050200 – Logistik, peruntukan diberi agak lebih sedikit berbanding dengan tahun 1999 termasuklah soal perbekalan.

Jadi, saya hendak supaya kementerian pastikan bahawa jawatankuasa tender yang menguruskan pembelian jet-jet perang ataupun peralatan persenjataan ini lebih telus dan lebih berupaya untuk menilai, mengkaji dengan lebih saintifik tentang kualiti peralatan yang hendak dibeli dan memastikan supaya tidak berulang pembelian seperti masa-masa yang lalu di mana jet-jet penerbangan yang dibeli adalah merupakan sisa-sisa dari peperangan yang telah berlaku.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu juga tentang apa sudah jadi mengenai dengan jet-jet yang dibeli daripada Amerika Syarikat yang difahamkan bernilai berbilion ringgit, yang masih tersadai di padang pasir Arizona di Amerika Syarikat. Saya difahamkan jet-jet itu adalah jet-jet yang dibeli dari sisa-sisa perang Korea dan ia telah tidak boleh digunakan, memang tidak digunakan lagi. Jadi, bagaimana peristiwa kejadian ini boleh berlaku, sebab itulah rakyat menyoalkan tentang ketelusan jawatankuasa yang mengendalikan tender pembelian peralatan di bawah Kementerian Pertahanan ini.

Saya rasa Dewan ini perlu dimaklumkan tentang jumlah jet-jet yang masih tersadai dan tidak dapat dibawa pulang dan tidak dapat digunakan dan berapa nilai sebenarnya jet-jet itu dan memastikan bahawa pembelian baru sama ada angkatan udara, laut atau darat tidak mengalami pengalaman yang begitu merugikan, bukan sahaja merugikan wang ringgit tetapi jika jet-jet penerbangan itu sudah tidak sesuai digunakan pada waktu ini dan ia merupakan jet-jet yang lama, ia bukan sahaja mengorbankan dan merugikan wang ringgit tetapi juga mengorbankan tentera kita, mengorbankan juruterbang-juruterbang dan bukan mudah untuk melatih seorang juruterbang.

Sebab itu kita melihat sesetengah negara dalam peperangan, mereka lebih berhasrat atau lebih merasakan bertanggungjawab untuk melindungi, menjaga keselamatan juruterbang mereka lebih daripada menjaga kapal terbang. Ini untuk menunjukkan bagaimana sukar untuk melatih seorang juruterbang yang cekap, yang pintar, yang mempunyai kebijaksanaan bagi mengendalikan jet-jet penerbangan peperangan ini. Ini perlu saya fikir diberi suatu penjelasan kepada Dewan ini.

Begitu juga mengenai dengan Butiran 060000 – Dasar Baru Kementerian Pertahanan. Saya fikir Dewan ini juga perlu dimaklumkan apakah dasar-dasar baru yang akan diperkenalkan oleh Kementerian Pertahanan yang diperuntukkan sejumlah perbelanjaan melebihi RM255 juta. Apakah dasar-dasar baru yang akan diperkenalkan, apakah dasar-dasar baru ini melibatkan soal pembelian persenjataan dan juga soal training dan lain-lain kelengkapan yang berkaitan dengan pertahanan negara.

Selain dari itu, saya juga mengambil kesempatan untuk menarik perhatian kerajaan tentang nasib anggota tentera kita kerana kita dapati ramai juga dari kalangan anggota tentera yang berhenti bekerja, tidak mahu menyambung lagi kontrak kerja mereka dengan ATM dan mereka keluar daripada perkhidmatan tentera, tetapi mereka menghadapi kesulitan dalam kehidupan dan sebahagian mereka pulang menjadi setinggalan-setinggalan yang tidak ada tempat tinggal yang tetap, seolah-olah mereka ini tidak diberi pembelaan yang wajar, bukan sahaja semasa mereka dalam perkhidmatan tidak dirancang untuk masa depan mereka, selepas mereka menamatkan perkhidmatan, tetapi seolah-olah mereka dibiarkan untuk mencari, menentukan nasib sendiri, tanpa memberikan sesuatu jaminan tentang masa depan mereka apabila mereka berhenti atau menamatkan perkhidmatan mereka dalam Angkatan Tentera dan sebahagian mereka itu masih mempunyai anak-anak yang kecil, yang memerlukan pendidikan, pelajaran dan mereka tidak mendapat peluang yang secukupnya untuk mengendalikan kehidupan mereka yang agak lebih baik dan adalah sangat tidak munasabah dan sangat tidak wajar ketika mereka bertenaga, mereka muda dan kuat, negara menggunakan dan memanfaatkan mereka untuk kepentingan negara, kepentingan rakyat, tetapi apabila mereka sudah masuk peringkat yang tidak begitu kuat lagi, umur mereka pun sudah lanjut, mereka seolah-olah diabaikan sehingga untuk mendapat tempat kediaman yang tetap pun mereka menghadapi kesukaran.

Jadi, saya harap kerajaan akan memberi perhatian serius tentang kebajikan anggota tentera dan juga anak-anak kepada anggota tentera. Saya ingat itulah beberapa perkara dan yang sangat saya utamakan dalam ucapan saya ini ialah tentang maklumat mengenai dengan kapal-kapal terbang tentera yang dikatakan masih tersadai di Amerika Syarikat dan tidak dapat digunakan dan tidak ada pula negara ketiga yang ingin membeli, kerana ia terlalu lapuk, ia terlalu ketinggalan, tidak dapat

diguna pakai dan berapa banyak kos telah terlibat dengan pembelian peralatan buruk itu dan berapakah kuantiti kapal terbang, berapa banyak kapal terbang itu yang masih tersadai. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.07 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan Belanjawan Negara 2000 yang sedikit sebanyak telah menyentuh bidang kuasa Kementerian Pertahanan dan ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju, Tebrau, Bukit Bintang, Batang Lupar, Lumut, Jeli, Sri Gading, Mambong dan juga Pendang, ada di antara pandangan-pandangan itu cukup bernas dan boleh diguna pakai bagi memantapkan lagi hala tuju Kementerian Pertahanan untuk memperkukuh dan juga memperkuatkan pertahanan negara.

Memanglah menjadi tujuan utama kita bahawa akan melahirkan satu moden dan credible force, di mana di samping itu mempunyai cita-cita yang baik. Kita pun faham bahawa keadaan kegawatan ekonomi sedikit sebanyak telah menjejaskan usaha kerajaan kita pada hari ini untuk mempermodenkan dan memperlengkapkan tentera kita. Kita tahu bahawa tidak cukup daripada bilangan tentera yang dibanyakkan tetapi juga peralatan-peralatan moden harus juga didekatkan di kalangan anggota tentera demi untuk memastikan pertahanan negara.

Di samping itu juga, kita perlu agar kesejahteraan anggota dan keluarga tentera dapat dilengkapi seperti juga yang menjadi hala tuju kita agar kemudahan-kemudahan seperti disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan perumahan dan juga bantuan skim pendidikan kepada anak-anak tentera yang di peringkat sekolah. Itu adalah menjadi pertimbangan amat berat dari pihak kementerian untuk kita akan mempertingkatkan sedikit masa lagi.

Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, beliau ini adalah seorang bekas tentera dan sudah pasti mempunyai kepakaran, bekas tentera di peringkat udara dan beliau telah menyentuh sedikit sebanyak tentang peranan PERNAMA di mana beliau telah menyebut bahawa PERNAMA tidak sepatutnya mengutamakan keuntungan dalam perniagaannya. Sebetulnya, itu bukanlah hala tuju PERNAMA, apa yang penting kepada kita ialah tujuan PERNAMA diwujudkan adalah untuk mengganti

matlamat NAAFI yang berfungsi semasa penjajahan British iaitu menyediakan perkhidmatan, perkhidmatan barangan yang diperlukan oleh tentera-tentera dan juga keluarga, bila mana mereka tidak dapat memperolehi secara harga yang baik daripada luar, maka mereka bolehlah membeli barangan itu di tempat yang disediakan di PERNAMA. Dalam melaksanakan fungsinya, PERNAMA berperanan seperti berikut:-

- (i) mengutamakan barangan tempatan di dalam perkhidmatan peruncitannya;
- (ii) memastikan barangan yang dijual adalah lebih murah dari harga pasaran terbuka mengikut harga borongan ataupun harga kilang;
- (iii) memberi kemudahan dan membeli secara ansuran kepada anggota tentera melalui skim Kesuma iaitu secara potongan gaji dengan mengekalkan harga murah, maknanya kita amalkan satu credit scheme, dengan izin, yang agak baik, yang tidak mungkin dapat diperolehi di peringkat luar untuk memudahkan agar bila mana tentera tidak mempunyai wang yang mencukupi, maka mereka boleh menggunakan kemudahan seumpama ini; dan
- (iv) begitu juga peranannya iaitu memberi keutamaan kepada bekas-bekas tentera untuk menyewa gerai, kedai PERNAMA dengan harga sewaan yang berpatutan dan memberi perkhidmatan peruncitan di dalam kem-kem tentera kepada kem-kem yang terpencil dan jauh sama ada di Sabah mahu pun di Sarawak dan tempat-tempat yang lain.

Daripada yang dijelaskan di atas adalah tidak benar PERNAMA seperti yang saya sebutkan mengutamakan keuntungan sahaja. Sebaliknya, adalah berperanan, berfungsi untuk memberi perkhidmatan yang baik kepada keluarga tentera.

Beliau juga menyentuh mengenai dengan penggunaan teknologi 60-han bagi pesawat-pesawat dalam TUDM seperti Allowette dan Nuri. Penggunaan pesawat pengangkutan seperti Nuri dan Allowette ini masih diperlukan buat sementara waktu oleh TUDM. Memang ada usaha untuk pihak kementerian untuk mempertingkatkan pemodenan dari segi peralatan udara ini dan dalam sedikit masa lagi kementerian, kita

berdoa ke hadrat Allah s.w.t. mudah-mudahan dengan keizinanNya keadaan ekonomi akan ada kelangsungan, kebbaikannya maka akan membolehkan kita dengan kekuatan ekonomi yang baik dan sudah pasti kewangan yang ada dan juga dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah pasti belanjawan ini dapat disokong dengan baik dan akan membolehkan pihak kementerian untuk membeli peralatan yang lebih baik.

Beliau juga menyentuh dengan senggaraan pesawat yang rendah menyebabkan banyak pesawat terhempas, usaha tersebut disokong dan juga program-program sebetulnya ke arah ini tiada penyelenggaraan pesawat yang berterusan, memang sedia ada. Satu dari program yang dijalankan adalah program kontraksasi, penyelenggaraan pesawat yang dilaksanakan sebagai usaha untuk memastikan pesawat disenggara dengan sebaiknya dan berada ditahap feasibility yang maksimum di samping usaha-usaha telah diambil untuk membeli pesawat moden seperti yang saya sebutkan tadi.

Adalah menjadi harapan kita seperti juga di peringkat tentera kem-kem yang lain seperti di Kuantan, kita mempunyai hubungan yang baik dengan syarikat yang telah membekalkan MiG-17, yang mana pihak syarikat itu juga membekalkan *after sale service* dan ini sedikit sebanyak membantu untuk mengekalkan agar pesawat-pesawat ini agak sesuai dan selamat digunakan oleh tentera-tentera kita.

Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Pengerusi, menyentuh mengenai pesawat ini. Baru-baru ini Kementerian Pertahanan – Kerajaan Malaysia khususnya ada membeli pesawat-pesawat yang ditempah khas daripada Industri Pesawat Terbang Nusantara (IPTN) dari Indonesia dan mereka membekalkan pesawat CN235. Jadi, saya hendak tahu apakah bentuk kerjasama dalam industri pertahanan kalau kita membeli pesawat mereka, apakah bentuk reciprocal arrangements, dengan izin, untuk mereka pula membantu kita sebab kalau tidak ada sesuatu yang boleh membantu kita, saya fikir meminjam kata-kata orang Negeri Sembilan “menghabihkan bor’eh sahaja” untuk kita membeli peralatan pesawat terbang mereka.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datoh. Memang kita mempunyai satu persefahaman dengan syarikat dan juga kerajaan jiran kita bila mana sebelum kita membeli pesawat ini CN213, kita beri keutamaan kepada keperluan negara kita dan setelah itu kita telah menilai dua tempat iaitu satu di Paris, di France dan juga satu negara jiran kita dan kita buat perbandingan

dari segi harga dan juga kualiti kedua-dua pembekal dan setelah itu kita meninjau bahawa di samping itu juga kita dapat memanfaatkan, bukan hanya dapat merapatkan hubungan dan industri-industri yang lain mempunyai juga hubung-kait dengan ini, maka ada kebaikan bila mana kita membeli pesawat daripada negara jiran kita, daripada Nusantara ini, bukan hanya dari segi harga yang murah, bahkan juga erat hubungan dapat dikekalkan, dirapatkan. Di samping itu juga mereka telah banyak membeli barang-barangan yang lain yang ada hubung kait dengan industri automatik kita. Maka, dengan itu sedikit sebanyak dapat membantu seperti industri-industri yang lain di mana pihak Indonesia juga amat memerlukan seperti Proton dan barang-barangan yang lain yang mana negara jiran kita telah banyak membeli.

Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau juga menyentuh.....

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun lagi.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya, ya.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Berhubung dengan jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi mengenai perolehan dan pembelian jet ataupun pesawat pejuang. Saya ingin mengetahui mengenai pembelian jet F18, adakah pihak kementerian sedar bahawa kelengkapan terhadap sistem peperangan yang telah diatur ataupun ditempatkan di dalam pesawat ini yang dibeli oleh pihak kementerian adalah lebih jauh rendah standardnya daripada yang dibeli oleh negara-negara jiran kita seperti Thailand dan Singapura di mana kita lihat dari segi peralatan pengesan ataupun radarnya dan juga alat-alat kelengkapan perang yang lain yang lebih canggih yang diterima oleh pihak Thailand dan Singapura. Itu saya minta penjelasan daripada pihak kementerian.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Memang kita akui bahawa sedikit terdapat daripada pembelian itu agak sedikit menjejaskan. Walaupun demikian, kita ada rectified, dengan izin, perkara ini dan insya-Allah, peralatan pesawat ini kita boleh gunakan.

Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau tadi banyak menyentuh beberapa perkara khususnya mengenai hubungan dengan negara jiran iaitu Singapura di mana beliau menyentuh mengenai dengan perjanjian pertahanan dengan negara Singapura untuk menjadikan eksesais bersama. Eksesais bersama yang diadakan dengan negara Singapura adalah di bawah naungan Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA) yang juga melibatkan United Kingdom, New Zealand dan juga Australia. Eksesais-eksesais

ini adalah tertakluk kepada beberapa syarat seperti had ketinggian – bagi pesawat-pesawat yang terlibat tidak lebih daripada 5,000 kaki dan lebih menuju ataupun focus, dengan izin, kepada kawasan laut.

Beliau juga menyentuh di mana beliau menyatakan bahawa nampaknya laluan udara kita digunakan oleh pesawat-pesawat Tentera Udara Republik Indonesia untuk eksekusi mereka. Keistimewaan-keistimewaan yang telah diberikan kepada pesawat Tentera Udara Republik Singapura (TURS) telah ditarik balik sejak September 1998 dan kini TURS perlu meminta kebenaran terlebih dahulu sebelum menggunakan ruang udara negara kita.

Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau juga menyentuh mengenai dengan kepentingan Askar Wataniah. Askar Wataniah adalah satu pasukan yang agak penting bagi kita di mana Angkatan Tentera Malaysia sedang berusaha untuk menambahkan kekuatan Askar Wataniah sebagai satu sasaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pertahanan untuk mencapai menjelang tahun 2000 dan untuk jangka masa yang panjang, nisbah Askar Wataniah yang menjadi sasaran kita ditetapkan kepada tiga berbanding satu dan adalah menjadi harapan kita memang Askar Wataniah di peringkat akar umbi ini dapat kita pertingkatkan daripada bilangan yang ada ke bilangan 120,000 dan ini sedikit sebanyak dapat membantu kekuatan nilai-nilai yang baik di kalangan masyarakat rakyat di negara kita.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Datuk Timbalan Menteri dari Sabah. Ini saya minta sedikit penjelasan daripada Datuk Timbalan Menteri. Tadi, saranan Yang Berhormat supaya Askar Wataniah ini memainkan peranan lebih penting dan harapan kita lebih penting di masa akan datang. Sudah semestinya harapan itu memerlukan satu tarikan ataupun penarikan daripada masyarakat umum untuk menyertai Askar Wataniah tetapi kadang-kadang ramai yang sebenarnya, Datuk Timbalan Menteri, ramai yang hendak menyertai Askar Wataniah ini tetapi kerana ada sedikit keluhan masyarakat iaitu elaun yang dibayar ini. Mungkin difahamkan sudah 15 tahun ke-20 tahun belum dinaikkan tarafnya. Sebelah sana pun mungkin hendak masuk Askar Wataniah juga, [*Merujuk kepada ahli-ahli pembangkang*] ada sebelah sana tetapi depa ini, sebelah sana dia tidak hendak masuk lagi kerana elaunnya agak rendah. [*Ketawa*]

Saya hendak bertanya sedikit dengan Yang Berhormat ramai mereka hendak berminat, ramai warga Malaysia mahu menyertai Askar Wataniah ini termasuk

golongan profesional tetapi keluhan mereka adalah kadar bayaran itu yang agak rendah. Mungkin, minta pandangan Datuk Timbalan Menteri, akan sampai masa kementerian mengkaji kembali kadar bayaran atau elaun yang diberi kepada mereka memandangkan amat ramai yang berminat tetapi elaun itu agak rendah sekali. Adakah kerajaan hendak mempertimbang kembali dan review kadar ini. Minta sedikit pandangan Datuk Timbalan Menteri.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Rompin. Samalah seperti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi. Memang perkara ini kita akui dan saya ingat kita pun di peringkat kementerian amat bersetuju supaya perkara ini dapat kita selesaikan secepat yang mungkin di mana Yang Berhormat Menteri telah memberi jaminan untuk mengatasi masalah ini, maka kita telah menekankan dan meminta supaya satu badan khusus meneliti secara terperinci mengenai dengan elaun dan juga imbuhan yang kelak diperolehi, daripada semua peringkat, bukan hanya Askar Wataniah, bahkan di semua peringkat ATM – Anggota Tentera Malaysia di darat, udara dan juga laut di mana kita berharap perkara ini akan dapat diselesaikan mengenai dengan gaji dan elaun. Bukan hanya elaun-elaun, bahkan juga peralatan-peralatan yang dipakai oleh Askar Wataniah yang kita bekal diwujudkan di peringkat akar umbi di daerah, di kawasan-kawasan tertentu dan juga di peringkat PALAPES di universiti. Kalau boleh Askar Wataniah ini juga dilengkapi dengan peralatan-peralatan bila mana mereka membuat latihan dan kita dapati agak sedikit perkara ini tidak begitu lengkap lagi, maka kita berharap dalam rancangan kita sedikit masa lagi akan dapat diatasi.

Di samping itu juga, untuk menggalakkan agar lebih ramai lagi Askar Wataniah selepas itu berkhidmat secara terus, Majlis Angkatan Tentera baru-baru ini seminggu, dua saya ingat dalam mesyuarat dan kita telah putuskan dalam jangka masa yang pendek, kita boleh serapkan mereka dalam perkhidmatan, tidak menunggu masa yang begitu panjang, kemungkinan dalam jangka masa 10 hingga 15 tahun sahaja. Tidak tunggu 25 tahun, maka bolehlah mereka diserapkan iaitu layak untuk mendapat imbuhan seperti juga tentera di peringkat regular, dengan izin.

Ahli Yang Berhormat Tebrau juga menyentuh mengenai dengan masalah kedudukan bekas-bekas tentera di atas tanah Kementerian Pertahanan di Tebrau, Johor. Berkaitan dengan perkara ini, tanah kegunaan Kementerian Pertahanan di Kem Tebrau, Johor sebenarnya kedudukan mereka itu adalah tidak sah dan boleh diambil

tindakan. Bagaimanapun, kementerian tidak mengambil tindakan yang boleh menyusahkan mereka. Bagi menyelesaikan masalah ini, Kementerian Pertahanan telah meletakkan kawasan yang mereka perlukan ini di bawah pakej projek penswastaaan Kem Skudai. Di bawah projek ini, pihak swasta yang dilantik akan membina rumah-rumah yang sesuai untuk dijual kepada mereka dengan kos binaan yang agak menarik.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Beri Tebrau dahulu, hak dia.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat, saya memohon penjelasan sedikit mengenai kedudukan tanah ini. Memanglah saya pun maklum dalam apa yang dibangkitkan, disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Saya cuma minta dan ada memorandum telah pun dihantar kepada Yang Berhormat Menteri supaya kawasan tersebut dapat dikecualikan daripada pembangunan kerana kedudukan rumah itu ia sudah bukan rumah kayu tetapi rumah batu. Jadi, memanglah masalah ada hendak dibuat perpindahan, jadi sebab itulah penduduk melalui wakil rakyat minta sedikit dipertimbangkan oleh pihak kerajaan, oleh Kementerian Pertahanan supaya beberapa ekar yang tertentu itu dikecualikan kerana memang hendak memindah dengan kedudukan rumah, kemudahan asas, elektrik, air memang sudah menjadi satu projek perumahan yang telah ada. Jadi, mungkin kalau dia hendak kenakan bayaran sebagai pemberian kurniaan tanah memandangkan jasa sebab yang duduk itu memang betul-betullah orang tentera keseluruhannya. Jadi, saya minta kalau boleh ada memorandum yang telah dihantar kepada Yang Berhormat Menteri itu dapat dipertimbangkan balik. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Insya -Allah, Yang Berhormat, perkara Yang Berhormat sentuh mengenai dengan memorandum dan juga berhubung kait dengan perkara ini saya akan bawa balik dan bincang dengan Yang Berhormat Menteri untuk kita buat keputusan yang baik, membolehkan agar tidak menyusahkan bekas tentera.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang membangkitkan tentang kehidupan bekas anggota tentera juga di pantai....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Chang See Ten: *[Bangun][Mengetuk pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Kita ada dua orang lagi, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ini mengenai dengan Skudai ataupun....

Tuan Chang See Ten: Skudai.

Tuan Husam bin Haji Musa: Bekas tentera.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:bekas tentera. Boleh tidak saya habiskan sekejap sahaja dengan Bukit Bintang, selepas ini Yang Berhormat, saya beri jalan.

Ramai daripada anggota tentera memperolehi pelbagai kemahiran semasa dalam perkhidmatan di mana mereka sebagai rakyat biasa. Kementerian juga menganjurkan pelbagai latihan kemahiran teknikal dan vokasional yang berkesan kepada bakal dan bekas pesara ATM melalui Perbadanan Hal Ehwal Bekas Perajurut (PERHEBAT). Ramai daripada bekas pesara ATM telah pun berjaya dalam kehidupan mereka sebagai rakyat awam. Ya, silakan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya berkaitan dengan bekas tentera. Ada bekas tentera kita yang telah bertugas di Congo seramai 4,128 orang. Saya hendak tahu adakah Bangsa-Bangsa Bersatu beri elaun kepada tentera-tentera Malaysia yang bertugas di Congo kerana semua tentera negara-negara lain yang bertugas pada masa yang sama telah mendapat elaun daripada Bangsa-Bangsa Bersatu berjumlah lebih kurang US\$12 seorang sehari yang jumlah elaun mereka kalau dibayar akan berjumlah lebih kurang RM11,000. Sehingga hari ini tentera kita yang bertugas di Congo belum menerima sagu hati dalam jumlah yang tersebut. Jadi, saya hendak tahu adakah sagu hati itu diberikan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Sebetulnya scalan ini yang ditimbulkan pada pagi tadi tetapi beliau tidak sampai. Tak 'dan' kita hendak tunggu daripada pagi dia tidak datang. Walaupun demikian, saya mengucapkan terima kasih dan suka saya menjawab di sini bahawa jumlah anggota tentera Malaysia yang pernah bertugas di Congo dan berdaftar setakat ini adalah seramai 4,337 orang. Dari jumlah tersebut seramai 4,128 orang telah pun menerima sagu hati masing-masing dalam lingkungan RM500 setiap seorang dan ada lebih daripada hampir 209 orang yang belum menerima oleh kerana kita sedikit

sebanyak mempunyai masalah mengenal pasti tempat di mana lokasi. Kita juga mendapat bantuan perkhidmatan daripada radio untuk menghebahkan supaya mereka datang, di surat khabar juga kita pameran supaya mereka dapat melapor di mana tempat. Kadang-kadang oleh kerana kejadian ini berlaku begitu lama, kemungkinan alamat sudah berpindah dan tempat-tempat tidak mudah bagi kita. Maka, dengan itu pihak kementerian mencadangkan supaya kita buat satu pendekatan yang baru iaitu menggunakan satu data base.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Jawatankuasa]

A new data base di mana membolehkan supaya semua maklumat tentang tentera dan bakal ada pesara-pesara, tempat di mana mereka berada, pangkat, berbagai-bagai untuk memudahkan bila mana perkara ini berlaku di masa yang mendatang, maka kita boleh atasi dan berhubung dengan mereka oleh kerana kelengkapan yang sudah ada dengan kita.

Ahli Yang Berhormat bagi....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Oh, ada lagi?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia bangkit lagi, Yang Berhormat. Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih banyak Yang Berhormat, tentera di Congo ini ramai yang sudah mati Yang Berhormat. Yang Berhormat jawab tadi ialah wang daripada Lembaga Tabung Angkatan Tentera, RM500, ini saya terimalah. Ini yang daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, kalau Yang Berhormat kurang arif ataupun tidak ada maklumat sekarang, tidak apa, penjelasan boleh diberi kemudian. Adakah Bangsa-bangsa Bersatu telah memberikan peruntukan, elaun kepada tentera-tentera Malaysia yang bertugas di Congo tetapi elaun yang diberikan oleh Bangsa-bangsa Bersatu ini belum disampaikan kepada tentera kita. Jawapan ini mestilah 'factual' kerana perkara ini ada dalam rekod persatuan bekas perajurit dan lain-lain.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Memang kita akui bahawa bukan hanya tentera daripada Congo yang kita mempunyai masalah kerana sebetulnya banyak daripada perkhidmatan yang kita berikan di peringkat antarabangsa yang telah satu daripada perjanjian yang kita capai kerana bila kita hantar tentera kita ke Bosnia

ke tempat-tempat yang mempunyai pergolakan dan memerlukan perkhidmatan antarabangsa dan dikenal pasti bahawa anggota tentera adalah sebahagian daripada anggota tentera yang mempunyai professionalism yang tinggi, keberanian yang teruji maka dengan itu kita menghantar ramai di antara mereka ini untuk berkhidmat memberi perkhidmatan yang baik. Tetapi daripada saguhati yang diberikan kadangkadang tidak dapat kita capai. Sehingga kini banyak, sebetulnya saya tidak ingat berapa jumlahnya termasuklah kemungkinan daripada peringkat bekas tentera Congo yang pada ketika ini masih lagi hendak meminta daripada PBB.

Perkara ini saya akan jawab secara terperinci, secara bertulis kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendak tambah sedikit lagi Yang Berhormat untuk makluman Yang Berhormat dan juga kebajikan semua tentera kita. Elaun itu berjumlah lebih kurang 12 dollar satu hari yang bererti lebih kurang RM11,000 lebih untuk satu orang. Kalau kita beri RM500 kita simpan RM10,500 sudah berapa puluh tahun, ini tahun 1960 kah, 1968 perang di Congo ini.

Jadi sesetengah itu sudah mati, sesetengah itu sudah tua, jadi saya rasa perkara ini bolehlah diberikan perhatian serius oleh Yang Berhormat dan saya terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kita berharap sangatlah pihak PBB akan boleh membayar dan perkara ini kita berusaha, kita mempunyai wakil di peringkat Bangsa-bangsa Bersatu. Saya masih ingat dahulu semasa saya menghadiri persidangan PBB ke-52, saya sebulan berada di New York dan perkara ini juga kita bangkitkan di mana imbuhan daripada PBB sepatutnya dibayar kepada negara-negara yang memberi perkhidmatan yang sama termasuklah pihak Congo.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang...

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Chang See Ten: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri, yang mana hendak beri. Gelang Patah ya? Ini hak dia, dia kata hendak beri Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Saya memang mengalu-alukan pihak Kementerian Pertahanan mengadakan projek kem tentera di kawasan Skudai dalam kawasan Parlimen Gelang Patah yang mana luas

kawasannya lebih 300 ekar. Tetapi bila kerja tanah dilaksanakan oleh pihak kontraktor telah mendatangkan masalah kepada kampung-kampung yang berdekatan dengan Kem Skudai itu, yang mana tiap-tiap kali hujan lebat Kampung 'Poh Chee Leng' di kawasan Skudai yang mana Kem Skudai itu adalah di belakang kampung ini, tanah lebih tinggi dan Jalan Gelang Patah yang bahagian yang rendah sentiasa ditenggalami air hampir tidak boleh dilalui oleh kenderaan semasa hujan lebat dan pihak kontraktor Kem Skudai itu dia cuma ambil tindakan membina 'lagoon' untuk simpanan air hujan tetapi tindakan sementara ini tidak dapat menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan yang saya sebutkan tadi.

Oleh yang demikian saya harap pihak Kementerian Pertahanan dapat ambil tindakan secepat mungkin kerana penduduk-penduduk di Kampung Poh Chee Leng itu sentiasa mengalami masalah dan saya dapat maklumat daripada pihak Majlis Daerah Johor Bharu Tengah bahawa mereka tidak ada maklumat terperinci tentang projek ini oleh kerana atas kepentingan, kemungkinan ini ada rahsia Kementerian Pertahanan, tidak memajukan permohonan projek itu, permohonan kerja tanah kepada pihak berkuasa yang berkenaan dan sehingga pihak JPS, pihak Berkuasa Tempatan tidak dapat memberikan apa-apa tindakan untuk membendung masalah banjir kilat di kawasan itu. Saya harap pihak Kementerian Pertahanan dapat ambil tindakan menyelesaikan masalah banjir kilat akibat ada projek di sana. Sekian terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat, seperti yang saya sebutkan tadi sama juga dengan persoalan dan keprihatinan Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau tadi, memang kementerian akan mengambil perhatian tentang perkara ini dan seperti juga Yang Berhormat sedia maklum bahawa kawasan ini kita tidak dapat elak untuk memindah oleh kerana kawasan ini adalah satu tempat yang kita fikirkan amat sesuai sekali oleh kerana pendekatan kita iaitu dasar pertahanan negara kita ialah untuk mempertahankan negara dan juga 'deterrence, to deter', dengan izin, supaya tidak meletakkan walaupun 'forward base' yang ada begitu kecil sekurang-kurangnya kehadiran kita di situ boleh menokok-tambah kekuatan pertahanan negara kita.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang juga mengambil....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanah Merah berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ini mengenai dengan Tebraukah?

Tuan Saupi bin Daud: Bekas tentera. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin menyentuh tadi mengenai bekas tentera iaitu kursus dan latihan cuma kita lihat bahawa semasa menjadi tentera, mereka ini juga berkursus dan mendapat latihan dan apabila bersara juga mereka ini diberi sekali lagi kursus dan latihan dan kebanyakannya kita lihat di jabatan-jabatan kerajaan mereka ini dipanggil kursus peralihan di mana pada hari ini kebanyakan jabatan kerajaan tidak lagi dapat menerima sebahagian besar daripada bekas-bekas tentera yang akan bersara kerana mungkinlah harapan daripada tentera tadi, kalau mereka berkursus di kementerian atau jabatan mana-mana selepas itu mereka akan diserapkan di dalam jabatan berkenaan.

Saya ingin mencadangkan mengapa kalau...sebaiknya pihak kementerian mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak tertentu seperti umpamanya pemaju-pemaju lebuhraya dan sebagainya supaya tentera ini selepas daripada bersara ditempatkan contohnya, di tempat-tempat mengutip tol-tol kerana kita lihat hari ini tempat mengutip tol contohnya, diletakkan wanita-wanita yang muda umpamanya, saya rasa itu satu perkara yang agak membazir, lebih baik kita letakkan yang sudah bersara dan sebagainya. Begitu juga dengan pegawai-pegawai keselamatan dan sebagainya. Itu suatu pandangan dan saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah, bukanlah satu pembaziran kita hendak mengambil anggota Wataniah untuk berkhidmat di tol, itu adalah sebahagian daripada tanggungjawab kerajaan Barisan Nasional tidak mengira seks ataupun suku kaum, wanita juga perlu pembelaan dan kita dapati bahawa ruang itu boleh diambil oleh kumpulan kaum hawa dan wanita dan saya rasa haruslah kita ambil satu pendekatan bukan hanya, sudahlah tidak dapat ruang menjadi Ahli Yang Berhormat oleh kerana tidak diambil oleh pembangkang, kalau kita tidak beri kerja di peringkat tol tempat mana pula dia hendak bekerja, dia tidak ada kerja lainlah, nanti duduk di rumah sahaja, susah juga. Zaman sekarang ini adalah zaman peralihan abad ke-21 memerlukan perhatian.

Memang kita tahu bahawa bekas tentera ini memerlukan bukan hanya bantuan dan sokongan, pihak tentera kita bantu bukan setakat kita latih mereka bahkan pinjaman yang agak berbeza daripada yang lain, kita beri pinjaman contohnya dalam RM5,000 maksimum, tanpa ada cagaran kepada lepasan daripada mereka daripada

bertugas untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan dan di samping itu juga kita melatih mereka dalam bidang-bidang tertentu contohnya 'catering' dan banyak di antara mereka menjadi 'caterer' yang terbaik di beberapa syarikat, hotel termasuk syarikat-syarikat swasta yang telah memberi manfaat kepada bekas tentera, tidaklah kepada keseluruhannya bahawa kita tidak mengambil perhatian sungguh kepada pihak bekas-bekas tentera ini.

Mengenai dengan Yang Berhormat bagi Bukit Bintang tadi timbulkan iaitu

Tuan Chang See Ten: [*Bangun*]

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: kemasukan belia keturunan Tionghua ke dalam ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Timbalan Menteri nak bagi jalan lagi. Ada yang berdiri, Gelang Patah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *Can I finish this one? Just for a while*, dengan izin. Kemasukan belia-belia keturunan Tionghua ke dalam perkhidmatan ATM adalah sangat berkurangan kemungkinan kerana mereka tidak berminat. Namun demikian, usaha sedang diambil untuk menarik lebih ramai lagi belia-belia keturunan Cina, khasnya untuk menyertai anggota tentera Malaysia. Memang kita akui pada sekarang dan pada tahap ini agak berkurangan sedikit.

Maka dengan itu kita wujudkan Pelapis dan juga persatuan di peringkat akar umbi termasuk Wataniah di peringkat daerah untuk memastikan bukan hanya kaum ditekankan, yang penting kepada kita supaya masyarakat, rakyat bangsa Malaysia dapat menceburkan diri, minat untuk mempertahankan diri, *nationalism feeling* perasaan untuk kecintaan kepada negara arus wujud. Tidak terbatas kepada suku kaum yang ada. Maka dengan itu, kita galakkan agar masyarakat Cina juga dapat menyertai perkhidmatan anggota tentera. Silakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri Pertahanan. Tentang masalah yang saya sebutkan tadi, pihak Jabatan Kerja Raya, jurutera daerah Johor Bharu pernah melawat dengan saya ke tapak itu semasa hujan pada tahun lalu, telah tulis surat kepada pihak yang berkenaan, yang menjalankan projek Kem Skudai dan meminta mereka jika boleh buat 'box culvert' untuk mengganti *culvert* yang bulat dan kecil di kawasan yang rendah itu yang mana

pihak kontraktor kerja tanah Kem Skudai itu telah membina lagun untuk simpanan air hujan.

Tetapi malangnya hingga sekarang sudah lebih kurang satu tahun, masih tiada apa-apa sambutan daripada mereka untuk menjalankan kerja ini. Daripada tinjauan kita, saya sentiasa lawat kawasan itu, adalah wajar supaya ada satu tempat untuk pengairan air alternatif supaya air hujan dari kawasan tinggi di tapak Kem Skudai itu tidak mengalir masuk ke Kampung Poh Chee Leng, boleh mengadakan satu parit atau longkang yang besar untuk aliran air hujan ke kawasan lain supaya tidak masuk kawasan dalam Kampung Poh Chee Leng. Saya harap pihak Kementerian Pertahanan ambil perhatian tentang kes ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Saya akan mengambil perhatian tentang perkara ini dan kita akan memerlukan sedikit masa lagi kepada Yang Berhormat tentang perkara ini.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang juga mempersoalkan mengenai gaji dan elaun anggota tentera yang masih rendah. Seperti yang saya sebutkan tadi, menjawab persoalan tambahan daripada Rompin dan juga Sri Gading, beliau membangkit tentang gaji RM2.50, elaun dan berbagai-bagai lagi. Seperti yang saya sebutkan bahawa pihak kementerian telah mengarahkan untuk meneliti secara terperinci dan sedikit masa lagi mungkin dalam seminggu ini sedikit tambahan daripada elaun itu akan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri. Tentang bagaimana usaha kerajaan dan juga Kementerian Pertahanan, kelangsungan untuk menjaga kebajikan mereka sentiasa akan diambil perhatian yang amat berat sekali dan kita titik beratkan tentang elaun yang harus menjadi perhatian untuk menokok tambah supaya keselesaan anggota tentera ini dapat dijaga dengan baik.

Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lepar – beliau ini seorang bekas polis bukan tentera mempunyai pengalaman tentang keselamatan dan saya mengucapkan terima kasih atas beberapa pandangan yang beliau sudah sentuh dan juga berhubung kait dengan pasukan Wataniah. Memang saya sudah sebut tadi di mana betapa perlunya askar Wataniah ini kita lengkapkan bukan hanya dengan mempertimbangkan elaun-elaun yang lain – mungkin kita akui RM2.50 satu jam itu bukanlah satu tarikan kepada masyarakat umum untuk menceburkan diri dalam kesukarelaan untuk memastikan negara dan minat mereka untuk mempertahankan diri. Perkara ini kita akan ambil perhatian dan pihak kementerian akan berusaha untuk mengubah agar

elaun-elaun terhadap golongan askar Wataniah ini akan dapat sedikit sebanyak menarik le bih ramai lagi untuk menceburkan diri.

Mengenai dengan tahap mobiliti pertahanan bagi ketiga-tiga perkhidmatan, ATM mempunyai keupayaan dalam aspek mobiliti untuk mempertahankan negara dan kita tidak perlu untuk menggunakan lori ataupun trak beralih daripada tempat-tempat seperti Lubok Antu ataupun di sempadan-sempadan di negeri Sabah. Pada hari ini kita mempunyai peralatan udara, pesawat udara yang membolehkan kita untuk menghantar bala tentera bila mana keadaan memanggil, seperti dahulu mungkin kita akui dalam musim konfrantasi dalam tahun 60-an, bukan mudah untuk kita menghantar bala tentera daripada Tanah Semenanjung dan pada hari ini dengan masa yang begitu pendek kita boleh membantu memberi sokongan kepada tempat-tempat yang kelak akan dilanda, kalau ada – kita berdoa kepada Allah S.W.T, mudah-mudahan tidak akan berlaku keadaan peperangan di negara kita walaupun demikian mobiliti angkatan tentera, insya-Allah adalah di tahap yang baik.

Ahli Yang Berhormat bagi Lumut membangkitkan tentang terdapatnya perbezaan bagi taburan peruntukan tentera udara, tentera darat dan tentera laut. Perbezaan ini adalah disebabkan oleh bahagian anggot tentera darat lebih besar dan lebih ramai. Walaupun demikian, peralatan yang dibeli – kalau kita beli satu peralatan, tentera udara contohnya kapal terbang Charlie RM130 juta agak besar dan satu kapal perang boleh menelan belanja agak ratusan juta, satu bilion berbanding dengan pasukan-pasukan yang lain, senapang ataupun peralatan M16 dan sebagainya tidak begitu mahal sangat. Walaupun demikian, oleh kerana bilangannya yang begitu besar dan mereka tertumpu di daratan untuk mempertahankan negara kita, maka peruntukan itu banyak kita tumpukan sedikit, bukanlah atas oleh kerana perkara-perkara yang tidak ada pertimbangan, maka kelebihan dibagi kepada pihak tentera.

Ahli Yang Berhormat bagi Lumut juga menyentuh tentang peranan TLDM dalam pertahanan *maritime* terutama persisiran pantai yang panjang, kawasan zon eksklusif ekonomi yang luas, pelantar minyak, gas dan isu tuntutan bertindih di Spratly Island yang bakal menjadi *flash coin*. Dalam peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh, sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk memodenkan angkatan tentera laut. Tidak dapat dinafikan bahawa peranan TLDM semakin bertambah dengan tugas dan tanggungjawab mempertahankan kedaulatan tanah air dan sumber ekonomi dari laut atau *marine resource*.

Oleh itu, perolehan aset yang canggih telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sehingga ke Rancangan Malaysia Kelapan. Perolehan ini adalah secara berperingkat-peringkat dan memakan masa umpamanya tarikh siap sesebuah kapal adalah hampir empat tahun dari perbezaan yang dibangkitkan nampak kurang ketara beberapa pembangunan projek yang besar telah dibuat sebelum 1999. Peruntukan yang ada pada tahun 1999 dan 2000 adalah sama, sama ada pembangunan awal atau kontrak atau proses program untuk projek tersebut adalah berlangsung dengan baik.

Yang Berhormat bagi Jeli membangkitkan kebimbangan beliau mengenai dengan latihan dan exercise dengan negara-negara jiran seperti Singapura, Australia dan juga USA seperti yang saya sebutkan tadi samalah seperti apa yang saya jawab perkara ini dah kita putuskan dan kita hadkan kepada negara jiran kita khususnya Singapura, penerbangan di udara kita tanpa ada keizinan maka kita akan mengambil tindakan tegas kepada pihak-pihak yang menceroboh kepada kawasan dan boundary negara kita. Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pertahanan, beliau juga mempersoalkan tentang apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pertahanan dengan kerjasama Kementerian Luar bagi mengatasi masalah pencerobohan ruang udara seperti yang saya nyatakan tadi. Memang pihak Kementerian telah bekerjasama dengan pihak Kementerian Luar dan pihak negara jiran telahpun memperakui dan mempersetujui perkara ini.

Yang Berhormat bagi Jeli juga sama seperti yang disebutkan mengenai latihan-latihan bersama, memanglah latihan-latihan ini kita perlukan walaupun agak kebimbangan Yang Berhormat tadi terlepas rahsia ataupun terbocor rahsia tentang keselamatan negara kita. Kita yakin dalam perkara ini bukanlah semudah itu walaupun latihan contohnya diadakan di ruang udara ataupun di tempat darat negara kita, tidak bererti kita akan paparkan, dedahkan tentang kekuatan dan strategi position kita kepada negara-negara jiran. Yang penting kepada kita agar kerjasama yang ada dapat dikekalkan. Latihan ini diadakan di samping untuk supaya ada kemahiran di kalangan tentera. Di samping itu juga kita berharap agar ia menjadi satu form of diplomasi di mana kita akan dapat merapatkan hubungan di antara negara-negara jiran kerana kelak bila mana ada berlaku, kita tidak minta, tetapi kalau berlaku sesuatu perkara di rantau ini maka negara-negara jiran kita akan bekerjasama untuk mengatasi keadaan ini. Projek pengkalan berharga RM8 million

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bandau berdiri, Yang Berhormat.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Pengerusi dan kepada Timbalan Menteri. Saya hanya ingin meminta penjelasan dari segi latihan-latihan ini khusus latihan bagi pertahanan maritim dan di mana di bawah 040300 ini, RM6.9 juta diperuntukkan. Saya ingin meminta penjelasan, bolehkah pihak Kementerian mengadakan latihan-latihan khususnya bagi pasukan maritim ini dan di kawasan Sabah dan Sarawak supaya menempatkan tempat-tempat itu di mana bukan saja dia boleh mematahkan kepintaran para pasukan pertahanan negara kita tetapi khusus supaya memberi amaran kepada pendatang-pendatang asing ini. Ertinya, bolehkah pihak kementerian memikirkan mengadakan latihan berhampiran dengan landing points, dengan izin, beberapa tempat sebelah termasuk sebelah Pantai Timur di Semporna, Lahad Datu, di sebelah Kudat, di sebelah Beluran, Paitan, sungai-sungai Jambongan ini dikenali sebagai landing points daripada pelarian. Bolehkah itu dipertimbangkan oleh pihak Kementerian. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bandau yang mungkin beliau jarang berada dah lama tak berada di Barisan Nasional dulu, BN tetapi la-ni pembangkang, dia tak tahu sangat, contohnya kita dah ada dah. Latihan ini dah begitu kerap kita adakan di persempadan, di landing points di Lahad Datu pada dua tahun yang lalu dan latihan-latihan ini kerap diadakan di Tawau, di Lahad Datu dan di mana-mana tempat. Dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti juga forward base di kawasan saya sendiri iaitu di Semporna, walaupun dia kecil tetapi it's a small hold base maka dengan itu sudah pasti dapat mengambil lebih ramai lagi anggota dalam lingkungan 300, 400 orang dan akan lebih kerap lagi latihan dan juga dengan adanya contohnya Spangar Bay yang dalam pelaksanaan dan juga di Sarawak beberapa pengkalan tentera laut di dua pengkalan tentera laut akan dibina, latihan ini akan dapat ditambah, diperketatkan.

Mengenai dengan projek pengkalan yang berharga RM8 billion sebenarnya tidak ada projek sedemikian. Yang Berhormat bagi Jeli sebut tadi, saya pun kurang pasti apa yang beliau nyatakan, mungkin apa yang dimaksudkan oleh beliau ialah projek pembinaan kapal perang jenis PV sebanyak 27 buah dan itu menelan belanja sedikit mungkin dalam lingkungan berbillion ringgit.

Yang Berhormat bagi Batang Lupa juga bangkit tadi, saya terlupa mengenai dengan keperluan perumahan anggota ATM dan kementerian sentiasa prihatin ke atas keperluan perumahan bagi pegawai dan anggota ATM bagi setiap pembangunan kem pengkalan maritim dan udara, keperluan perumahan sentiasa diambil kira dan disediakan. Di samping itu, Kementerian juga mengambil langkah untuk membeli projek-projek perumahan yang telah siap dan juga membina kompleks perumahan yang baru terutamanya di kawasan bandar bagi mengatasi keperluan ini.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, sebanyak RM6,682 unit rumah yang melibatkan 53 projek telah dan sedang dilaksanakan dan sekiranya Kementerian mendapat peruntukan yang mencukupi di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, sejumlah 12,000 unit rumah lagi dirancang untuk dibina.

Ahli Yang Berhormat bagi, Jeli juga, dari Jeli membangkitkan tentang, saya dah jawab tadi mengenai dengan kerajaan membuat perolehan pesawat gempur buatan Russia yang berteknologi obsolete dan tidak mengikut spesifikasi yang telah dijanjikan dan beliau membangkitkan perkara ini, untuk makluman Yang Berhormat daripada Jeli, maklumat terperinci diperlukan untuk membolehkan persoalan beliau tidak begitu spesifik, siapakah penasihat kepada projek perolehan pesawat tersebut. Saya ada sedikit memerlukan terperinci sikit tentang perkara ini untuk membolehkan kemungkinan saya akan jawab secara bertulis kelak, ya.

Pesawat Caribou yang berteknologi usang juga beliau bangkitkan kini kurang selamat dan perlu diganti. Seperti yang saya sebutkan tadi, pihak kementerian dengan peruntukan yang ada dan bertambah, Insya Allah kita akan mengubah pesawat-pesawat yang sedia ada yang dah lama diguna pakai lebih daripada 30, 40 tahun bukan sahaja untuk menjaga keselamatan anggota tentera bahkan juga pertahanan negara kita. Beliau, Yang Berhormat dari jeli juga membangkitkan tentang sepuluh tahun kebelakangan ini ramai anak-anak muda kurang berminat memasuki ATM berbanding dahulu. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menarik lebih ramai lagi anak-anak muda untuk menyertai ATM. Peluang pekerjaan yang lebih baik dan menarik hasil kemajuan negara dalam bidang perindustrian dan perkilangan merupakan daya tarikan untuk pemuda-pemudi kita lebih berminat untuk menyertai sektor swasta. Penubuhan Kadet Bersatu Malaysia di sekolah-sekolah dan pasukan simpanan Pelapis di IPT adalah merupakan antara beberapa langkah yang akan diambil dan sedang diambil oleh pihak

kementerian untuk menarik minat lebih ramai lagi pemuda-pemuda kita untuk menceburkan diri dalam ketenteraan ini dan ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Datuk Pengerusi, terima kasih rakan saya, Timbalan Menteri. Tadi disebut tentang usaha-usaha yang dibuat oleh pihak Kementerian dalam menggalakkan penyertaan anak-anak muda ataupun belia dalam ATM. Tadi disebut soal PALAPES iaitu Pasukan Latihan Pegawai Simpanan yang digerakkan di peringkat kursusnya di peringkat pengajian tinggi, IPTA. Saya melihat bahawa keberkesanan dari sudut program PALAPES ini untuk menarik minat belia khususnya pelajar-pelajar ataupun mahasiswa ini untuk menyertai dalam ATM ini, peratusnya terlalu kecil, peratus kemasukan penyertaan mereka itu terlalu kecil sama ada penyertaan mereka secara terus ke dalam ATM atau ke dalam pasukan Wataniah dan sedangkan apa yang kita lihat bahawa latihan ataupun peruntukan kos peruntukan yang telah dikeluarkan oleh pihak kementerian untuk projek PALAPES ini begitu tinggi sehingga kita menyediakan kos yang begitu banyak, soal pakaian, soal makanan, soal elaun, latihan tahunan begitu juga penyediaan peluru-peluru untuk buat latihan dan sebagainya terlalu banyak sedangkan peratus penyertaan mereka itu terlalu kecil.

Oleh sebab itu apakah kerajaan tidak bercadang untuk nak review balik tentang program projek PALAPES ini supaya memastikan agenda untuk menarik minat golongan belia khususnya mahasiswa ini ke dalam ATM itu dapat dilaksanakan. Satu perkara lagi yang saya nak sebutkan di sini bahawa pada pandangan saya bahawa pada pandangan saya bahawa ada juga di antara punca yang menyebabkan kurangnya minat belia hari ini seperti disebut oleh Yang Berhormat tadi antaranya kerana tarikan pihak swasta yang memberikan pulangan yang agak lumayan, sebab itu saya kira bahawa sepatutnya seperti mana yang disarankan oleh rakan-rakan saya yang lain tadi bahawa perlu pihak kerajaan sekarang ini untuk memastikan pulangan yang lebih baik kepada pasukan tentera kita khususnya dari segi gaji, gaji pokok itu sendiri perlu dinaikkan.

Juga satu perkara lagi yang saya kira antara yang menyebabkan kurangnya minat belia kita menyertai ATM ini kerana ada setengah mereka melihat bahawa ATM ini masih lagi dalam *Western oriented* maknanya dalam orientasi Barat lagi,

budayanya, budaya-budaya pergaulan malah kita lihat pengharaman kepada penggunaan arak pun dalam majlis-majlis perayaan Hari Ulangtahun Angkatan Tentera baru dihapuskan saya kira dalam tahun 1998 dalam upacara sambutan yang ke-65 kalau tidak silap ingatan saya, kenyataan daripada Ketua Turus.

Maknanya saya hendak sebut bahawa sekian lama selepas daripada merdeka itu, Angkatan Tentera kita masih dikuasai oleh *Western oriented* yang menyebabkan anak-anak muda hari ini yang berlatar belakang ada pendidikan agama mereka merasakan bahawa agak terasing dengan budaya-budaya tersebut. Umpamanya, kadang-kadang kita tengok topi Tentera Laut masih lagi lebih kurang sama topinya dengan Tentera Laut British. Cuma yang bezanya kita hanya ada Allah, Muhammad itu sahaja tetapi dari sudut lain masih ada lagi persamaan. Jadi, tidakkah kerajaan ataupun pihak kementerian bercadang untuk menukar budaya ini dengan membawa budaya yang lebih original daripada Malaysia ini?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena ini biasalah perkara-perkara yang beliau bangkitkan kadang-kadang keutamaan itu tidak menjadi pertimbangan kepada beliau. Hari itu juga beliau bangkitkan, bila mana Yang Berhormat bagi Sungai Petani menjawab soalan matematik, sains dan agama. Mana yang lebih utama? Dia lupa bahawa sains dan matematik itu adalah sebahagian daripada ilmu [*baca sepotong ayat al-Quran*] itu sebahagian daripada ilmu yang diturunkan wahyu pertama ialah Subhanahu wataala kepada Rasulullah.

Keutamaan, ia tidak bererti bahawa bilamana agama itu diletak ketiga tidak bererti bahawa matematik, sains, agama tidak penting. Matematik dan sains juga penting, pakaian biasakan ia tidak bercanggah dengan hukumnya maka itulah yang penting sama ada kopiahnya melambangkan kopiah, pakai ketayap dalam ketenteraan, yang penting ialah pertahanan dari segi keutamaan kita. Kelengkapan dari segi jiwa, manusia, nilai hatinya, ada kesetiaan kepada negara kita, kepada bangsanya, ada lah menjadi keutamaan, perjuangan di kalangan bala tentera kita dan selepas itu melengkapkan mereka dengan peralatan yang termoden.

Apa yang saya sebutkan tadi, kita hendak permodenkan dan *credible force must be there* dengan izin, itu menjadi keutamaan kita. Memang agak mengambil masa untuk kita hendak alihkan satu budaya seperti juga Yang Berhormat kadang-kadang ada yang pakai baju melayu tetapi juga ada yang pakai kot. Itu sebahagian daripada budaya British dan tidaklah semua yang pakai ini. Begitu juga dengan

tentera kita dan kita hendak pakailah tetapi perkara-perkara ini saya rasa tidaklah begitu utama sangat.

Mengenai anak-anak tadi, saya lupa tadi, anak-anak sekolah ada PALAPES. Memang saya akui bahawa kita mempunyai rancangan dan kita ada perbincangan pada dua minggu yang lalu, bagaimana untuk kita supaya usaha ke arah mempertingkatkan lebih ramai anak-anak muda kita yang terlibat di peringkat IPTA dan di peringkat akar umbi supaya belia-belia dapat menceburkan diri dalam ketenteraan menerusi Wataniah dan juga PALAPES dan kelak bilamana mereka balik lepas time sekolah kita meminta supaya mereka juga akan dapat menceburkan diri, minat mereka dalam ketenteraan ini lepas daripada persekolahan bolehlah kita memasuki ketenteraan kerana mereka mempunyai kelebihan daripada rakyat yang biasa kerana mereka ada mempunyai latihan.

Tetapi malangnya bila kita anjurkan badan-badan ini, hampir keseluruhan, tidaklah seratus peratus tetapi sebilangan besar anak-anak muda-mudi kita bilamana kita latih di peringkat PALAPES lepas itu, lepas dari sekolah mereka tidak berhubungkait dan tidak mengamalkan lagi dan ini sebahagian daripada perkara yang kita sudah kenal pasti dan insya-Allah sedikit masa lagi kita akan menghala ke arah itu untuk memperkukuhkan agar kelangsungan, minat mereka dalam perkhidmatan ini dapat ditambah.

Yang Berhormat bagi Sri Gading juga menyebut mengenai dengan kenaikan gaji pegawai ATM. Kajian mengenai kenaikan gaji seperti yang saya sebutkan dalam pertimbangan pihak atasan kita dan beberapa perkara sudah pun disetujui oleh Yang Amat Berhormat dan insya-Allah Yang Berhormat Menteri akan sedikit masa lagi mengumumkan perkara ini.

Pemberian pencen penuh bagi yang telah tamat perkhidmatan 22 tahun dan separuh gaji sebagai pencen bagi tentera yang berkhidmat selama 15 tahun. Beliau juga bangkitkan dan namun demikian cadangan Yang Berhormat mengenai perkara ini kita boleh ambil perhatian oleh kerana ini adalah sebahagian amalan yang sudah dilaksanakan, insya-Allah, untuk menentukan ada perkhidmatan ini hendak memberi keselesaan kepada bala tentera kita, insya-Allah, kita akan mengambil perhatian cadangan Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Yang Berhormat bagi Sri Gading juga membangkitkan tentang penyerahan perkhidmatan peralatan Hospital Angkatan Tentera Kinrara, di tempat kita. Bagi

tujuan ini, Kementerian Pertahanan ada rancangan untuk membina hospital Angkatan Tentera yang baru di atas tanah seluas 30 ekar di Kem Genting Kelang, Kuala Lumpur sedikit masa lagi dan hospital berhampiran kerana lokasi hospital di Kinrara adalah tidak sesuai dan agak tidak mudah bagi masyarakat untuk mendapat perkhidmatan pada peringkat ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading juga membangkitkan tentang masalah rangsum bagi tentera sebanyak RM2.10 adalah tidak munasabah dan perlu ditambah atau ditingkatkan. Perkara ini seperti yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat Menteri sedikit masa lagi akan memperjelaskan dan mengumumkan perubahan-perubahan tentang perkara ini. Sememangnya kementerian amat prihatin tentang elaun-elaun sampingan ini mendapat perhatian yang amat berat dari pihak kerajaan dan kita telah mengemukakan beberapa perubahan sebanyak lebih daripada 44 bentuk elaun termasuklah rangsum ini untuk mendapat kelulusan daripada kerajaan.

Yang Berhormat bagi Pendang akhirnya telah membangkitkan tentang pembelian peralatan perang. Tentera Udara perlu ketuluan untuk mengelakkan berlakunya masalah terbengkalai dan kerugian yang telah berlaku mengikut beliau dan soalan beliau apakah tindakan kementerian dalam perkara ini. Kementerian Pertahanan dari masa ke semasa akan membuat kajian terperinci terhadap projek-projek perolehan yang mengalami kegagalan demi untuk mengatasi segala kelemahan yang wujud.

Di samping itu, langkah telah diambil untuk meningkatkan tahap profesionalisme pegawai ATM dan pegawai awam dan sememangnya adalah menjadi keutamaan kita sebelum kita membeli peralatan, kita akan meneliti terlebih dahulu tentang keperluan-keperluan dan keutamaan kita. Kalau kita dapati bahawa ada lah lebih baik untuk kita membeli pesawat daripada Indonesia berbanding dengan Perancis maka kita akan beli. Itulah sebahagian daripada contoh yang saya sudah sebut di peringkat awal tadi.

Beliau juga membangkitkan tentang pembelian jet-jet buatan Amerika Syarikat yang tersadai dan tidak dapat digunakan oleh TUDM. Perkara ini saya akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat bagi Pendang.

Dan beliau juga akhirnya membangkitkan tentang mengenai dengan dasar. Beliau telah bangkitkan peruntukan yang diperlukan sebanyak RM250 juta dalam rancangan belanjawan pada kali ini. Sememangnya jumlah sedemikian besar adalah

diperlukan kerana kita membuat kajian yang terperinci untuk membuat sedikit pendekatan baru dalam dasar pertahanan negara kita. Maka dengan itu sedikit masa lagi kita akan menyatakan tentang apakah kerana keadaan sekarang ini sudah berubah. Keadaan sistem penggunaan peralatan yang begitu moden, peperangan yang semakin tidak sama seperti dahulu maka dasar-dasar pertahanan negara juga harus selari dalam konteks yang sama untuk membolehkan agar pertahanan negara kita akan dapat kita kekalkan.

Sekali lagi ...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sedikit berhubung dengan dasar ini. Kalau boleh saya ingin mencadangkan untuk menarik belia-belia ini terutamanya tidak kiralah belia atau beliawanis, kalau boleh kita perkenalkan national service tetapi tidak sebagaimana yang berlaku di negara lain contohnya di Singapura. Mungkin dalam tempoh tiga bulan kita bagi latihan. Apabila sampai peringkat umur yang tertentu dan ini kita boleh pupuk semangat cintakan negara. Dalam tempoh tiga bulan mungkin cukup enam bulan kita kenakan national service ke atas warganegara yang setelah kita pastikan peringkat umur sesuatu warganegara kita. Dan ini mungkin boleh membantu menyedar, memberi kesedaran terutama untuk menarik lebih ramai lagi para belia kita golongan muda untuk menyertai angkatan tentera. Selain daripada menyediakan kemudahan-kemudahan, mengambil berat permasalahan yang dihadapi oleh angkatan tentera kita pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Yang Berhormat. Mengenai dengan usaha untuk mengadakan national service memang kerajaan tidak lagi berhasrat untuk melaksanakan perkara itu, walaupun demikian kita masih membuat pendekatan untuk lebih adanya kesukarelaan di kalangan rakyat negara ini untuk menceburkan diri. Konsep itu memang ada tetapi bukanlah atas landasan national service seperti di negara jiran kita tetapi dalam konteks seperti yang saya sebutkan PALAPES, Wataniah, memang itu ada di kalangan generasi yang mendatang. Itu yang menjadi harapan kita pelapis bagi generasi muda di peringkat sekolah, di peringkat tempat-tempat belia-belia. Tetapi di peringkat akar umbi Wataniah juga adalah menjadi sasaran yang begitu luas kerana ini melibatkan mungkin persatuan belia-belia di peringkat kampung, di peringkat daerah, begitu juga di peringkat JKK, ini perlu bagi kita untuk meramaikan lebih ramai lagi dan

menyedarkan rakyat betapa pentingnya semangat dan nilai di kalangan rakyat ini harus tertanam di jiwa mereka. Pertahanan negara ini amat penting kepada keselamatan dan generasi mendatang kita. Dan saya berharap perkara ini akan dapat perhatian daripada masyarakat di peringkat semua lapisan.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang bersabit dengan Kementerian Pertahanan dan sekiranya ada perkara-perkara yang tidak sempat saya bangkitkan termasuklah dari Ahli Yang Berhormat bagi Mambong tadi beliau telah membuat beberapa cadangan dan, insya-Allah, saya akan mengambil perhatian tentang cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong dan rakan-rakan yang lain. Dan sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan-cadangan yang bernas seperti yang telah saya kupaskan sebentar tadi. Insya-Allah, kita akan mengambil perhatian. Sekian. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Waalaikumsalam.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,919,977,400 untuk Maksud B.25; di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sejumlah RM3,919,977,400 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,121,625,490 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM2,121,625,490 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

**Maksud B.26 dan B.27 [Jadual]-
Maksud P.26 dan P.27 [Anggaran Pembangunan 2000]-**

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepala Bekalan B.26 dan B.27 dan Kepala Pembangunan P.26 dan P.27 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Sungai Benut.

4.15 ptg.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk menyentuh perkara B.26 iaitu Kementerian Pendidikan berhubung dengan Butiran 14000 iaitu Teknologi Pendidikan.

Kementerian Pendidikan mengatakan baru-baru ini ia dapat menjimatkan sehingga RM4.6 juta setahun apabila menyiarkan TV Pendidikan yang dimulakan pada tahun 1965 iaitu menerusi stesen televisyen digital Astro berbanding dengan TV2. Ini kerana stesen swasta berkenaan hanya mengenakan bayaran sewa sebanyak lebih kurang RM400 ribu setahun iaitu pada tahun keempat pelaksanaan TV Pendidikan berkenaan berbanding dengan RM5 juta setahun yang digunakan sewaktu TV2. Jadi saya mempunyai beberapa pandangan mengenai perkara ini iaitu apabila Astro mengambil alih penyiaran TV Pendidikan jadi terdapat beberapa kesar:

- (i) sekolah atau pelajar-pelajar sekolah terpaksa membayar kelengkapan untuk penyiaran Astro tersebut
- (ii) ketika ini tidak ada bentuk kawalan terhadap penggunaan Astro yang di dalam menyiarkan program pendidikan tersebut. Jadi saya ingin tahu apakah bentuk-bentuk kawalan yang telah dikenakan oleh pihak kementerian kepada Astro berhubung dengan program-program yang disiarkan melalui TV Pendidikan;
- (iii) kita tidak dijelaskan bagaimanakah Kementerian Pendidikan dan Astro merancang untuk bahan-bahan yang baru yang untuk disalurkan di dalam program-program TV Pendidikan; dan
- (iv) tidak adakah cara lain yang lebih murah yang tidak membebankan sekolah dan pelajar di dalam menerima program TV Pendidikan yang mana program TV Pendidikan ini benar-

benar salah satu program yang sepatutnya dapat diterima oleh seluruh murid-murid ataupun anak-anak yang mengikuti bidang pendidikan.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingin timbulkan soalan ini bukan kerana kekecohan mengenai dengan siaran Astro akhir-akhir ini sebaliknya apa yang saya perhatikan ialah Kementerian Pendidikan nampaknya lebih menekankan soal siaran semata-mata tetapi tidak berhubung dengan soal bekalan bahan iaitu bahan yang akan disiarkan melalui program TV Pendidikan. Apakah dalam konteks ini Astro juga diberikan hak menerbitkan program-program yang berhubung dengan pendidikan.

Jadi, Tuan Pengerusi, kegagalan Astro untuk menyiarkan program yang bersifat local flavour, dengan izin, sudah kita ketahui. Malah jabatan beritanya juga turut ditutup kerana dikatakan tidak sesuai dengan suasana budaya Malaysia. Malah saya diberitahu bahawa kakitangan jabatan ini juga kemudian terpaksa bertugas di stesen TV tempatan yang lain, masih lagi terbawa-bawa dengan sikap mat saleh, sikap Barat, jadi mereka ini terpaksa diberhentikan kerana mempunyai kepentingan luaran. Jadi saya harap Kementerian Pendidikan dapat mengkaji pelaksanaan yang lebih berkesan berhubung dengan apa yang saya katakan.

Jadi, sebenarnya jika Kementerian Pendidikan dan TV2 bijak mencari duit untuk menampung kos TV Pendidikan, Kementerian Pendidikan tidak perlu membayar sehingga lebih kurang RM5 juta setahun. Malah ia mungkin lebih murah daripada RM400 ribu setahun yang terpaksa dibayar kepada Astro. Jadi, ini kita boleh bincangkan secara terperinci. Selain itu, Kementerian Pendidikan seharusnya berhati-hati mengenai bahan dan cara penyampaian melalui TV Pendidikan kerana ia akan menentukan budaya dan pemikiran generasi kita pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh berhubung dengan dasar baru iaitu Kolej Komuniti, mengikut Butiran 330000 iaitu Dasar Baru. Sejak pengumuman Menteri Kewangan berhubung dengan penubuhan Kolej Komuniti ini saya masih belum lagi mendengar dasar yang konkrit berhubung dengan penubuhan Kolej Komuniti oleh pihak Kementerian Pendidikan. Malah dasar baru yang dianggap akan memberi lebih faedah kepada lepasan SPM ini nampaknya masih kabur dan tidak pasti bila ia boleh dimulakan. Jadi, Kolej Komuniti ini penting kerana ia akan membuka peluang, atau peluang kedua (second chance) kepada lepasan SPM yang

mana saya juga ingin tahu mengikut kajian daripada Kementerian Pendidikan berapa ramaikah di kalangan murid-murid yang mana mereka ini tidak dapat peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka di IPT dan juga di IPTS ataupun tempat-tempat yang lain selepas mereka mengambil peperiksaan SPM. Terutamanya bagi penduduk kawasan luar bandar yang mana peluang mereka agak terbatas.

Tuan Pengerusi, perkara ini sudahpun dibuktikan di Johor iaitu apabila usaha untuk mempertingkatkan kualiti hidup, kualiti kehidupan belia dan juga golongan muda melalui pendidikan yang dilaksanakan melalui Kolej-kolej Komuniti yang ditubuhkan di negeri Johor dan begitu juga Kolej Islam Johor. Jadi, saya ingin memberikan contoh sebagaimana Komuniti Yayasan Sabah iaitu sejak 10 tahun yang lalu dapat menampung permintaan pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang semakin meningkat pada hari ini. Saya ingin menekankan perkara ini kerana bimbang kepada peluang pendidikan yang semakin terhakis kerana terdapat halangan-halangan berhubung dengan yuran dan juga pertandingan yang semakin sengit dan akan menjauhkan belia kita daripada sistem pendidikan yang ada pada hari ini.

Tuan Pengerusi, pengangguran dan perasaan terhimpit akibat daripada peluang yang semakin sempit akan menyebabkan banyak kerugian kepada kerajaan dan negara. Ini termasuklah perasaan semakin hambar terhadap pemerintah dan parti yang memerintah pada hari ini, mudah terpengaruh dengan pujukan anti dasar kerajaan, jenayah dan banyak lagi perkara. Jadi, bagi saya Kolej Komuniti adalah satu institusi persediaan kepada kebijaksanaan dan juga kewarasan dan kepimpinan masa hadapan kerana kolej ini tidaklah terlalu besar untuk ditadbirkan dan perlulah ditentukan hala tujunya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan juga berhubung dengan masalah yang dihadapinya terutama di kalangan anak-anak kampung yang mana kalau kita hendak kira hari ini kita katakan bahawa sekolah asrama penuh – memang asrama sudah penuh, tidak ada tempat, jadi saya harap supaya dapat diperbanyakkan lagi pembangunan sekolah-sekolah asrama penuh kerana kita dapati hari ini banyak mereka yang berjaya adalah datang daripada sekolah asrama penuh yang tersusun dan saya juga ingin mencadangkan supaya kemudahan sekolah asrama penuh ini dapat diadakan di tiap-tiap satu kawasan Parlimen, satu sekolah asrama penuh. Kerana hari ini, disebabkan oleh kesibukan keluarga, sudah tentu banyak masalah keluarga yang mana kalau kita dapati kadang-kadang terdapat anak-anak yang mana tidak dapat

peluang berdamping rapat dengan keluarga dan mereka ini mempunyai masalah dengan ibubapa mereka dan mereka ini mengambil jalan pintas dengan melakukan perkara-perkara yang tidak baik.

Saya berharap supaya mereka ini dapat diberikan peluang menduduki asrama-asrama kerana ini adalah menjadi tugas kerajaan untuk mengambil mereka yang tercicir ini dan dimasukkan ke asrama untuk diberikan gerak tumpu khas untuk membangunkan lagi sistem pendidikan mereka. Jadi, Tuan Pengerusi, itu sahaja yang saya ingin katakan. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bandau.

4.25 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberi bagi pihak kita, memberi pandangan kepada perkara-perkara di bawah Kementerian Pendidikan, B.26 dan P.26, saya tumpukan khusus kepada perkara ini, Tuan Pengerusi, yang mana diperuntukkan RM14.79 bilion bagi tahun 2000.

Tuan Pengerusi, pertama saya ingin tujukan terus kepada Butiran 020000 iaitu Pendidikan Prasekolah Rendah dan Menengah, yang mana diperuntukkan sejumlah RM7.5 bilion bagi tahun 2000 ini. Dan di bawah kepala seterusnya khusus iaitu Butiran 020100 – Pengurusan Pendidikan Prasekolah Rendah dan Menengah yang diperuntukkan sejumlah RM70.07 juta.

Tuan Pengerusi, saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian daripada usaha untuk membekal pendidikan khusus di peringkat prasekolah yang mana di Butiran 020200 - Pendidikan Prasekolah ini diperuntukkan bagi tahun ini sejumlah RM25.08 juta. Saya ingin bertanya, berapakah jumlah sebenarnya sekolah prasekolah yang dikendalikan di bawah pihak kementerian? Pihak kita ingin mengetahui ini dan bagi tahun ini, berapa jumlahkah sekolah baru? Adakah sebenarnya juga peruntukan yang ditentukan ini untuk pendidikan prasekolah sekadar untuk soal pengurusan sekolah-sekolah tertentu ataupun juga sebahagian terlibat untuk pembinaan sekolah-sekolah prasekolah ini.

Pihak kita sedia maklum banyak sekolah swasta dan juga sekolah-sekolah prasekolah anjuran agensi kerajaan tetapi di bawah pengawasan Jabatan Pendidikan. Tetapi dalam soal di bawah 020200 ini, pihak kita juga ingin mengetahui berapa jumlah sekolah, prasekolah yang dibina di kawasan luar bandar, sebab ini sangat

penting sekali. Beberapa tempat-tempat di pedalaman mahupun di Sabah, di Sarawak dan juga negeri-negeri lain di Semenanjung yang masih terpencil, anak-anak sekolah kita mempunyai masalah besar untuk mendapatkan pendidikan mahupun di peringkat sekolah rendah. Tetapi kita berpendapat kalau kerajaan tidak boleh membekalkan sekolah di peringkat sekolah rendah di beberapa tempat yang berjauhan itu kita boleh merayulah, kita merayu supaya sekurang-kurangnya pendidikan prasekolah itu dibekalkan kerana kosnya begitu rendah daripada kos sekolah rendah. Jadi, akhirnya tempat-tempat kampung yang terpencil ini sekurang-kurangnya pandai mengeja namanya, nama bapanya dan boleh sign namanya walaupun akhirnya tidak berkesempatan untuk pindah ke tempat di mana ada sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Saya rasa amat penting kerana masih banyak rakyat kita di Sabah, Sarawak dan bahkan di sebahagian negeri di Semenanjung yang mahu tulis nama pun amat sukar sekali.

Jadi, saya ingin memohon butiran-butiran seperti mana yang disentuhkan tadi. Satu lagi saya ingin teruskan dalam masa yang singkat Tuan Pengerusi, Butiran di bawah Maksud B.26 iaitu 070000 – Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Di mana diperuntukkan bagi tahun ini pertama kali sejumlah RM9.3 juta.

Kita sedia maklum Tuan Pengerusi, beberapa masalah yang dihadapi oleh Lembaga Akreditasi Negara dan sungutan-sungutan pusat-pusat pendidikan di peringkat swasta khususnya, ialah di mana begitu lewat sekali untuk mendapat laporan dan kelulusan, diploma-diploma dan degree-degree yang dipohon untuk kelulusan dan kita sedia maklum ulasan ialah staff itu tidak mencukupi dan seterusnya pada masa yang sama juga para professor yang dilantik untuk menjadi konsultan mengulas permohonan-permohonan diploma semuanya itu begitu lewat sekali untuk menyempurnakan komen-komen mereka.

Jadi, Tuan Pengerusi, ini sangat penting sekali. Pada masa yang sama kerajaan mengamalkan pendidikan di peringkat tertinggi melalui peranan pihak swasta dan pada masa yang sama pula banyak institusi yang masih tertunggu-tunggu laporan daripada pihak LAN dan oleh kerana laporan atas permohonan kelulusan diploma ataupun degree yang mereka pohon itu lewat diberi, maka pembaharuan lesen institusi tersebut juga tergendala.

Jadi, saya memohonlah pihak kementerian, apakah tindakan-tindakan yang baru yang telah dilakukan untuk memendekkan masa untuk mendapatkan kelulusan

permohonan diploma dan degree yang diserahkan kepada Lembaga Akreditasi Negara.

Pada masa yang sama Tuan Pengerusi, peruntukan diberi seperti yang dikatakan tadi RM9.3 juta ini, saya ingin bertanya ini patutlah untuk pentadbiran tetapi bagaimana dengan yuran-yuran yang dikutip oleh Lembaga daripada semua permohonan yang memang ada caj tertentu, lain caj untuk diploma, lain caj untuk degree. Bagaimana dengan kutipan wang tersebut, adakah itu diserahkan kepada kerajaan atau digunakan oleh Lembaga sendiri dan kalau wang itu digunakan oleh Lembaga sendiri, mengapa pula perlu ada peruntukan daripada pihak kerajaan di bawah Butiran 170000.

Tuan Pengerusi, pada masa yang sama sebagaimana Setiausaha Parlimen yang akan menjawab, saya difahamkan, beliau ini latar belakang akademik, tolonglah sekali lagi saya merayu kasi cepat itu ulasan-ulasan para professor-professor, kasi banyak professor, konsultan-konsultan diperlukan untuk mengulas supaya pendek masa dapat dicapai untuk meluluskan permohonan-permohonan kelulusan tersebut.

Pada masa yang sama juga saya merayu Tuan Pengerusi, supaya pihak kementerian menjaga dan mengawasi juga pakar rujuk ini kerana saya seperti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita dalam bidang akademik dahulu ada packing order juga dan kadang-kadang ulasan itu tidak 'ngam' sama pasukan – itu bahasa Sabahlah itu, bahasa baku, maka susah mahu lulus. I am asking, dengan izin, is objectivity dari segi pengulasan-pengulasan tertentu kerana ada packing order, saya juga pernah dahulu menjadi external examiner untuk Ph.D tesis dan mereka pilih examiner ini pun mesti yang dalam kumpulan-kumpulan tertentu. So, what I'am saying dengan izin, is objectivity kerana ada sungutan-sungutan di dalam perkara ini dan saya minta supaya pihak kementerian menjelaskan supaya there is transparency dengan izin, ketelusan.

Tuan Pengerusi, seterusnya di bawah Butiran 18000 iaitu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Saya cukup memuji kepada kerajaan walaupun kami di sebelah sini, daerah sebelah pembangkang, we give flowers where flowers are due, dengan izin. Setakat ini Tuan Pengerusi, beberapa perubahan telah dilakukan dalam satu tahun ini dari segi pinjaman para pelajar yang ditawarkan, seterusnya pelajar luar bandar dan ada perubahan di mana setelah sahaja mendapat offer ataupun tawaran daripada IPTA khususnya, mereka boleh datang kepada Pejabat

Pendidikan mendapatkan pendahuluan supaya mereka, pelajar ini dapat menyediakan diri, mahupun buku, baju, kasutkah untuk terbang dan tiket kapal terbang untuk berjalan menuju ke tempat mereka ditempatkan. Ini satu flexibility dengan izin, yang saya rasa amat diperlukan hanya kita sentuh di sini bahawa pendahuluan itu RM1,000 pada setakat ini amat tidak mencukupi bagi pelajar-pelajar dari Sabah dan Sarawak sebab tambang kapal terbang seperti saya sentuh kelmarin amat tinggi sekali. Satu kali jalan jaranglah di bawah RM400 walaupun terbang pukul 4.00 pagi.

Jadi, Tuan Pengerusi, di dalam perkara ini minta supaya pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional mempertimbangkan permohonan-permohonan para pelajar yang jauh khususnya di Sabah dan Sarawak supaya pendahuluan itu daripada tabung ini ditinggikan, dipertingkatkan untuk dapat merangkumi kos perjalanan mereka sebab ini sangat penting.

Saya sedia maklum dan kita sedia maklum banyak pelajar yang menerima tawaran dahulu sebelum pada tahun 1997, 1998 tidak dapat menerima walaupun dengan tangisan kerana hanya wang untuk pendahuluan pergi ke tempat pengajian yang ditawarkan itupun tidak mencukupi.

Jadi, saya memohon supaya ini dapat dipertimbangkan dan pada masa yang sama apabila mereka tiba ke tempat pengajian, tolong jangan kasi lewat, tolong percepatkan pengeluaran pinjaman seterusnya, khususnya kalau semua borang dan jaminan itu telah pun dikendalikan tidak ada sebab kenapa perbadanan harus lewat untuk mengeluarkan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, saya ada masa dua minit saya ingin kembali sedikit di bawah Butiran 020600 iaitu soal Asrama. Di mam RM405.5 juta diperuntukkan bagi tahun 2000. Dalam soal ini Tuan Pengerusi, sekali lagi kita merayu kepada pihak kerajaan supaya janganlah lupa sekolah-sekolah yang berasrama di luar bandar, harusnya keutamaan hendaklah diberi kepada sekolah-sekolah yang berasrama dan sekolah-sekolah yang belum mempunyai asrama harus dimasukkan di dalam butiran ataupun tumpuan peruntukan bagi tahun ini.

Saya ingin sentuh dua sekolah iaitu sekolah rendah yang mempunyai asrama
.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya gulungkan. SK Maraparak di kawasan Kota Marudu dan begitu juga iaitu SK Samparita. Dahulu saya pernah cakap SK Samparita. Dahulu ada sekolah dalam baru satu tahun SK Samparita ada makanan, dahulu itu budak sekolah kita bawa belanga sendiri, kadang-kadang pertengahan minggu pulang pergi cari beras.

Jadi, saya memohon supaya sekolah-sekolah terpencil seperti ini diberi perhatian dari segi bekalan makanan yang diperlukan dan juga pentadbiran senarai penggunaan makanan yang dibekal digunakan dengan betul menurut senarai yang diluluskan oleh pihak sekolah dan diakui oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Serdang.

4.39 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Sukacita saya menyentuh B.26 Butiran 240000 Universiti Putra Malaysia (UPM). Pihak kementerian telah meminta siasat terhadap tuduhan daripada Yang Berhormat bagi Pokok Sena berkaitan dengan dakwaan bahawa UPM kenakan caj meletak kenderaan terhadap kakitangan dan pelajarnya.

Tuduhan ini telah dilemparkan di dalam Dewan ini dan saya tidak tahu Yang Berhormat bagi Pokok Sena dari mana dapat maklumat ini dan mungkin maklumat ini telah mengelirukan Dewan yang mulia ini dan jadikan imej UPM terjejas kerana UPM terletak di kawasan saya, saya minat dan serius terhadap perkara ini tetapi saya lebih mengambil berat apa jadinya selepas siasatan daripada pihak kementerian terhadap tuduhan yang telah menjejaskan imej ini kerana saya juga akan membayar RM3 untuk mendapat pelekat (sticker) untuk memudahkan kakitangan atau pegawai keselamatan untuk mengetahui siapa datang ke kampus dalam UPM itu. Walau bagaimanapun, saya minta penjelasan siasatan terhadap apa jadinya terhadap tuduhan daripada Yang Berhormat Pokok Sena itu.

B.26 Butiran 330000 – Dasar Baru. Tuan Pengerusi, permasalahan konsep sekolah wawasan telah menimbulkan kekeliruan daripada pihak-pihak yang tertentu berkaitan dengan konsep ini. Sepanjang masa ini, konsep sekolah wawasan telah dilaksanakan oleh pihak kementerian tetapi bolehkah pihak kementerian untuk menghuraikan lebih jelas lagi terhadap konsep ini supaya tidak akan mengelirukan sesetengah pihak terhadap konsep ini kerana kurang jelas terhadap konsep ini

mungkin akan menimbulkan satu masalah kepada masyarakat kita di mana akan dipergunakan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mencaci atau membidas pihak kerajaan di mana konsep sekolah wawasan akan menghapuskan sekolah-sekolah aliran bahasa Cina yang tertentu. Maka dengan itu saya minta pihak kementerian supaya menjelaskan konsep ini lebih jelas lagi kepada Dewan ini supaya masalah ini akan dapat disebarikan untuk menghapuskan syak wasangka terhadap konsep ini.

Saya juga minta penjelasan daripada pihak kementerian berapa jumlah sekolah wawasan yang telah ditubuhkan, yang telah dibina di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Selepas pembinaan ini dan setelah berfungsi sekolah tersebut, apa reaksi ibu bapa terhadap konsep sekolah wawasan sepanjang masa ini.

Tuan Pengerusi, saya juga meminta macam mana cara untuk menentukan kawasan itu untuk menubuhkan konsep sekolah wawasan dan apakah prosedurnya untuk mengemukakan cadangan atau untuk membina sekolah wawasan di satu-satu tempat yang tertentu. Seperti di kawasan Puchong di mana kawasan ini merupakan satu kawasan yang berbilang bangsa, wujudnya sekolah Tamil, sekolah Cina dan sekolah kebangsaan. Tetapi terdapat sebuah sekolah Tamil ditepi Lebu Raya Damansara-Puchong yang berdekatan sangat. Sekolah Tamil ini telah terjejas oleh kerana bising dan juga kacau banyak daripada lebu raya itu dan saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya memindahkan sekolah Tamil itu yang berdekatan dengan lebu raya itu ke satu kawasan lain supaya dijadikan sekolah wawasan bersama-sama sekolah Cina dan sekolah kebangsaan di satu tapak seluas 15 ekar.

Tuan Pengerusi, cadangan itu telah disampaikan dan tidak ada jawapan. Oleh itu, saya minta penjelasan, kalau dapat rujukkan konsep ini dengan lebih jelas lagi, boleh dikemukakan masalah supaya kawasan Puchong dapat mewujudkan sekolah wawasan demi kepentingan berbilang bangsa di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, satu lagi B.26 – Butiran 01100 – Bantuan Modal. Tahun 2000 telah diperuntukkan sebanyak RM9.4 juta untuk bantuan modal. Saya menganggap peruntukan ini tidak mencukupi kerana bantuan modal untuk sekolah-sekolah yang berkenaan itu sentiasa meminta melalui wakil-wakil rakyat Barisan Nasional supaya memberi bantuan modal ini kepada sekolah untuk menambah bilik-bilik darjah atau kemudahan-kemudahan asas di sekolah tersebut.

Saya menyentuh Bantuan Modal ini dan saya juga mintalah penjelasan berapa jumlah sekolah rendah dalam negara kita ini digariskan sebagai sekolah bantuan modal yang penting untuk pendidikan, apa sebabnya pihak kementerian masih mengasingkan sekolah rendah ini sebagai sekolah bantuan modal dan bantuan penuh kerana sistem pendidikan di negara kita ini perlu diubah untuk menghadapi alaf baru.

Adakah pihak kementerian sedang mengkaji terhadap sistem bantuan modal dan bantuan penuh di negara kita ini supaya sekolah-sekolah tidak kira sekolah bantuan modal dan bantuan penuh ini sama-sama untuk memberi kemudahan pendidikan kepada anak-anak kita. Walaupun saya bersetuju bahawa sekolah bantuan modal juga dapat bantuan sepenuhnya dari kerajaan untuk bayaran gaji guru-guru, kakitangan dan kemudahan asas tetapi semasa membina bilik darjah tambahan untuk menampung murid-murid yang begitu ramai dalam sekolah-sekolah bantuan modal ini, maka pihak lembaga pengurus sekolah sedang menghadapi masalah kewangan.

Dasar kerajaan, dasar kementerian memang telah wujud bahawa kalau sekolah tersebut telah digariskan sebagai bantuan modal, maka dasarnya lembaga pengurus sekolah dapat kutipan RM100,000 maka Kementerian Pendidikan juga akan diberi RM100,000 tetapi dasar ini telah ubah, dan tidak dapat lagi untuk memberi bantuan mengikut dasar RM1 untuk RM1, apa sebabnya ini berbeza, apa sebabnya dasar ini tidak diteruskan.

Jadi, mintalah penjelasan yang lebih lanjut dan juga saya rasa penting dasarnya sama ada pihak kementerian akan mengkaji semula terhadap bantuan modal dan bantuan penuh ini supaya semua sekolah rendah dalam negara kita ini akan sama. Kalau tidak isu ini akan dijadikan bahan politik sepanjang masa ini yang digunakan oleh pihak yang tertentu dan pihak MCA sentiasa jadi sasaran di mana pihak MCA sebagai mewakili masyarakat Cina di negara kita ini, maka kita terpaksa bertanggungjawab untuk membentangkan masalah ini.

Tuan Pengerusi, oleh itu, bantuan modal dan bantuan penuh ini hendaklah juga disemak demi kepentingan pendidikan pada masa-masa yang akan datang. Saya mintalah penjelasan berkaitan dengan konsep atau dasar ini supaya dapatlah satu polisi yang akan dapat diterima oleh semua pihak. Apa yang saya tahu, bantuan modal hanya kerana tanah yang dimiliki oleh lembaga pengurus sekolah sahaja, tetapi tujuannya untuk memberi pendidikan kepada anak kita termasuklah anak-anak dari bangsa Melayu, termasuklah anak-anak daripada bangsa India.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dato' Yap Pian Hon: Jadi, saya mintalah demi kepentingan pendidikan, saya mintalah untuk mengkaji semula terhadap sekolah bantuan modal dan sekolah bantuan penuh demi kepentingan masa depan negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh.

4.49 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin merujuk kepada Butiran 25000 – Peruntukan kepada Universiti Teknologi Malaysia. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang penindasan terhadap hak mahasiswa yang telah semakin berleluasa kebelakangan ini. Semangat aktivism mahasiswa telah ditindas dan diancam oleh kuasa mutlak pihak pentadbir universiti dengan menggunakan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Peristiwa penindasan pelajar di universiti kebelakangan ini adalah seperti berikut:-

- (i) pemecatan terhadap Saudara Ahmad Zaki Zamani di Universiti Teknologi MARA kerana didakwa terlibat dalam perhimpunan haram pada bulan April 1999;
- (ii) Saudara Yong Kai Peng di UTM dihukum RM200 kerana menghantar memorandum mengenai keadilan dari segi kehakiman kepada Ketua Hakim Negara dalam Jun 1999;
- (iii) pilihan raya wakil kolej di UKM dibatalkan pada 10 Mac 2000;
- (iv) perdebatan agung di Universiti Malaya dalam bulan April 1999 di Universiti Malaya dibatalkan.
- (v) Ekspo kebudayaan Tionghua sempena Tahun Baru Cina di UTM dibatalkan dalam bulan Mac tahun ini.

Di antara contoh-contoh penindasan terhadap mahasiswa ini adalah jelas bahawa UTM merupakan universiti yang paling *oppressive* terhadap kebebasan mahasiswa. Memandangkan pendidikan universiti adalah untuk menghasilkan mahasiswa yang kritikal, kreatif, aktif, berjiwa besar dan prihatin terhadap isu-isu sosial dan negara, tindakan pihak pentadbir universiti

menggunakan kekerasan terhadap mereka yang aktif dan prihatin terhadap masyarakat, adalah perbuatan yang harus dikritik.

Tindakan hal ehwal pelajar UTM membatalkan projek Ekspo Kebudayaan Tionghua ke-8 pada saat-saat terakhir tanpa alasan kukuh adalah sungguh dikesali. Ekspo ini sebenarnya dapat meningkatkan interaksi dan dialog budaya yang amat bermakna di dalam kampus dan saya tahu Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Profesor Dr. Muhamad Zulkifli bin Tan Sri Mohd. Ghazali telah meluluskan projek ini empat bulan sebelumnya, tetapi seminggu sebelum tarikh sebenar ekspo diadakan, ahli jawatankuasa eskpo diberitahu bahawa ekspo itu perlu ditunda dan akhirnya dibatalkan di kampus.

Apa yang menakjubkan adalah pihak UTM bukan sahaja membatalkan ataupun menunda program tersebut dengan sewenang-wenangnya tetapi malah menghukum dan mengugut tiga exco majlis perwakilan mahasiswa UTM yang berani menyuarakan pendapat mereka. Adalah mujur bahawa kita sekarang mempunyai Menteri Pendidikan dan Setiausaha Parlimen yang mempunyai latar belakang akademik di universiti yang pernah mengajar di universiti, di kedua-dua universiti yang mana saya seorang pelajar. Setiausaha Parlimen merupakan bekas seorang pemimpin Kesatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya yang sangat vokal terhadap kebebasan dan manfaat kakitangan akademik yang sangat disanjung tinggi oleh para pelajar di Universiti Malaya.

Jadi, saya berharap kedua-dua mereka akan lebih prihatin dan mengambil berat terhadap masalah dan kebebasan yang tertekan yang dihadapi oleh para pelajar dan kakitangan akademik di universiti dan kolej tempatan sekarang. Sudah tibalah masanya bagi kerajaan untuk memansuhkan AUKU yang mencabuli hak dan kebebasan para pelajar dan juga demokrasi di kampus demi memastikan mahasiswa menikmati kebebasan bersuara, mengadakan aktiviti serta menggunakan kelengkapan universiti tanpa sebarang sekatan dan halangan. Selain itu, adalah penting untuk menghapuskan karenah birokrasi pada pihak pentadbiran universiti. Adalah dicadangkan bahawa Kementerian Pendidikan harus mengambil inisiatif untuk menubuhkan satu sistem pentadbiran kampus yang terdiri daripada pentadbir, ahli akademik dan wakil mahasiswa di setiap universiti untuk menyekat penyalahgunaan

kuasa pihak pentadbir di samping meluaskan ruang aktiviti dan kebebasan akademik di universiti tempatan.

Selain itu, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 01800 - Bahagian Teknologi Pendidikan Saya difahamkan daripada laporan akhbar bahawa Kementerian Pendidikan ingin mengurniakan hak penyiaran TV Pendidikan daripada RTM kepada Astro TV dan Kementerian Pendidikan juga akan memperuntukkan RM7.7 million dalam fasa pertama. Kementerian Pendidikan juga dikatakan akan menanggung kos installation dan bayaran bulanan diskaun sebanyak RM50 yang dikenakan terhadap setiap sekolah. Tindakan dan peruntukan tersebut mendatangkan beberapa soalan yang banyak ditanyakan oleh para guru dan ibu bapa. Sebelum kerajaan membuat keputusan untuk meminda hak penyiaran program pendidikan ke Astro, program tersebut boleh ditonton secara percuma oleh semua orang di semua tempat tetapi setelah ia dipindah ke Astro, maka hanya segelintir ataupun mereka yang eksklusif dapat menonton program pendidikan tersebut. Ini adalah amat tidak sesuai bagi pelajar miskin yang duduk di luar bandar. Setahu kami program pendidikan TV adalah dibuat oleh Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) dengan menggunakan format analog yang sesuai untuk disiarkan di RTM tetapi penyiaran Astro memerlukan program yang dibuat dalam format digital. Memandangkan pemindahan program pendidikan ke Astro memang melibatkan kos untuk menghasilkan program TV digital juga, bukankah ini menunjukkan bahawa pengurniaan program pendidikan kepada Astro TV adalah tidak wajar kerana ia melibatkan kos yang tinggi. Kementerian Pendidikan mestilah mengkaji sebab-sebab program pendidikan TV menjadi tidak popular di kalangan guru dan pelajar sebelum mengadakan polisi untuk memindah penyiaran program pendidikan TV ke Astro.

- (i) masa penyiaran dan juga tahap pengajaran adalah tidak sejajar dengan apa yang dipelajari oleh murid-murid pada masa itu;
- (ii) banyak program dipersembahkan dengan cara yang membosankan pelajar;
- (iii) banyak sekolah terutamanya sekolah di luar bandar menghadapi ketidakcukupan peti televisyen di mana banyak sekolah hanya mempunyai satu ataupun dua set TV sahaja.

Jadi, priority Kementerian Pendidikan sebenarnya adalah untuk menambah peruntukan bagi sekolah-sekolah di seluruh negeri untuk membeli lebih set televisyen

dan bukan menghendaki sekolah-sekolah ini untuk membayar lebih untuk menonton program pendidikan melalui Astro TV.

Selain itu, salah satu cara yang baik bagi Kementerian Pendidikan untuk mengeluarkan program yang menarik minat pelajar ialah memberi penekanan dalam pengeluaran video dan VCD yang berunsur pendidikan dan bukannya pada program TV sahaja. Dengan itu, para guru juga boleh menggunakan kesemua bahan pengajaran IT ini pada waktu mereka fikir paling sesuai. Ini bukan sahaja dapat menjimatkan kos penyiaran tetapi ia juga akan mencapai kesan yang paling efektif dari segi menggunakan IT untuk pendidikan.

Akhirnya, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan, apakah sebab utama yang menyebabkan Kementerian Pendidikan untuk memindah program pendidikan TV daripada RTM ke Astro. Apakah ini suatu langkah bail out untuk Astro yang tengah mengalami kerugian yang besar sekarang. Bukankah lebih wajar bagi Kementerian Pendidikan untuk menggunakan wangnya untuk memperbaiki perengkapan di banyak sekolah dan membina lebih sekolah rendah khususnya sekolah rendah Cina yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum Pilihanraya Umum.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pendang.

4.58 ptg.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa butiran di dalam Maksud Bekalan 26. Yang pertama di bawah Butiran 090000 - Pendidikan Islam dan Moral. Saya ingin menarik perhatian tentang langkah Kementerian Pendidikan yang cuba dan telah pun mempengaruhi Universiti Al-Azhar untuk menarik balik pengiktirafan yang dibuat oleh Universiti Al-Azhar kepada sijil-sijil menengah yang dikeluarkan oleh sekolah-sekolah agama di seluruh negara bagi memasuki Tahun Pertama Universiti Al-Azhar.

Ini satu langkah yang sangat tidak wajar kerana ia telah menyekat pertumbuhan sekolah-sekolah agama dan membantut semangat kerja dan semangat pelajar-pelajar untuk lebih berminat di dalam melanjutkan pengajian di bidang Islam. Ini telah berlaku dan kita telah difahamkan bahawa kementerian telah mempengaruhi dan campur tangan dalam urusan Universiti Al-Azhar dan dikatakan mulai tahun 2001 semua sijil yang dikeluarkan oleh sekolah-sekolah agama rakyat dan juga oleh

sekolah-sekolah agama kerajaan-kerajaan negeri akan dibatalkan pengiktirafannya dan kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan hanya menghendaki supaya Al-Azhar memberi pengiktirafan kepada sijil yang dikeluarkan oleh kementerian sahaja iaitu dipanggil Sijil Tinggi Agama Islam (STAM) yang sehingga hari ini belum lagi dikeluarkan.

Ini saya rasa satu sikap yang sangat tidak wajar kerana pertama, kerajaan-kerajaan negeri atau majlis-majlis agama Islam negeri yang bertanggungjawab ke atas sekolah-sekolah agama rakyat ini tidak diambil persetujuan mereka untuk langkah-langkah begitu. Kerana itu terdapat, umpamanya, Majlis Agama Islam Negeri Kedah telah menghantar wakil mereka untuk menemui pihak berkuasa Al-Azhar dan mereka telah mendapat maklumat itu bahawa atas permintaan Kerajaan Malaysia bagi membatalkan semua pengiktirafan yang telah dibuat sejak begitu lama. Bahkan, saya ingin menyebutkan Tuan Pengerusi, Maktab Mahmud di Kedah umpamanya, telah mendapat pengiktirafan Al-Azhar sebelum adanya Kementerian Pendidikan dan sebelum adanya Kementerian Pelajaran di negara kita. Al-Azhar telah pun memberikan pengiktirafan kepada sijil menengah Maktab Mahmud ini di awal tahun 50-an lagi dan terbukti pelajar-pelajarnya begitu berjaya sekali di dalam pengajian mereka di Al-Azhar dan mereka telah berpuluh-puluh tahun pulang ke negara kita dan menjalankan tugas dan tanggungjawab mengenai dengan Islam di negara kita, memberi sumbangan kepada negara kita.

Begitu juga mengenai dengan Maktab Muhammadi di Kelantan dan Zainal Abidin di Terengganu yang semuanya akan terlibat dengan pemansuhan atau pembatalan pengiktirafan Azahar atas langkah yang di buat oleh Kementerian Pendidikan. Jadi saya harap kementerian akan mengkaji semula dan kalau kerajaan tidak mengkaji semula dan tidak menimbang semula untuk membenarkan Azahar atau meminta Azahar mengekalkan semula pengiktirafan ini, kita boleh menganggap ini adalah satu langkah yang dibuat secara halus untuk membunuh perkembangan pusat-pusat pengajian Islam di peringkat menengah.

Kita harus tahu bahawa satu pesanan Rasulullah (S.A.W) Nabi Muhammad mengatakan bahawa "*Jika kamu tidak dapat berbuat baik, jangan kamu berbuat jahat*". Jadi ini satu langkah yang cuba untuk menghalang perkembangan pendidikan Islam di peringkat menengah yang diterajui oleh rakyat jelata di negara kita ini.

Di bawah Butiran 260000 - Universiti Utara Malaysia. Saya ingin menarik perhatian tentang akta universiti dan disiplin para pelajar. Apakah denda, hukuman yang dikenakan ke atas seseorang pelajar yang dianggap melanggar akta universiti itu satu hukuman yang diselaraskan antara semua universiti ataupun hukuman yang mengikut budi bicara universiti berkenaan.

Tadi disebutkan oleh wakil dari Seputeh mengenai dengan pelajar yang dilibatkan dengan satu tuduhan dan hukuman di kampus Universiti Teknologi Malaysia, baru-baru ini pula berlaku di Universiti Utara Malaysia, di mana seorang pelajar telah dijatuhkan hukuman oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar universiti itu dengan menggantung pengajiannya selama tiga semester sedangkan pelajar itu sudah berada di semester yang akhir dan akan memasuki peperiksaan akhir dalam beberapa hari sahaja lagi kerana atas tuduhan bahawa dalam satu ceramah yang dibuat, penceramah dari luar yang diundang seorang yang kontroversi mengenai dengan Islam yang mengeluarkan pendapat-pendapat yang berlawanan dengan prinsip-prinsip Islam dan saya mempunyai catatan tentang ucapan penceramah itu, dia seorang penceramah, seorang wartawan dari sebuah akhbar harian di Malaysia yang dijemput untuk memberi ceramah dan bercakap mengenai Islam dan menimbulkan pandangan-pandangan yang kontroversi yang tidak dapat diterima oleh para pelajar dan apabila pelajar yang berkenaan membuat soalan dan soalan yang disoal itu tidak dapat dijawab dengan tepat oleh penceramah itu, maka dia telah mengambil kesempatan untuk menulis dalam ruangnya dalam akhbar *Utusan Malaysia* untuk menghentam universiti itu dan akibat daripada itu pelajar yang berkenaan disalahkan kerana dianggap dialah menjadi punca kepada tulisan itu yang bagi mereka menganggap ianya telah menjejaskan nama universiti.

Jadi apakah kebebasan untuk menyoal, mengeluarkan pendapat pun sudah tidak ada lagi, sudah dinafikan bagi pelajar-pelajar universiti, apa hendak jadi pelajar-pelajar universiti kita kalau kebebasan itu pun tidak boleh diberi jaminan. Jadi inilah kita harap Kementerian Pendidikan yang menterinya bekas seorang Naib Canselor, Setiausaha Parlimennya bekas seorang ahli akademik, pemimpin persatuan akademik yang begitu lantang dahulunya menentang pengkorporatan universiti dan sebagainya, sepatutnya peka dalam hal ini dan sepatutnya ambil tahu.

Ini satu perzaliman, saya fikir satu tindakan yang zalim yang dilakukan ke atas seorang pelajar yang hanya menunggu hari untuk mengambil peperiksaan akhir

tetapi digantung pengajian selama tiga semester dan saya kenal latar belakang Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia ini seorang yang fanatik UMNO dan memang saya fikir tindakan itu lebih berbau politik daripada ianya merupakan satu tindakan untuk melaksanakan peraturan-peraturan yang bersendikan kepada keadilan. Jadi saya harap kementerian akan mengambil perhatian yang serius mengenai dengan isu ini.

Begitu juga di bawah Butiran 270000 - Universiti Islam Antarabangsa, yang peruntukan pada tahun ini didapati agak sedikit berkurangan daripada tahun 1999. Isu mengenai dengan Universiti Islam Antarabangsa ini ialah mengenai dengan Jabatan Pendidikan. Saya difahamkan sebelum ini Jabatan Pendidikan akan dinaikkan taraf menjadi Fakulti Pendidikan tetapi telah diturunkan semula. Saya ingin tahu apakah sebab-sebab, apakah ada agenda politik tertentu menyebabkan proses untuk menaikkan taraf Jabatan Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa ini dikekalkan semula sebagai jabatan sahaja, tidak hendak diteruskan program untuk menaikannya sebagai satu fakulti.

Yang kedua mengenai dengan Jabatan Pendidikan di Universiti Islam Antarabangsa ini juga, saya difahamkan untuk pengambilan tahun ini dikurangkan bilangan pelajar untuk membuat kursus Diploma Pendidikan. Biasanya Universiti Islam Antarabangsa mengambil sekitar 400 orang pelajar untuk membuat kursus Diploma Pendidikan tetapi dikatakan pada tahun ini dikurangkan kepada hanya 100 orang sahaja dan kita tahu bahawa kebanyakan ataupun hampir keseluruhan ataupun kebanyakan pelajar-pelajar yang mengambil kursus diploma di Jabatan Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa ini terdiri daripada pelajar-pelajar yang lepasan daripada Timur Tengah ataupun Asia Barat sama ada daripada Kaherah di Al-Azzahar Universiti ataupun daripada Jordan dan lain-lain universiti di kawasan Timur Tengah dan Asia Barat.

Untuk melanjutkan pelajaran di bidang Diploma Pendidikan di negara-negara di mana mereka mendapat degree pertama....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:memerlukan kos, tidak banyak Tuan Pengerusi, kos yang tinggi sebab itulah mereka pulang untuk mengambil diploma itu di dalam negeri dengan kos yang agak lebih rendah tetapi kita hendak tahu kenapa

dan apakah benar maklumat itu dan jika benar apakah sebabnya pengambilan itu dikurangkan.

Jadi yang berikutnya ialah di bawah Butiran 330000 mengenai Dasar Baru yang mendapat peruntukan lebih daripada RM1 bilion, RM1,031 juta. Jadi saya ingin tahu apakah dasar-dasar baru Kementerian Pendidikan yang hendak diperkenalkan sehingga memerlukan peruntukan yang begini besar sedangkan saya tahu kerajaan bercakap tentang sekolah bestari, kelengkapan moden dengan komputer dan sebagainya. Tetapi masih terdapat sekolah-sekolah rendah dalam kawasan saya, kawasan Dewan Undangan Negeri yang saya wakili, dalam bandar, hampir dipinggir bandar Alor Setar, masih tidak ada komputer untuk pentadbiran sekolah, bukan untuk kegunaan pelajar, apa lagi untuk kegunaan pelajar, untuk pentadbiran sekolah pun belum ada komputer.

Jadi saya harap kerajaan jangan bercakap sahajalah, laksanakan apa yang dicakap dan penuhi segala keperluan-keperluan sekolah yang basic ini untuk memudahkan pengurusan sekolah dan juga untuk kemudahan pelajar-pelajar.

Jadi setakat itulah sahaja beberapa pandangan yang - satu lagi di bawah Butiran 330600 - Pengurusan Kolej Matrikulasi. Kita tahu bahawa kementerian sebelum ini, pengajian di peringkat matrik diuruskan oleh universiti-universiti dan terutamanya Universiti Malaya yang telah establish dia punya pusat matrikulasi ini tetapi terakhir ini kementerian telah membatalkan pengendalian pusat matrikulasi ini daripada universiti-universiti dan kementerian sendiri hendak menjalankan tetapi sebenarnya tidak.

Sebenarnya apa yang berlaku tidak, pusat matrikulasi ini difrancaiskan, diberi kepada pihak-pihak tertentu yang untuk mengendalikannya dan pusat-pusat matrikulasi ini dan saya pernah juga mengikuti ceramah ataupun komen, ulasan daripada Setiausaha Parlimen waktu beliau menjadi staff universiti dahulu, komennya tentang beberapa pusat-pusat matrikulasi yang diterima oleh Kementerian Pendidikan yang tidak menyediakan kemudahan-kemudahan yang cukup dengan pensyarah yang tidak mencukupi dan peralatan-peralatan yang tidak mencukupi dan menyebabkan pelajar-pelajar tidak begitu gembira untuk belajar di pusat-pusat matrikulasi.

Jadi apakah significantnya kementerian menutup ataupun membatalkan pengendalian pusat-pusat matrikulasi ini untuk diuruskan oleh universiti-universiti kecuali Universiti Islam Antarabangsa dan kemudian menyerahkan pula kepada pihak

swasta untuk mengendalikannya. Jadi, saya ingin penjelasan yang jelas, yang tepat mengenai semua perkara yang telah saya bangkitkan walaupun ada lagi satu butiran, tetapi tak apalah, menghormati Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:saya tamatkan ucapan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak-banyak terima kasih. Tebrau.

5.10 ptg.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya tidak berapa panjang, dua tiga perkara terus kerana rakan-rakan lain hendak berucap.

Saya ingin menyentuh kepada B.26 020500 dan 020600 berhubung dengan asrama. Ini berkaitan dengan kantin sekolah-sekolah asrama penuh. Pada masa ini dasar Kementerian Pendidikan dia menggunakan konsortium yang besar yang mana pada masa yang lalu tiap-tiap orang boleh memohon tender untuk kantin di asrama penuh tetapi ada dasar sekarang ini digunakan satu konsortium yang kemudiannya daripada sini akan diagihkan kepada orang tertentu di sekolah asrama seluruh negara.

Yang timbul masalah sekarang, Tuan Pengerusi, ialah bumiputera-bumiputera di masa lalu dapat tender dengan cara yang baik yang dapat mengatasi masalah penjualan di kantin-kantin dengan baik dan di samping itu dia tidak mengguna satu syarikat besar yang lain. Dia boleh *direct* terus dan ini juga akan melibatkan harga-harga barang makanan di asrama tersebut tetapi kalau dasar yang ada sekarang ini, dia kena dua kali, selepas yang pertama itu mendapat tender besar dan kemudian akan diberi pula kepada yang kedua untuk mengendalikan asrama sebagai *sub*.

Yang ini rasa saya akan melibatkan satu, daripada harga makanan yang disebutkan itu tadi dan yang kedua, banyak melibatkan bumiputera yang sedang menjalankan perniagaan ini akan terjejas kerana *dicontrol* oleh satu badan. Saya ingat macam kantin-kantin sekolah ini tidak payahlah pakai konsortium asrama penuh ini, biasa sahaja sudahlah. Kalau di Johor, beri peluang orang negeri Johor [*Disampuk*] semua sekolah asrama ini contoh. Beri orang di sana, dia mengendalkan dengan harga yang baik kerana dia tidak mengguna satu badan yang lain.

Begitu juga di negeri lain, dia gunakanlah orang di sana tetapi sekarang tidak. Jadi, saya ingat kerajaan dapat mengkaji balik dasar yang tersebut supaya memberi peluang kepada bumiputera yang ada di negeri tersebut untuk menjalankan perniagaan di asrama kantin pada masa-masa yang lalu. Ini akan mendatangkan kebaikan kepada murid-murid dari segi makanan yang saya ingat tentulah harganya akan murah daripada kalau dia mengubah dasar yang ada.

Yang kedua, saya hendak tahu dari segi peraturan undang-undang tubuh kelas tadika, tadika ini. Sekarang ini agak begitu mendadak penubuhan kelas-kelas tadika dan tadika, sama ada ini ada peraturan undang-undang yang diluluskan ataupun mereka ini boleh membuka dengan sesuka hati. Kalau tidak dikawal, saya bukanlah kata menghalang, saya setuju, memang banyak tadika, banyak tabika baik tetapi jangan disalahguna dengan tidak ada peraturan atau tidak ada *syllabus* supaya kerajaan meneliti, menyiasat dahulu penubuhan-penubuhan kelas yang tersebut supaya dapat menjaga pendidikan anak-anak kita yang masih kecil supaya tidak disalahgunakan dan juga dari segi *syllabus* pendidikan pun kita kena kawal.

Jadi, saya ingin tahu Kementerian Pendidikan, adakah undang-undang ataupun dia buka ikut suka hati sahajalah – saya ada kemampuan, saya buka dan saya gunakan. Macam-macamnya saya tengok banyak betul dalam kelas pembukaan ada iklan dan sebagainya. Jadi, ini saya ingat kementerian kena menyiasat supaya mengkaji betul-betul. Saya kata tadi, bukan saya menghalang, saya anggapkan itu pendidikan yang baik. Cuma dari segi *control* dan dari segi peraturan hendaklah dikenakan syarat. Kalau dia langgar, lepas kita kenakan syarat, apa pula tindakan kerajaan yang diambil.

Kalau tidak sekarang ikut sukalah, saya boleh buka dekat rumah saya, panggil murid. Dia punya mata pelajaran pun kita tidak tahu macam mana. Jadi, saya ingat ini kementerian menyiasat dan mengkaji perkara ini – kalau yang baik, yang betul tidak apa, kita galak, kita suruh, memang kita berhajatkan sedemikian.

Yang ketiganya, bantuan-bantuan kepada sekolah agama ataupun sekolah agama rakyat. Saya berterima kasihlah, memang ada kementerian membantu sekolah-sekolah tersebut. Cuma hendak tahulah, kalau adalah sekolah-sekolah itu, guru dia ini banyak benar menentang kerajaan. Dalam pilihan raya yang lalu, termasuk kawasan saya, saya pun serah juga bantuan RM90,000. Bila dekat pilihan raya, saya tengok cikgunya lima enam orang di pintu pagar, menyokong parti pembangkang. Jadi, ini

bukan, saya tidak dengki tetapi saya ingat tidak kenalah, kalau dia tidak suka pun, tak apa tetapi jangan menunjukkan muka.

Lepas itu saya tanyalah, dia kata tidak terlibat tetapi bila pergi buang undi, tengok semua berkumpul di situ. Dia hendak undi siapa, hak individu, masing-masing ada hak – undi sulit. Tetapi kerajaan memberi bantuan untuk menaikkan, bayar gaji, bayar elaun dan sebagainya tetapi sebaliknya dia menentang kerajaan dengan cara terang-terang. Saya tidaklah menyekat atau menganiaya, tidak. Sama jugalah di negeri Kelantan dan Terengganu, kalau ada yang menentang kerajaan pun

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Maaf, ini masa pendek. Nanti Tuan Pengerusi potong masa saya nanti.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, betul.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Ha, nanti dia hendak jawab, berucap dalam jawablah. Saya buat ini, berlaku di tempat saya, itu sebab saya cakap. Saya tidak menganiaya kepada sesiapa tetapi saya kata cara itu tidak kena, kata saya. Jadi, kerajaan kena tengoklah sekolah tersebut. Dan seterusnya, ada berapa minit lagi, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kata sekejap saja.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Ha, lagi satu. *[Disampuk]* Ini termasuk guru-guru yang menentang. Saya minta maaf. Itu hak individu. Guru hendak undi siapa hak dia tetapi kalau di sekolah, tempat lain hentam kerajaan, mengkritik kerajaan, lepas itu balik sekolah, minat hendak mengajar kepada murid pun sudah berbeza hati kerana tidak ada satu semangat untuk mendidik dengan baik kerana sudah dimasukserap untuk menentang. Bercakap menghentam. Di sekolah pun bercakap sampai ada keluar peperiksaan pun memfitnah kepada pemimpin. Saya ingat tidak kena.

Dan kedua, undang-undang dia pula, buat siasat, dapat laporan, tukar. Rupanya tukar daripada sini ke tempat tidak berapa jauh. Saya ingat dalam kes ini, oleh sebab kakitangan kerajaan suka tak suka, dia kena taat kepada pemerintah. Hendak undi kita tidak tahu. Itu hak dia. Tetapi kalau sudah terang-terang, orang beri makan, rezeki, kena taat. Hendak undi itu hak dialah. Jadi, kita punya cara sekarang

ini tukar. Saya ingat kena ubah dasar tukar ini. Kalau betul-betul memang teruk, berhentikan teruslah supaya murid-murid ini tidak rosak.

Itu saja, Tuan Pengerusi. Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sibü.

5.18 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya menyentuh satu dua perkara sahaja dalam masa

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dalam dua minit, bolehkah?

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Dalam masa lima minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okay, bagus.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Lima minit cukup. Saya menyentuh Butiran 020700 Pendidikan Guru dan P.26 Butiran 00700 Pendidikan Guru Maktab Perguruan.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada Kementerian Pendidikan kerana mereka telah cuba buat untuk mengatasi masalah kekurangan guru khasnya di Sekolah Bantuan Cina. Saya telah terima banyak cadangan dari orang biasa, mungkin masalah ialah di samping *minimum qualification*, dengan izin, itu sudah kurang sekarang tetapi sumber permohonan ini mungkin kurang kerana di sekolah menengah kerajaan, kelas Mandarin tidak diadakan dengan baiknya. Walaupun di bawah peraturan kalau mempunyai 15 murid meminta buka satu kelas mandarin, sekolah perlu adakan itu kelas tetapi kadang-kadang ada masalah kekurangan guru iaitu tidak adakan atau mengenai kelas mandarin di dalam sekolah menengah iaitu sumber permohonan kurang kerana itu saya ingin mencadangkan kalau boleh Kementerian Pendidikan kaji semula kemungkinan terima graduan dari Senior Middle III dari sekolah menengah bebas Cina. Saya fikir itu sumber yang sangat baik dan kalau pintu ini dibuka untuk mereka masuk Maktab Perguruan, mungkin masalah ini akan diatasi.

Inilah saya ingin Kementerian Pendidikan, saya fikir, kerana dia kata graduan Senior Middle III dari sekolah menengah bebas Cina mungkin dia punya *minimum qualification*, dengan izin, tidak ada SPM Bahasa Malaysia tapi saya fikir ini mungkin kalau Kementerian Pendidikan beri peluang dan masa untuk mereka mencapai tahap itu di dalam masa training, saya fikir ini mungkin mereka boleh

mencapai tahap satu guru terlatih untuk mengatasi problem kekurangan guru di sekolah rendah khasnya sekolah bantuan Cina.

Tuan Pengerusi, perkara kedua ialah tentang bantuan modal. Tadi Yang Berhormat bagi Serdang telah katakan, saya setuju dengan benar, ialah saya fikir ini kalau kita menurut dasar, mungkin itu dasar yang lamalah iaitu ada dua aliran, satu, bantuan penuh atau SRK di Sarawak, kita mesti pakai SRK, sekolah rendah atau sekolah menengah kerajaan. Ini mereka terima bantuan modal penuh daripada kerajaan. Saya rasa ini tidak ada perbezaan, tidak ada perbezaan. Di bandar sekarang saya fikir majoritinya sekolah rendah dan sekolah menengah ialah sekolah bantuan. Dulu, saya belum tahulah, dulu dia mempunyai satu dasar iaitu ringgit ke ringgit. Kalau you boleh terima kutip derma dari swasta RM100,000, kerajaan akan beri bantuan sama RM100,000 tetapi itu ada dasarnya atau ada peraturannya, saya pun tidak tahu, tapi pengalaman saya ialah sekarang kalau minta bantuan modal sangat sulit.

Saya mahu tanya, untuk tahun ini bantuan modal kepada sekolah bantuan rendah dan menengah di Sarawak contohnya berapa kerana saya fikir ini sangat tidak cukup dan Ahli Lembaga Pengurusan Sekolah kami sentiasa minta derma dari swasta, itu pun sekarang pun sulitlah. Jadi saya haraplah masa sudah tiba iaitu tanggungjawab untuk membina bangunan sekolah dan tambah kelas itu biarlah itu tanggungjawab kerajaan. Okaylah, Ahli Lembaga Sekolah kami boleh bantu tetapi minimumnya one to one, please, dengan izin.

Perkara terakhir ialah Butiran 070000 iaitu Pendidikan Swasta. Pendidikan swasta, saya haraplah ini kalau tentang IPTS saya harap kementerian perlu tubuh satu jawatankuasa khas untuk mengkaji dengan teliti kerana saya fikir sekarang ini di seluruh negara kita terlalu banyak IPTS dan mungkin mereka punya kemudahan pun kurang, lecturer pun kurang, dan mungkin mereka sentiasa keluar iklan istimewa konon menarik murid-murid. Saya fikir tujuan mereka ialah bukan hanya untuk bantu negara kita meningkatkan taraf pendidikan, tujuan mereka majoritinya mungkin untuk bikin keuntungan. Itu saya fikir itu tidak patutlah, itu bukan semangat IPTS. Itu saya harap Kementerian Pendidikan beri perhatian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Subang.

5.26 ptg.

Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar [Subang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana dapat bercakap mengenai satu perkara dalam Belanjawan 2000. Saya ingin menyentuh kepada B.26 Kementerian Pendidikan bagi Butiran 020000 dan 020100, 020300 iaitu berkaitan program Pendidikan Prasekolah, Rendah dan Menengah.

Dalam konteks ini saya ingin membangkit isu sekolah rendah Tamil sahaja. Secara ringkas, Tuan Pengerusi, didapati ada sejumlah 540 buah sekolah rendah Tamil di negara kita. Majoriti antaranya iaitu 360 buah sekolah-sekolah terletak di kawasan estet atau atas tanah estet lama yang kini telah diambil alih oleh pemaju perumahan atau pemaju industri. Akibatnya kebanyakan sekolah-sekolah Tamil iaitu 70% daripadanya dapat bantuan modal sahaja dari pihak Kementerian Pendidikan. Maklumlah sekolah-sekolah estet dibina dari zaman sebelum merdeka oleh colonial bosses, dengan izin untuk melayan pekerja-pekerja ladang dengan motif minimal education sahaja.

Saya kesal menyatakan kebanyakan pembangunan, kemudahan fizikal dan kaedah pengajaran pembelajarannya tidak berubah walaupun taraf sosio ekonomi negara ini telah maju, langkah demi langkah ke arah zaman masyarakat berpengetahuan elektronik, komputer dan IT. Adalah jelas sekolah-sekolah Tamil merupakan satu kumpulan sekolah di negara kita yang menghadapi banyak kekurangan dalam semua aspek kegiatannya. Bayangkanlah sekolah-sekolah dengan bangunan buruk dan lama, ketiadaan bilik guru, ketiadaan bilik perpustakaan, atau tempat kantin atau padang atau kawasan bukah untuk kanak-kanak bermain dan kekurangan bilik-bilik darjah dan tandas.

Oleh kerana sekolah-sekolah tersebut tidak dibina atas tanah milik kerajaan dari dulu ianya tidak berhak dapat bantuan kewangan penuh dari pihak Kementerian Pelajaran, selanjutnya golongan ibu bapa dan komuniti tempatannya terdiri daripada mereka yang kurang mampu dari segi pendapatan, pencapaian pendidikan dan berkebolehan untuk memperbaiki ataupun memulih keadaan sekolah-sekolah tersebut.

Sekolah-sekolah Tamil juga menghadapi masalah serius kekurangan tenaga guru terlatih. Didapati juga purata bilangan guru sementara tertinggi bagi sekolah-sekolah Tamil. Justeru itu murid sekolah-sekolah Tamil ketinggalan dan menjadi kumpulan tercicir yang terbesar di peringkat sekolah rendah dan kemudian sekolah menengah. Anak-anak estet ini kemudian berhijrah ke kawasan bandar tanpa apa jua

kelayakan atau kebolehan (skill) dan lama kelamaan menjadi faktor masalah sosio ekonomi kepada negara kita.

Tuan Pengerusi, inilah zaman Kementerian Pendidikan sedang merancang membina sekolah-sekolah single session.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ucapan panjang lagi? Berapa minit boleh habis?

Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar: Saya ingat lagi enam minit ke tujuh minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan, teruskan, teruskan.

Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar: Sekarang? Baik. Inilah zaman Kementerian Pendidikan sedang merancang membina sekolah-sekolah single session, memperbanyakkan lagi bilik-bilik kelas supaya bilangan murid dapat dikurangkan dalam setiap kelas. Membina dan juga upgrade sekolah-sekolah supaya ianya lengkap dengan semua kemudahan moden seperti perpustakaan, pusat sumber, komputer, dewan, kantin, jim dan lain-lain. Lagipun konsep sekolah bestari mula dilaksanakan supaya pada masa depan anak-anak kita bersedia bersaing dalam dunia tanpa sempadan. Saya sangat gembira dengan perkembangan tersebut di atas tetapi bagaimanakah nasib mereka yang dapat hanya kemudahan yang begitu berkurangan di bangku sekolah.

Tuan Pengerusi, pelajaran adalah jentera utama bagi setiap manusia untuk mencapai taraf kehidupan yang setaraf dengan kebolehan mental dan fizikalnya. Pelajaran adalah hak asasi setiap anak Malaysia dan dijamin oleh kerajaan kita. Bolehkah kita sebagai wakil-wakil rakyat dengan sengaja menafikan golongan kecil ini mendapatkan peluang keemasan di peringkat sekolah oleh kerana mereka lahir kepada ibu bapa pekerja estet dan mereka yang kurang mampu.

Tuan Pengerusi, walaupun lokasi kebanyakan sekolah-sekolah di kawasan estet satu faktor sedang berubah, kebanyakan estet kini telah menjadi kawasan perumahan dan industri. Pihak pemaju mengambil alih tanah estet dan kadang kala mengganti lokasi sekolah estet lama itu. Izinkan saya merujuk kes seperti kepada kes SRJK (Tamil) Seafield U.S.J di kawasan Parlimen saya. Walaupun Jabatan Pendidikan dan pemaju berkenaan membina sebuah sekolah bertingkat satu, pada Januari 1998, pembinaannya tidak memuaskan. Akibatnya lantai telah pecah dan menjadi tidak rata lagi, sampai kerusi guru besar pun senget, retakan dan tanda-tanda pecahan kelihatan di merata-rata tempat dan didapati keadaan tersebut

membahayakan para murid dan guru-gurunya. Hanya apabila saya sebagai Ahli Parlimen kawasan tersebut menyatakan sekolahnya *unfit to be a school* dengan izin, tindakan relevan berlaku. Sekarang, sukacita saya menyatakan pihak Jabatan Pendidikan dan Jabatan Pentadbiran MPSJ telah bertindak mengelakkan sesuatu yang tidak diingini. Kes ini menunjukkan bahawa walaupun sekolah ini mempunyai bangunan yang baru dan dalam kawasan bandar, murid dan guru-gurunya menghadapi masalah hampir dua tahun menjalankan kerja-kerja mereka dalam keadaan tegang sekali. Penyeliaan pembinaannya dan lain-lain aspek fizikal sekolah tersebut tidak seperti standard sekolah-sekolah kebangsaan.

Tuan Pengerusi, jika keadaan tersebut boleh berlaku kepada sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di sebuah kawasan bandar yang begitu maju dan mewah, bagaimanakah nasib lain-lain 70% sekolah yang sama taraf tetapi masih dalam kawasan estet yang mundur?

Tuan Pengerusi, baru-baru ini Kementerian Pendidikan telah mengumumkan perlantikan penyelia sekolah-sekolah Tamil di setiap Jabatan Pendidikan Negeri. Khabar ini sungguh membanggakan kerana ini adalah satu langkah positif untuk membantu sekolah-sekolah Tamil. Walaupun begitu, saya merayu dan mencadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk pastikan penyelia tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai berpengalaman dalam hal ehwal sekolah Tamil. Jawatan Penyelia adalah jawatan kanan setaraf dengan jawatan penyelia lain. Penting sekali jawatannya diberi peruntukan yang mencukupi untuk memperbaiki keadaan fizikal dan kemudahan pengajaran pembelajaran. Sekiranya kita ingin melihat perubahan yang benar-benar ketara dan jelas, perlulah kita memberikan peruntukan yang mencukupi untuk memperelokkan bangunan yang lama dan buruk ataupun perabot dan peralatan yang buruk supaya suasana persekolahan memuaskan dan mendorong proses pengajaran dan pembelajaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tan Sri Dato' Dr. K.S Nijhar: Tuan Pengerusi, akhir sekali saya minta bantuan khas dan mengesyorkan pihak Kementerian Pendidikan memberi perhatian serius kepada semua sekolah-sekolah Tamil supaya pihak-pihak tertentu tiada bermain politik dengan isu ini seperti berlaku di kawasan saya.

Selanjutnya saya mengesyorkan kepada Kementeeian Pendidikan untuk menubuhkan satu tabung di bawah B.26, Butiran 340000 supaya tujuan mencapai

standard yang minimum boleh digunakan dengan serta-merta. Tabung ini akan merupakan *the equalizer fund* dengan objektif *to equalize the inner qualities but* dengan izin, bagi sekolah-sekolah dalam keadaan sangat berkurangan. Saya sangat-sangat berharap pihak Kementerian Pendidikan dapat mengambil tindakan tersebut di atas. Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oleh kerana kesuntukan masa, jadi saya mencadangkan supaya perbahasan kita ini boleh sambung hari esok.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.37 petang.

LAMPIRAN.....

Februari 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D. K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’
Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bemas)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Has him bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)

- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Ha ji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Go h Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)

- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)

- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ **Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)**
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuam)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Oth man, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Khairul Azila binti Haji Khairuddin
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan
Alias bin Md. Nor

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid II

Bil. 24

Selasa

28 Mac 2000

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2000
Jawatankuasa:

Jadual –

Maksud B.22, B.23 dan B.24	(Halaman 22)
Maksud B.25	(Halaman 47)
Maksud B.26 dan B.27	(Halaman 97)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2000

Jawatankuasa:

Maksud P.22, P.23 dan P.24	(Halaman 22)
Maksud P.25	(Halaman 47)
Maksud P.26 dan P.27	(Halaman 97)

